



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Y.B. Tuan Daud bin Dato Haji Taha—Pengerusi Jawatankuasa
Kira-kira Wang Negara Meletakkan Jawatan [Ruangan 1769]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1769]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perikanan [Ruangan 1843]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984) [Ruangan 1902]

Jawatankuasa—

Jadual—

Maksud B. 2 dan B. 7 [Ruangan 1918]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 1842]

**Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984
[Ruangan 1881]**

KANDUNGANNYA—(samb.)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1915]**

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1984 [Ruangan 1907]

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 [Ruangan 1918]

Maksud P. 19 [Ruangan 1919]

Maksud P. 21 [Ruangan 1920]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat,
TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN
MUSTAFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri
Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala
Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN^{idc} UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 10hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

**Y.B. TUAN DAUD BIN DATO'
HAJI TAHA—PENGURUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA MELETAKKAN
JAWATAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu saya telah menerima sepucuk surat daripada Yang Berhormat Tuan Daud bin Dato' Haji Taha, Timbalan Menteri Perusahaan Awam yang menyatakan beliau meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bermula dari 25hb Mac, 1985. Di sini saya bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Daud bin Dato' Haji Taha di atas perkhidmatannya yang baik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PESAWAH MEMILIKI
SAWAH YANG KECIL**

1. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pertanian menyatakan

adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa jumlah pesawah yang memiliki/atau mengusahakan sawah yang kecil melebihi yang mempunyai jumlah yang luas, dan ini merupakan masalah utama kepada pesawah-pesawah untuk meningkatkan pendapatan mereka. Oleh itu apakah strategi-strategi berkesan yang diambil oleh Kerajaan terutamanya dalam pelaksanaan "Dasar Pertanian Negara".

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari yang jumlah pesawah-pesawah yang memiliki atau mengusahakan sawah yang kecil melebihi daripada mereka yang mempunyai jumlah sawah yang luas. Sawah yang kecil dan tidak ekonomik ini akan menyebabkan daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah bagi pesawah-pesawah tersebut.

Walaupun bagaimanapun Kerajaan tidak dapat memaksa pesawah-pesawah yang mengusahakan sawah-sawah yang tidak ekonomik menyerahkan sawah-sawah mereka kepada Agensi-agensi Pembangunan yang ada sama ada institusi-institusi seperti Pertubuhan Peladang ataupun pihak swasta bagi mengatur dan mengumpul sawah-sawah tersebut. Tetapi Kerajaan menggalakkan supaya sawah yang tidak ekonomik ini dikumpul dan diusahakan secara berkelompok atau secara estet. Pelaksanaan konsep sawah secara berkelompok dan estet akan

membolehkan teknologi-teknologi moden dan jentera-jentera pertanian digunakan di kawasan tersebut secara yang lebih ekonomik dan berkesan, dengan cara ini akan dapat mempertingkatkan daya pengeluaran dan pendapatan pesawah-pesawah tersebut.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan akan mengadakan sesuatu peraturan bagi memastikan bahawa tiap-tiap pesawah yang melaksanakan sawah mereka secara kecil-kecilan supaya dilakukan secara berkelompok.

Yang kedua, apakah galakan-galakan yang diberikan oleh pihak Kerajaan sekiranya pesawah-pesawah kecil ini sanggup melaksanakan sawah-sawah mereka secara berkelompok.

Tuan Luhut Wan: Bagaimana yang saya telah jelaskan tadi, pihak Kerajaan atau pihak Kementerian memang membuat pengesyoran kepada para pesawah-pesawah yang mempunyai tanah yang kecil ini supaya menjadikannya sebagai estet ataupun membuatnya menjadi berkelompok. Bagaimana yang saya sudah jelaskan tadi, iaitu agak sukar sedikit pada *ketika* ini bagi pihak Kementerian atau pihak Kerajaan untuk menarik minat mereka ini supaya menyerahkan sawah-sawah mereka ini untuk dijadikan estet berkelompok, oleh kerana kebanyakan mereka mengatakan bahawa tanah ini sungguhpun kecil tetapi adalah sebagai harta pusaka dari turun temurun mereka. Jadi bagi pihak Kementerian, tidak dapat memaksa petani-petani ini supaya menyerahkan tanah-tanah mereka untuk dijadikan estet-estet bagaimana yang saya katakan di dalam jawapan saya tadi.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian bercadang agar pesawah-pesawah, yakni yang memilik dan mengusahakan sawah padi yang kecil ini supaya disatukan dalam sebuah koperasi sebagaimana Koperasi Sawah Padi di Bukit Cawi, Seberang Perak yang mana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah merasmikannya itu.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, begitulah harapan pihak Kementerian dan Kerajaan. Saya akan membawa perkara ini kepada pertimbangan Yang Berhormat Menteri dan Kementerian untuk memberi pertimbangan atas syor yang telah pun dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu dan juga saya mintalah kerjasama daripada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Barisan Nasional supaya bekerjasama dengan Kementerian dan Kerajaan untuk memberi penjelasan yang lebih luas kepada petani-petani yang mempunyai tanah yang tidak ekonomik ini supaya mereka dapat mengikut apa yang dicadangkan dalam Dasar Pertanian Negara.

PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN—PENGLIBATAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

2. **Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah penglibatan Kementerian-kementerian yang terlibat dengan program negara dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan apakah Kementerian-kementerian berkenaan. Setakat ini apakah halangan-halangan yang dihadapi dan kejayaan yang telah diperolehi bagi menyelesaikan sebahagian dari halangan-halangan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, terdapat

beberapa Kementerian dan Jabatan yang terlibat secara langsung dengan usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Kementerian/Jabatan ini adalah terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Penglibatan Kementerian-kementerian ini adalah luas iaitu meliputi usaha-usaha meningkatkan lagi pendapatan serta memperbaiki taraf hidup golongan-golongan miskin di bawah bidang kuasa Kementerian/Jabatan masing-masing. Umpamanya, Kementerian Pertanian bertanggungjawab bagi memajukan kawasan yang sedia ada melalui program pembangunan in-situ, program kemajuan pertanian bersepadu, pemberian subsidi pertanian, pemerosesan dan pemasaran hasil-hasil pertanian serta mengadakan kemudahan pengairan. Di samping itu, Kementerian-kementerian yang berkenaan juga dibantu oleh beberapa agensi di bawahnya seperti FELDA, FELCRA, RISDA, MADA, KADA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan lain-lain untuk meningkatkan mutu dan produktiviti serta penggunaan teknologi pertanian yang moden.

Selain daripada Kementerian-kementerian yang disebutkan tadi, Kementerian-kementerian lain, secara tidak langsung, semuanya juga terlibat dengan program membasmi kemiskinan iaitu Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, umpamanya dalam usaha menjalankan program-program memajukan perkampungan dan menyusun semula penempatan Orang

Asli, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan umpamanya bagi menyediakan rumah-rumah kos rendah, Kementerian Pelajaran bagi memberikan biasiswa dan bantuan buku-buku teks percuma dan Kementerian Kesihatan dalam usaha memberikan rawatan percuma kepada pesakit-pesakit.

Terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh Kementerian-kementerian dalam usaha mereka melaksanakan program-program bertujuan membasmi kemiskinan. Ini termasuk, antara lain, saiz tanah yang tidak ekonomik, kekurangan sumber kewangan akibat kemelesetan ekonomi bagi membiayai kos projek, sikap masyarakat yang sukar menerima pembaharuan dan terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan, masalah penyakit yang merosakkan tanaman serta penurunan harga pasaran hasil-hasil pertanian.

Walaupun demikian, halangan-halangan tersebut dapat diatasi dengan adanya langkah-langkah yang berkesan yang dijalankan oleh Kementerian-kementerian seperti menggalak perkebunan secara koperatif atau kumpulan, memberikan keutamaan bagi projek-projek yang lebih mendatangkan keuntungan, mengadakan kempen, penerangan, kursus dan latihan serta khidmat nasihat bagi menyedarkan dan mengubah sikap masyarakat untuk menerima pembaharuan dan teknologi baru, mencari benih-benih tanaman yang baru yang mempunyai lebih tahan daya menentang penyakit serta memberikan hasil yang berlipat ganda dan mengadakan kawalan harga melalui stok penimbal getah dan subsidi kupon bagi harga padi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan untuk Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang pertama, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa jentera untuk mengawasi prestasi segala Kementerian-kementerian yang diamanahkan ataupun yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program mengatasi kemiskinan.

Kedua, suka saya bertanya juga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa nampaknya usaha-usaha yang telah dilaksanakan sehingga hari ini oleh berbagai-bagai Kementerian ataupun agensi-agensi yang berkenaan untuk membanteras masalah kemiskinan adalah tidak berkesan sepertimana yang dibuktikan dalam buku Rancangan Malaysia Keempat yang menyatakan bahawa masalah kemiskinan khasnya kemiskinan di luar bandar telah menjadi buruk dan sekiranya Yang Berhormat Menteri sedar tentang hal ini, suka saya mendapat tahu apakah langkah-langkah lanjut yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan usaha-usaha melaksanakan program mengatasi masalah kemiskinan ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, bab pertama, di Jabatan Perdana Menteri kita mempunyai beberapa bahagian seperti Unit Perancang Ekonomi, ICU, Bahagian SERU dan lain-lain yang sebenarnya bertugas untuk mengawasi dan mengikuti melalui Bilik Gerakan yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri segala proses pelaksanaan membasmi kemiskinan.

Yang kedua, sama ada kita sedar bahawa usaha-usaha kononnya mengikut Ahli Yang Berhormat tidak berkesan. Saya ingin menyatakan sebenarnya keberkesanan adalah melebihi daripada unjuran. Satu daripada aspek yang selalu kita

jelaskan ialah ukuran kemiskinan itu sendiri kita mempunyai takrif kita sendiri. Dari masa ke semasa kadar dipernaiikkan sekiranya masih terdapat peratusan yang dikira dalam hal kemiskinan ini oleh kerana kita dari masa ke semasa meningkatkan taraf kemiskinan itu sendiri. Sama ada keadaannya makin buruk, ini adalah tidak benar oleh kerana sudah tentu kesan pelaksanaan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan sudahpun dirasai di merata pelusuk tanahair kita. Apakah langkah yang kita ambil untuk mengurangkan jurang kemiskinan, sudah tentu langkah-langkah tersusun secara sistematik difikirkan. Umpamanya kita menyatakan dalam rangka kita menyediakan Rancangan Malaysia Kelima faktor-faktor untuk memajukan kawasan luar bandar diambil kira yang mana peruntukan-peruntukan khusus dibuat untuk meningkatkan lagi keadaan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang melibatkan prasarana, bekalan elektrik, air, jalanraya dan sebagainya juga perkhidmatan-perkhidmatan yang lain yang secara langsung akan menyumbangkan kepada hakikat bahawa kemiskinan akan dapat dikurangkan ataupun diatasi. Saya hendak katakan di sini, langkah-langkah memang diambil oleh Kerajaan untuk memikirkan cara-cara memperbaiki lagi keadaan kemiskinan yang wujud khususnya di kawasan bandar mahupun luar bandar seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dalam nama-nama Menteri yang disebut tadi Yang Berhormat tidak menyebut nama Menteri Kewangan yang mengeluarkan wang untuk membasmi kemiskinan dan juga Menteri Perdagangan dan

Perindustrian yang mungkin akan memberi kegiatan ekonomi yang menguntungkan. Jadi, apakah Kerajaan bercadang untuk membuka peluang-peluang yang lebih luas kepada bumiputera. Apabila kita sebut miskin bumiputera dalam bidang kegiatan ekonomi yang menguntungkan. Misalnya, dalam bidang import-eksport, franchise, pengedaran dan juga lain-lain perniagaan dan juga perdagangan yang dikawal oleh Kerajaan supaya keadaan ini akan dapat mengubah bumiputera ataupun mereka yang tidak mencapai taraf yang lebih baik ini kepada kegiatan yang menguntungkan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keseluruhan sistem Kerajaan itu sendiri adalah ditumpukan untuk melaksanakan dasar yang dibuat oleh Kerajaan sendiri. Ini termasuk mana-mana Kementerian dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sudah tentu Kementerian Kewangan merupakan Kementerian yang paling asas dalam rangka kita melaksanakan hakikat ini.

Saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dari segi pelaksanaan dasar memberi peluang kepada bumiputera seperti apa yang dikatakan golongan yang ditakrif sebagai yang miskin dalam rangka ini. Kita tidak lari daripada memikirkan bahawa adanya Dasar Ekonomi Baru jadi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu sendiri adalah menyeluruh dan peringatan mengenai adanya Dasar Ekonomi Baru ini memang diambil kira oleh kesemua Kementerian.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat menyatakan untuk kita membuka peluang-peluang kegiatan ekonomi bagi bumiputera ini sudah pun termasuk dalam golongan

pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang dijalankan oleh kesemua Kementerian-kementerian.

PINJAMAN DARIPADA BANK DUNIA/ASIAN DEVELOPMENT BANK

3. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan dan nilai pinjaman Bank Dunia dan Asian Development Bank yang ditanggung oleh Kerajaan; dan
- (b) apakah garis panduan untuk mengalirkan pinjaman-pinjaman seperti itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31-12-84 Kerajaan telah menerima 42 pinjaman bernilai \$2,610.72 juta dari Bank Dunia dan 48 pinjaman bernilai \$1,863.57 juta dari Bank Pembangunan Asia. Di samping itu juga Kerajaan telah menjamin 15 pinjaman bernilai \$1,152.17 juta dari Bank Dunia dan 3 pinjaman bernilai \$53.83 juta dari Bank Pembangunan Asia.

Pinjaman-pinjaman yang dijamin ini adalah berupa pinjaman daripada institusi-institusi kewangan itu kepada Badan-badan Berkanun Kerajaan seperti Lembaga Letrik Negara, Lembaga Pelabuhan Sabah, Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang dan Lembaga Letrik Sabah.

Seperti yang telah saya nyatakan tadi pinjaman daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia telah disalurkan melalui dua cara iaitu pinjaman secara terus kepada Kerajaan dan pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dengan dijamin oleh Kerajaan.

Bagi pinjaman terus kepada Kerajaan, sebahagian besarnya adalah

bagi melaksanakan projek-projek pertanian yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan. Bakinya adalah bagi melaksanakan projek-projek pelajaran, kesihatan, pengangkutan, perhubungan dan perusahaan.

Bagi pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan sebahagian besarnya adalah untuk membiayai projek-projek kemudahan awam seperti bekalan elektrik dan air sementara bakinya adalah bagi membiayai projek-projek pengangkutan dan perusahaan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan jika sekiranya sesuatu projek yang dilaksanakan di bawah pinjaman Bank Dunia atau ADB dan pada suatu ketika kos melebihi daripada kosnya asal, bagaimanakah Kerajaan dapat merundingkan semula dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk menentukan bahawa projek itu dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya pinjaman-pinjaman daripada Bank Dunia ataupun daripada ADB adalah merupakan pinjaman yang ditetapkan jumlah tertentu tetapi tidak semestinya keseluruhan projek itu dibiayai oleh pinjaman ini. Ertinya sebahagian daripada pembiayaan-pembiayaan tadi perlu juga ditambah oleh Kerajaan kita sendiri. Maka oleh itu kalau sekiranya timbul kenaikan-kenaikan harga akibat dari satu-satu perkara yang mungkin tidak dapat diketahui sewaktu perancangan itu diadakan, ada dua cara iaitu sama ada menambah pinjaman-pinjaman mengikut syarat-syarat tertentu ataupun Kerajaan sendiri terpaksa menambah bahagiannya dengan tujuan supaya projek yang sedang dijalankan itu tidak terbengkalai

hanya disebabkan oleh kenaikan kos di dalam proses pembangunan projek yang berkenaan tadi.

UNESCO—SUMBANGAN KERAJAAN MALAYSIA

4. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah yuran kepada UNESCO dan apakah faedah-faedah yang diterima.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sumbangan Kerajaan Malaysia kepada UNESCO adalah sebanyak 0.09% daripada belanjawan organisasi itu.

Umpamanya bagi tahun 1985 ini sumbangan negara kita kepada UNESCO adalah sebanyak US\$155,015 ataupun M\$372,276. Faedah-faedah yang diperolehi oleh Malaysia dari penyertaan dan penglibatan dalam UNESCO adalah di dalam dua bentuk iaitu yang dapat diperhitungkan dan diberi nilai kewangan serta faedah-faedah lain yang tidak dapat diperhitungkan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara faedah-faedah yang dapat diperhitungkan yang diperolehi dari penyertaan kita dalam UNESCO bagi tahun 1984/1985 ialah seperti berikut:

- (1) bantuan kepada projek-projek atau aktiviti bernilai sebanyak M\$346,545.85;
- (2) biasiswa ataupun bantuan kajian kepada 35 orang peserta;
- (3) khidmat dari 6 orang pakar perunding;
- (4) penyertaan 79 peserta di mesyuarat ataupun bengkel ataupun seminar dan kursus di peringkat antarabangsa;

- (5) bantuan peralatan seperti alat mengesan bacteria dan alat menganalisa mutu air yang bernilai sebanyak \$43,296.

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah lain yang tidak dapat diperhitungkan atau diberi nilai kewangan yang diperolehi dari penyertaan dalam UNESCO adalah melalui usaha sama intelek di peringkat antarabangsa ataupun serantau.

Penyertaan dalam usaha sama seperti ini merupakan satu daripada langkah-langkah penting bagi mempercepatkan proses pemindahan teknologi terutamanya dibidang pelajaran, sains, kebudayaan, komunikasi dan sains sosial.

Penglibatan dalam program dan aktiviti bersama ini juga telah mengeratkan perhubungan dan melahirkan persefahaman di antara peserta lebih-lebih lagi dalam lingkungan rantau ini.

Seterusnya, penglibatan Malaysia dalam UNESCO juga memberi peluang kepada negara kita mempertingkatkan lagi imej di arena antarabangsa. Penyertaan delegasi-delegasi Malaysia dalam Persidangan Agung dan keanggotaan Malaysia dalam Lembaga Kerja pada tahun-tahun 1978 hingga 1983 telah memberi peluang kepada negara menyumbangkan pendapat dan pandangan tertentu mengenai isu-isu yang timbul yang mempengaruhi dasar dan arah organisasi itu.

Tuan Ismail bin Said: Baru-baru ini Amerika Syarikat telahpun menarik diri dari menjadi ahli UNESCO. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini mengapakah Amerika Syarikat berbuat demikian. Dan sama ada penarikan diri Amerika Syarikat

daripada menjadi ahli UNESCO ini telahpun menjejaskan perjalanan UNESCO itu sendiri. Dan selain daripada Amerika Syarikat, adakah negara-negara lain yang turut juga menarik diri menjadi ahli UNESCO ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebagaimana kita sedari bahawa Amerika Syarikat telah menarik diri daripada UNESCO. Dan kesannya yang paling nyata kepada kita ialah sumbangan Amerika Syarikat sebanyak 25% kepada fund atau tabung UNESCO terjejas dan kita pun memang berusaha supaya kesan yang tidak baik ini dapat diatasi. Namun demikian, itu terpulanglah kepada Amerika Syarikat sendiri kerana kepada mereka ia berfikir bahawa tindakan mereka itu adalah tindakan yang baik. Dan bagi pihak kita yang masih dalam UNESCO kita percaya bahawa dengan adanya kita sebagai anggota UNESCO, kita mendapat keuntungan daripadanya, tetapi kepada Amerika Syarikat, itu pandangan mereka.

Memang ada negara-negara lain yang hendak menarik diri daripada UNESCO, termasuklah negara jiran kita sendiri dan juga beberapa buah negara yang ura-ura hendak keluar, sebabnya ialah mereka itu mungkin menganggap bahawa organisasi UNESCO itu tidak begitu lengkap, teratur, tetapi kita berusaha sebagai anggota yang percaya akan sumbangan UNESCO itu yang kita percaya kepadanya dan kita berharap mereka ini akan mempertimbangkan keadaan dan kedudukan mereka itu.

FELCRA/FELDA— PERANAN DI SARAWAK

5. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan

bilakah FELCRA/FELDA akan meluaskan peranannya ke Sarawak. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan itu dan sejauh mana rundingan telah dijalankan antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat FELCRA telah mula melaksanakan Program Pembangunan Tanah di Sarawak pada tahun 1979 di Ngangatada, Nganga Ngungun, Nganga Jagau dan Nganga Sekuau iaitu meliputi Program Penempatan Semula penduduk-penduduk di kawasan keselamatan RASCOM atau "Rajang Area Security Command", dengan izin. Penglibatan FELCRA secara menyeluruh belum lagi dapat dibuat oleh kerana FELCRA memerlukan pindaan Akta untuk membolehkannya berfungsi di negeri tersebut. Di Sarawak pada masa ini sudahpun ada SALCRA yang fungsinya adalah hampir sama dengan FELCRA.

Bagi FELDA pula penglibatannya masih lagi di peringkat perancangan dan perundingan. Perbincangan lanjut telahpun diadakan dengan pihak Lembaga Simpanan dan Kemajuan Tanah Sarawak atau "Land Custody and Development Authority (LCDA)", dengan izin, Kementerian Kemajuan Tanah dan Hasil Bumi Sarawak, Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak, Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA). Satu kawasan seluas lebih kurang 5,000 ekar di kawasan Bau/Lundu dalam Bahagian Pertama telahpun ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk membolehkan lebih kurang 10,000 ekar lagi di kawasan

yang sama ditawarkan kepada FELDA untuk dimajukan supaya ianya lebih ekonomik untuk ditadbirkan. Buat permulaannya hanya kawasan-kawasan milik Kerajaan Negeri (LCDA) yang akan diberi tumpuan. Kawasan-kawasan dalam status Native Customary Land, dengan izin, masih mempunyai beberapa isu dan masalah yang perlu diselesaikan di peringkat Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

KONSEP ZOPFAN— PELAKSANAAN

6. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah keberkesanan perjuangan ASEAN khususnya Malaysia untuk menjadikan negara-negara rantau ini sebagai negara bebas, aman dan berkecuali.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh ialah pelaksanaan konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN), bagi rantau Tenggara Asia.

Sepertimana yang kita sedia maklum konsep ZOPFAN untuk Tenggara Asia ini telah diutarakan oleh ASEAN melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan ianya merupakan satu objektif jangka masa panjang ASEAN. Semenjak itu kita telah memajukan konsep ZOPFAN ini di forum-forum antarabangsa dan telah mendapat sokongan positif dari kebanyakan masyarakat antarabangsa seperti pergerakan negara-negara berkecuali, Kommanwel dan EEC. Kita juga telah mendapat sokongan sepenuhnya dari negeri China, kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union pula tidak menolak cadangan ZOPFAN tersebut dan telah menerimanya secara prinsip.

Baru-baru ini Vietnam dan Laos juga telah memberi sokongan mereka terhadap cadangan ZOPFAN ini, namun begitu saya ingin menekankan di sini bahawa cadangan ZOPFAN adalah merupakan objektif jangka masa panjang dan akan mengambil masa pelaksanaan sepenuhnya akan bergantung kepada keadaan cuaca politik di rantau ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, konsep ZOPFAN ini sudah berusia 14 tahun pada hari ini dan tidak ada banyak kemajuan dibuat setakat ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada perdamaian di rantau Kampuchea merupakan suatu syarat mutlak dan syarat utama atau pre-condition kepada pencapaian atau wujudnya ZOPFAN ini, dan kalau itu menjadi satu syaratnya, maka adakah kita akan bertahan selama-lamanya akan memperjuangkan ini untuk selama-lamanya oleh kerana mungkin penyelesaian di Kampuchea tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan usaha-usaha untuk menjayakan ZOPFAN ini adalah satu proses untuk mewujudkan keadaan-keadaan dan juga situasi-situasi apabila pada satu masa nanti kita boleh menyatakan bahawa kawasan ini atau rantau ini telahpun benar-benar menjadi satu zon yang bebas, aman dan berkecuali. Bilakah situasi-situasi ataupun keadaan-keadaan telahpun wujud yang mana kita boleh menyatakan bahawa rantau ini telahpun menjadi satu rantau ZOPFAN, maka ini adalah perkara yang subjektif iaitu bergantung kepada pemikiran ataupun perkiraan seseorang. Oleh sebab itu dalam usaha untuk mewujudkan

keadaan ini sudah tentulah soal atau masalah pencerobohan Vietnam terhadap Kampuchea itu merupakan satu perkara pokok yang harus diselesaikan sebelum kita benar-benar boleh dijadikan zon atau satu zon yang aman, bebas dan berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, apabila perkara Kampuchea itu telah selesai dan juga soal menjadikan kawasan ini satu zon yang bebas dari senjata-senjata nuklear dan juga lain-lain keadaan telahpun diwujudkan dan sebilangan besar rakyat yang boleh berfikir ataupun orang-orang yang boleh berfikir nyatakan bahawa zon ini memang merupakan satu zon yang benar-benar bebas, berkecuali dan aman, maka pada masa itu bolehlah kita katakan, kita telahpun berjaya untuk menjadi rantau ini sebuah rantau ZOPFAN.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 7 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

PENERBITAN BUKU KANAK-KANAK—GARIS PANDUAN

8. **Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan penerbitan buku kanak-kanak oleh penerbit-penerbit sejak kebelakangan ini sangat pesat sempena dengan kempen membaca yang dianjurkan oleh Kerajaan, apakah garis-garis panduan Kementerian dalam menentukan yang penerbit-penerbit dan pengarang-pengarang ini mengawasi tema, ejaan, struktur bahasa, pola-pola ayat supaya kanak-kanak menaruh minat bukan sahaja kepada tajuk dan ilustrasi yang menarik tetapi buku yang dibeli hendaklah bermutu dalam serba-serbi kerana kanak-kanak usia yang begitu mentah mereka langsung tidak boleh

menilai baik-buruknya sesebuah buku bacaan itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran ada menyediakan satu garis panduan berhubung dengan bahan-bahan bacaan di bawah kawalan Kementerian Pelajaran dan bahan bacaan tambahan KBSR supaya dipatuhi oleh penerbit-penerbit dan penulis-penulis tempatan. Garis panduan ini bukan sahaja memberi perhatian kepada aspek-aspek tema, struktur bahasa, perbendaharaan kata, ejaan, pola ayat, mutu jilidan dan ilustrasi buku, tetapi juga memberi penekanan terhadap pembentukan peribadi, perkembangan sosial dan penerapan nilai-nilai yang positif dalam diri kanak-kanak itu.

Selain dari itu Kementerian Pelajaran juga ada unit-unit tertentu yang bertanggungjawab untuk menilai buku-buku bagi menyediakan senarai-senarai buku-buku yang sesuai untuk pembacaan murid-murid.

JENAYAH/ROMPAKAN BERSENJATA—PENCEGAHAN

9. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kes-kes rompak menggunakan senjata api semakin meningkat jumlahnya, jika sedar sila nyatakan:

- (a) sama ada bertambahnya kes rompak ini disebabkan oleh masalah sosial dan jika betul demikian nyatalah rancangan Kerajaan untuk membantaras kegiatan ini dari segi penyelesaian sosial; dan
- (b) langkah-langkah fizikal yang diambil oleh Kerajaan untuk membantaras kejadian jenayah yang serius ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan adanya kejadian-kejadian jenayah termasuk rompakan bersenjata di negara ini. Sungguhpun kes-kes rompakan telah meningkat, tetapi ianya tidak membimbangkan. Pertambahan jumlah rompakan bersenjata dari tahun ke tahun adalah ekoran dari pembangunan dan percambahan ekonomi yang pesat, maka sedikit sebanyak gejala-gejala sosial wujud terutama di bandar-bandar besar dalam negara ini.

Pihak Polis dan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab sentiasa memberi perhatian yang rapi ke atas masalah ini dan melancarkan tindakan pencegahan melalui strategi-strategi yang sesuai, yang boleh mencegah gejala-gejala ini merebak. Pihak Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah fizikal dari masa ke semasa untuk membantaras dan mencegah kejadian jenayah sedemikian rupa. Di antara langkah-langkah yang dijalankan untuk membantaras kejadian-kejadian jenayah ialah:

- (i) menambah bilangan anggota Polis di tempat-tempat yang tertentu untuk mengambil tindakan tegas terhadap penjenayah-penjenayah yang diketahui terlibat di dalam kegiatan tersebut.
- (ii) mengetatkan kawalan-kawalan sempadan dan perairan untuk mencegah penyeludupan khususnya senjata.

Sebagai langkah jangka panjang pula, pihak polis mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat swasta untuk mewujudkan kesedaran keselamatan harta benda dan keselamatan diri. Pihak polis juga telah menambah alat-alat perhubungan ringan dan

kenderaan-kenderaan kecil untuk meningkatkan pengawalan keselamatan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti kemungkinan berlakunya jenayah-jenayah rompakan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebut tadi bahawa salah satu daripada langkah mencegah dan mengurangkan kejadian jenayah, rompakan dan sebagainya, saya percaya satu daripada langkahnya ialah dengan cara membuang daerah orang-orang yang disyaki menjadi kepala gangster dan sebagainya. Pertanyaan saya ialah sama ada Timbalan Menteri sedar bahawa langkah buang daerah ini menyebabkan kawasan-kawasan yang dahulunya aman telah menjadi kotor dan telah bertambah dari segi bilangan jenayah. Sama ada perkara ini akan dikaji balik untuk menentukan bahawa kawasan-kawasan yang aman tidak menjadi kacau-bilau oleh kerana hendak menyelamatkan tempat-tempat lain.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa Kerajaan menggunakan kuasanya melalui undang-undang yang ada, malahan undang-undang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi wujud semenjak tahun 1933 lagi, iaitu undang-undang yang dikenali sebagai Restricted Residence Ordinance, dengan izin. Kita menggunakan undang-undang itu untuk membuang daerah orang-orang yang dipercayai terlibat dalam kegiatan yang tidak diinginkan dan kita memilih tempat-tempat berpandukan kepada laporan yang diberi oleh pihak polis. Walau bagaimanapun, jika terdapat orang-orang yang telahpun dihantar ke sesebuah daerah yang tidak begitu sesuai oleh kerana ia tidak boleh mendapatkan pekerjaan umpamanya ataupun ia selalu melanggar syarat-syarat yang

ditentukan, kita boleh dari semasa ke semasa, memindahkan ke kawasan yang lain. Walau bagaimanapun, sepertimana yang kita semua sedia maklum Malaysia adalah sebuah negara yang kecil dan terdapat begitu banyak orang-orang yang perlu dibuang daerah dari semasa ke semasa.

Atas syor Yang Berhormat tadi, memanglah Kementerian sedang mengkaji perkara ini dan jika ada satu kes yang spesifik, bolehlah Yang Berhormat bawa kepada pengetahuan saya untuk tindakan.

GETAH ASLI/KOKO/ LADA HITAM/KELAPA— MENSTABILKAN HARGA

10. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil atau telah diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama untuk mengatasi dan menstabilkan harga komoditi negara seperti getah asli, koko, lada hitam dan kelapa di pasaran dunia.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, harga eksport barangan utama Malaysia seperti getah asli, koko, lada hitam dan kelapa banyak bergantung kepada faktor-faktor permintaan dan bekalan di pasaran antarabangsa. Di antara faktor-faktor permintaan adalah Pertubuhan Ekonomi Dunia seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun serta kadar faedah, kadar inflasi dan juga kadar guna tenaga di negara-negara tersebut. Di samping itu, bekalan adalah bergantung kepada pengeluaran barangan utama oleh negara-negara pengeluar dan lebihan yang didapati dalam pasaran antarabangsa. Ketidakseimbangan di antara faktor permintaan dan bekalan mengakibatkan harga barangan utama naik atau turun.

Bagi getah asli, Malaysia telah menyertai Perjanjian Getah Asli Antarabangsa bersama-sama dengan lain-lain negara pengeluar dan pengguna untuk menstabilkan harga getah yang berpatutan kepada pengeluar dan pengguna. Di peringkat dalam negeri, MARDEC dan RISDA sentiasa menyediakan saluran pasaran kepada pekebun-pekebun kecil getah dengan memberi harga yang berpatutan. Di samping itu, misi-misi perdagangan juga dihantar ke luar negeri untuk meningkatkan lagi permintaan untuk getah asli Malaysia. Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk meningkatkan produktiviti sektor getah asli, khususnya di kalangan pekebun-pekebun kecil. Ini membolehkan mereka mendapat pendapatan yang lebih baik.

Bagi koko, Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan usaha-usaha menstabilkan harga koko melalui Perjanjian Koko Antarabangsa walaupun Malaysia bukan menjadi ahli dalam perjanjian tersebut pada masa ini. Di peringkat dalam negeri pula, Kerajaan telah melaksanakan skim pengredan dan pensijilan bagi menjamin mutu koko yang dieksport untuk mendapatkan harga yang lebih baik. Usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pemerosesan lanjut koko untuk mendapat nilai koko yang lebih baik. Aktiviti penyelidikan juga sedang giat dijalankan untuk menghasilkan benih koko yang lebih baik. Dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Koko Malaysia bagi mewujudkan satu fokus kebangsaan dan pendekatan yang bersepadu untuk menguatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan industri koko.

Bagi lada hitam, Malaysia bersama dengan negara-negara pengeluar lada hitam yang lain telah menubuhkan Pertubuhan Lada Antarabangsa

(International Pepper Community). Pertubuhan ini melaksanakan skim harga eksport minima bagi lada hitam yang dieksport ke pasaran New York. Skim ini adalah bertujuan untuk menunjukkan negara-negara anggota tidak menjual lada hitam mereka di bawah harga minima yang dipersetujui di pasaran New York.

Bagi minyak kelapa, Malaysia menyertai dalam Pertubuhan Serantau Asian-Pacific Coconut Community. Pertubuhan ini sedang mengkaji kaedah atau mekanisme baru untuk menstabilkan harga kelapa.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dalam pasaran koko, lada hitam dan juga kelapa sawit adakah pihak Kerajaan atau pihak Kementerian membuat ikatan perjanjian jualan jangka panjang supaya dapat menstabilkan penjualan barang-barang tersebut, sebagaimana ikatan kita dengan negara-negara luar membeli gula, walaupun gula menurun tetapi kita masih membeli gula dengan harga yang mahal. Apakah pihak Kementerian ini melaksanakan bagi menstabilkan harga komoditi seperti ini.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa ini. Sebenarnya usul ini adalah bergantung kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk mendapat perjanjian jualan jangka panjang.

PELABUHAN KELANG PELABUHAN KUANTAN— OPERASI

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah terakhir yang telah diambil

untuk meningkatkan operasi dan perkhidmatan yang diberikan oleh Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Kuantan dan lain-lain pelabuhan di negara ini selaras dengan taraf lain-lain pelabuhan di dunia; dan

- (b) sejauh mana Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Kuantan dan lain-lain pelabuhan akan diswastakan, terutamanya terminal kontena dan apakah yang telah dilakukan ke arah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa perkhidmatan yang diberi oleh pelabuhan-pelabuhan di negara ini adalah setanding dengan pelabuhan-pelabuhan lain di dunia. Kesemua pelabuhan utama di Malaysia mempunyai kemudahan untuk mengendalikan semua jenis kargo conventional, kargo cecair dan kargo kontena.

Bagi membaiki lagi kemudahan yang ada, dua pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Pulau Pinang telah baru-baru ini mendalamkan selat masuk ke pelabuhan masing-masing dan dengan itu membolehkan kapal-kapal yang lebih besar masuk ke pelabuhan-pelabuhan ini. Di Pelabuhan Johor, rancangan pembesaran pelabuhan dengan pembinaan 3 buah dermaga lagi hampir siap dan akan beroperasi sepenuhnya pada tahun ini. Pelabuhan Kuantan telah mula beroperasi pada tahun 1983 dan mempunyai kemudahan yang cukup untuk mengendalikan semua jenis kargo untuk beberapa tahun lagi.

Berkenaan dengan prestasi pelabuhan pula, ingin saya nyatakan bahawa adalah menjadi matlamat tiap-tiap pelabuhan untuk meningkatkan

kecekapan operasi dan perkhidmatan mereka. Pada masa ini terdapat perkhidmatan-perkhidmatan di pelabuhan yang telah pun diswastakan, seperti perkhidmatan punggah-memunggah kargo (stevedoring) di Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Johor dan juga beberapa perkhidmatan lain seperti kerja membersihkan bangunan, dermaga dan beberapa urusan penyelenggaraan alat-alat jentera.

Pada amnya pihak-pihak pelabuhan adalah terbuka kepada cadangan-cadangan penswastakan dan jika sesuatu perkhidmatan dapat diswastakan, perkara ini akan dikaji.

Berhubung dengan penswastakan terminal kontena Pelabuhan Kelang, perkara ini pada masa sekarang masih dalam kajian.

Tuan Yew Foo Weng: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai masalah kecurian di Pelabuhan Kelang. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini sebelum membuat rancangan untuk menswastakan perkhidmatan di dalam Pelabuhan Kelang tersebut.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini begitu umum, saya kalau boleh dapatkan spesifik soalan, kecurian dari segi apa itu?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masih wujudnya masalah pembayaran demurrage di Pelabuhan Kelang misalnya dan adakah cadangan untuk mempercepatkan pemungghahan (clearance) kargo di pelabuhan itu supaya pembayaran demurrage ini dapat dikurangkan.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Pelabuhan Kelang tidak ada satu bangunan untuk Kastam. Ini bermakna tiap-tiap permohonan untuk clearance itu hendak menjelajah ke hampir 17 ataupun 14 stesen.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar masalah ini berlaku dan oleh itu segala persiapan untuk memperbaiki dan memudahkan lagi pemunggahan kargo-kargo ini sedang pun disusun.

Soalan yang kedua, berkenaan dengan bangunan khas untuk Kastam, ini perlulah Yang Berhormat itu membincangkan dengan Kementerian yang berkenaan.

SEKOLAH RENDAH DI BAKONG OYA/MEDONG DALAT— PEMBINAAN

12. Tuan Leo Toyad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk membina sekolah rendah baru di kawasan Bakong Oya dan di Medong Dalat oleh kerana keadaan bangunan sekolah yang sudah tua.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk membina sekolah rendah baru di kawasan Bakong Oya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk membina projek gantian ataupun tambahan di sekolah tersebut.

Mengenai sekolah rendah di Medong Dalat, sekolah ini adalah di bawah Skim Sekolah Bantuan Modal dan perlu memohon melalui Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak untuk pertimbangan, tertakluk kepada kewangan yang sedia ada.

TANAH MILIK KERETAPI TANAH MELAYU

13. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa hektar tanah yang dimiliki oleh KTM mengikut Negeri dan apakah rancangan tanah-tanah yang dimiliki oleh KTM selain daripada untuk kegunaan dan simpanan laluan stesen bagi menampung kerugian KTM sepanjang masa dan penyelesaian tempat kediaman anggota KTM.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh KTM ialah sebanyak 6,699.35 hektar di seluruh Semenanjung Malaysia dan keluasan mengikut negeri-negeri ialah seperti berikut:

Negeri	Luas Hektar
Perlis	206.18
Kedah	558.85
Pulau Pinang	443.54
Perak	1,007.22
Selangor	336.47
Wilayah Persekutuan	253.42
Negeri Sembilan	1,151.21
Melaka	222.13
Johor	362.55
Pahang	160.22
Kelantan	1,997.56

Pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah mengesyorkan supaya tanah-tanah itu dijadikan asas untuk pembangunan landasan baru keretapi dan sumber untuk membiayai kos pembinaan landasan baru itu. Pihak Pentadbiran KTM juga sedang merancang untuk menanam bunga-bunga dan pokok-pokok lain untuk mencantikkan kawasan tanah itu serta mengelak dan mencegah daripada diduduki oleh setinggan-setinggan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya sebentar tadi menjelaskan

bahawa pihak Jabatan Keretapi Tanah Melayu akan menanam pokok-pokok bunga di kawasan-kawasan yang tidak dipakai terutama sepanjang jalan laluan keretapi di bandar-bandar yang sekarang ini diduduki oleh setinggan-setinggan. Mengapa sekarang baru bercakap hendak menanam bunga. Sepatutnya kita bercakap hendak tanam bunga sebelum ada setinggan duduk di situ. Sekarang sudah setinggan duduk di sepanjang jalan keretapi sehingga menimbulkan masalah keselamatan baru kita bercakap tentang hendak tanam bunga dan kalau hendak tanam bunga, apa hendak buat dengan setinggan-setinggan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bagi ucapan ataupun hendak minta pertanyaan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tidak, soalan saya kira.

Tuan Yang di-Pertua: Sila keluarkan soalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan saya sekarang, apa kita hendak buat kepada setinggan-setinggan yang ada sekarang kalau kita hendak tanam bunga, hendak halau mereka ataupun bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua: Apa hendak buat kepada setinggan-setinggan itu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak tanam bunga sudah lama tetapi setinggan ada dekat situ. Sekarang ini kita sudah pun mengeluarkan satu arahan meminta kerjasama daripada setinggan-setinggan supaya dapat mereka keluar daripada kawasan KTM sebelum kita ambil tindakan selanjutnya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. 6,000 hektar tanah hendak ditanam

bunga. Satu masalah. Soalnya, apakah semua 6,000 hektar itu akan ditanam bunga ataupun apakah projek perancangan KTM untuk memajukan 6,000 hektar lebih ini bagi membolehkan KTM itu membaiki imej dalam perkhidmatan dan juga modal pusingannya?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak tanam 6,000 hektar ini bunga, tak ada bunga agaknya yang cukup kalau hendak menanamnya. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, projek-projek memang ada dalam rancangan kita untuk hendak membangunkan kawasan-kawasan tersebut tetapi bunga itu satu daripada mencantikkan sahaja.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi dalam jawapan kita bahawa tanah-tanah ini merupakan asas untuk pembangunan landasan baru keretapi. Di samping itu ada di dalam perancangan kita untuk hendak membuatkan stesen keretapi. Di samping itu juga kita hendak membuatkan kawasan ini untuk kawasan di mana kita boleh meletakkan barang-barang kargo yang ada dalam rancangan kita untuk hendak mengguna kawasan itu dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan tadi bahawa keluasan tiap-tiap negeri telah dinyatakan Keretapi Tanah Melayu kita ada di Singapura. Bagaimanakah kedudukan tanah stesen keretapi kita di Singapura, sama ada tanah kita punya, kita pajak atau sewa?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah di Singapura itu sebenarnya adalah dipajakkan kepada kita dan setakat ini kita sedang membincangkan dengan

pihak-pihak yang berkenaan untuk hendak menggunakan tapak itu dengan lebih berkesan lagi.

SISTEM PERKHIDMATAN GIRO

14. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan benarkah Jabatan Pos akan memperkenalkan Perkhidmatan Giro Kebangsaan pada pertengahan tahun hadapan, jika benar:

- (a) adakah Perkhidmatan Giro hanya dihadkan kepada Pejabat-pejabat Pos Utama di tiap-tiap negeri sahaja atau kepada semua Pejabat Pos di seluruh negara;
- (b) negara manakah di dunia ini yang sudah menjalankan Sistem Perkhidmatan Giro ini; dan
- (c) apakah bentuk kemudahan yang boleh dinikmati oleh orang ramai menerusi Sistem Perkhidmatan Giro itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Giro adalah dalam peringkat perancangan. Sekiranya Kerajaan memutuskan bahawa Perkhidmatan Giro dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos, maka perkhidmatan tersebut sudah tentu secara berperingkat-peringkat akan meliputi seluruh pejabat pos di negara kita untuk membolehkan orang ramai menikmati faedah perkhidmatan tersebut.

Sistem Giro ini boleh ditafsirkan dengan ringkasnya sebagai suatu sistem penghantaran dan pembayaran wang yang murah dan segera antara satu pihak dengan pihak yang lain tanpa menggunakan wang tunai

ataupun mengadakan cashless transaction. Melalui Perkhidmatan Giro pengguna-pengguna atau pelanggan-pelanggan dikehendaki membuka akaun Giro dengan cagaran di pejabat-pejabat pos sekiranya dipersetujukan dilaksanakan oleh Pejabat Pos dan pembayaran bil akan dibuat dengan membuat potongan amaun bil-bil berkenaan daripada akaun Giro pelanggan yang berkenaan. Oleh hal yang demikian, sistem ini akan mengurangkan kesesakan di kaunter-kaunter kerana bil-bil yang perlu dibayar oleh pengguna boleh dihantar melalui pos untuk dibuat pembayaran sewajarnya.

Arahan potongan daripada akaun Giro boleh juga dibuat melalui pos. Seseorang pengguna yang ingin membuka akaun Giro boleh berbuat demikian tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkhidmatan Giro terdapat di Jepun dan Indonesia dan di kebanyakan negara di Eropah Barat. Ianya juga terdapat di beberapa negara Africa seperti Benin, Marques, Gabon, Niger, Mali, Morocco dan Algeria.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa perkhidmatan Giro ini adalah dalam perancangan, saya ingin tahu berapakah diagakkan kos perkhidmatan ini jika hendak dilaksanakan di negara ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, kos anggaran ini belum dapat dipastikan lagi buat sementara waktu.

PELARIAN VIETNAM— KAMPUCHEA

15. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah

pelarian Vietnam dan Kampuchea yang masuk ke negara kita secara haram dalam tahun 1983 dan 1984. Jadi apakah kemasukan dan penyusupan mereka ini dengan secara mudah membuktikan pertahanan dan penjagaan keselamatan negara kita ini lemah. Oleh itu apakah dayausaha dan tindakan tegas supaya pelarian atau pendatang haram ini dapat disekat daripada memasuki negara kita. Kerana kedatangan mereka akan membebankan negara kita yang sedang membangun ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemasukan pendatang haram Vietnam dan Kampuchea ke Malaysia dalam tahun 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

Pendatang haram Vietnam—		
Tahun 1983	..	10,911 orang
Tahun 1984	..	9,033 orang
Pendatang haram Kampuchea—		
Tahun 1983	..	11 orang
Tahun 1984	..	33 orang

Berdasarkan kepada persetujuan yang dicapai di Geneva pada tahun 1979, Malaysia bersama negara-negara lain di Asia Tenggara sanggup menjadi negara lindungan pertama dengan izin, First Assylum Country kepada pendatang haram Vietnam dengan syarat mereka dipindahkan untuk menetap di negara-negara ketiga dan Malaysia tidak dibebankan dengan saki bakinya. Kemudahan ini diberi semata-mata di atas dasar peri kemanusiaan.

Kemasukan pendatang haram ini adalah diketahui dan dikawal oleh pihak Kerajaan dan oleh yang demikian keselamatan negara tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 16 hingga 51 adalah seperti di bawah).

TEMPOH SEWA TANAH— PERLANJUTAN

7. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah patut penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru Jinjang, Salak Selatan dan Setapak mula memohon bagi perlanjutan tempoh sewa tanah mereka dan bagaimanakah mereka patut berbuat demikian memandangkan bahawa tempoh sewa tanah selama 30 tahun akan tamat pada tahun-tahun 1989 dan 1990; dan juga bahawa di Selangor permohonan perlanjutan telah pun bermula. Apakah prosedur yang digubal untuk membolehkan permohonan-permohonan ini diluluskan tanpa sebarang masalah rasuah dan kelambatan yang sia-sia? Dapatkah Pejabat Tanah mengatasi kesesakan serta kerja berlebihan apabila permohonan ini mula didaftarkan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad): Permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan boleh dibuat pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, Jabatan Tanah biasanya mengemukakan kertas permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan 1 hingga 2 tahun sebelum tempoh pajakan tamat. Permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan ini harus dibuat melalui proses pemberian hakmilik tanah berdasarkan Kanun Tanah Negara dan Kaedah-kaedah Tanah Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkeupayaan mengendalikan permohonan daripada orang ramai

pada setiap masa. Masalah rasuah adalah terlalu umum untuk dijawab dengan tepat. Namun demikian Jabatan ini bersedia untuk memberi kerjasama sepenuh untuk mengatasi masalah ini jika Yang Berhormat boleh memberi keterangan dan maklumat yang jelas untuk tindakan BPR.

KERETAPI TANAH MELAYU— MENSWASTAKAN

16. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan rancangan mengswastakan KTM memandangkan tidak ada pihak-pihak yang berminat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Hajjah Rahmah binti Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengswastakan Pentadbiran KTM. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mengswastakan sistem keretapi yang baru. Kerajaan juga sedang berusaha untuk menawarkan beberapa operasi tertentu KTM yang ada sekarang kepada pihak swasta supaya ianya akan lebih menguntungkan.

KBSR—KELEMAHAN MURID

17. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah murid-murid ke Tingkatan Satu masih 12% atau 6% yang tidak tahu membaca dan menulis, jika benar apakah dan di manakah kelemahannya; adakah disebabkan oleh guru-guru atau kelemahan semulajadi murid-murid itu sendiri; dan adakah apa-apa kaitannya dengan matapelajaran KBSR yang dijalankan di sekolah-sekolah hari ini tidak begitu sesuai dengan anak-anak orang

Malaysia ini; dan adakah Kerajaan berpuashati dengan kurikulum sistem KBSR hari ini sebagai satu sistem yang paling sesuai bagi murid-murid sekolah di Malaysia yang boleh kita samakan seperti kanak-kanak Jepun.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada membuat apa-apa kajian yang menyeluruh mengenai penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid Tingkatan Satu. Dengan itu Kementerian Pelajaran tidaklah dapat mengesahkan dapatan tersebut. Jika masalah ini ada sekalipun, ianya tidak ada kaitan dengan KBSR kerana murid-murid yang mengikuti KBSR percubaan, masih di tahun 4 dan pelaksanaan KBSR sepenuhnya baru sampai ke tahun 3. Kementerian Pelajaran berpuashati dengan KBSR, kerana dari pengesanan-pengesanan yang dibuat, pencapaian murid-murid KBSR dalam kemahiran asas, didapati bertambah baik dan murid-murid lebih aktif.

PEMBINAAN JALAN RAYA— PERUNTUKAN SARAWAK

18. Datuk Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah peruntukan wang yang diperlukan dan diminta oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk pembinaan jalan raya bagi tahun 1985 dan berapa peratus dari jumlah itu sebenarnya telah diberi kepada negeri itu.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Peruntukan yang dipinta oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk projek-projek jalan raya bagi tahun 1985 ialah \$127,430,020. Peruntukan yang diluluskan bagi projek-projek jalan raya tahun 1985 bagi negeri itu ialah \$110,450,020. Ini merupakan 86.7% dari jumlah yang diminta.

**RISDA—PENUBUHAN TABUNG
SOCIO-EKONOMI SKIM
PAMPASAN, KEMALANGAN**

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejak RISDA menubuhkan Tabung Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Skim Pampasan Kemalangan Pekebun-pekebun Kecil:

- (a) sejauh manakah perkembangan dan kemajuannya kedua-dua skim itu sudah tercapai setakat ini; dan
- (b) sama ada matlamat penyertaan ahli skim pampasan kemalangan pekebun-pekebun kecil selama kira-kira 10.000 orang sehingga akhir tahun 1984 itu sudah tercapai atau belum. Jika belum apakah langkah untuk menemui matlamat ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

- (a) Setakat ini Tabung Pembangunan Sosio-Ekonomi telah berjaya mengumpul \$3,631,040 iaitu sumbangan daripada anak-anak syarikat RISDA.

Jawatankuasa Tabung telah mengenalpasti beberapa projek yang akan dilaksanakan iaitu seperti berikut—

- (i) Rancangan Pembangunan Keluarga;
- (ii) Projek "off-farm";
- (iii) Biasiswa Anak Pekebun Kecil;
- (iv) Perumahan Mini Estet; dan
- (v) Input Pertanian.

Sehingga ini sejumlah \$57,073.73 telah dibelanjakan untuk pendahuluan premium

tanah bagi permohonan yang betul-betul mendesak. Walau bagaimanapun projek ini akan diberhentikan apabila tertubuhnya tabung pendahuluan Premium Tanah nanti.

- (b) Skim Pampasan Pekebun Kecil—

Sambutan kepada Skim Pampasan Pekebun Kecil adalah menggalakkan. Sehingga akhir tahun 1984 seramai 10,895 orang pekebun kecil telah menyertai skim ini. Angka ini adalah melebihi matlamat yang ditetapkan (10 ribu sehingga tahun 1984—matlamat). Sungguhpun begitu RISDA terus memperbaiki usaha mencapai prestasi yang lebih baik lagi dengan mengadakan ceramah, perbincangan dan bengkel-bengkel untuk pekebun-pekebun kecil di seluruh negara.

**SISTEM KEJARA
DIPERKENALKAN**

20. Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah kejayaan dan kesan positif yang diperolehi sejak Sistem "KEJARA" diperkenalkan dengan memberi butir-butir jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku dalam tempoh sistem ini diperkenalkan berbanding pula dengan kemalangan yang berlaku dalam jangka masa yang sama sebelum sistem ini diperkenalkan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Pertanyaan yang serupa maksudnya telah pun saya jawab dalam Dewan Yang Mulia ini pada 24hb Julai, 1984 di mana saya telah menjelaskan bahawa sistem

keselamatan jalan raya ataupun KEJARA telah dilancarkan dan mula berkuatkuasa pada 1hb Februari, 1984. Mulai daripada tarikh itu hingga 31hb Mac, 1984, iaitu selama tempoh 2 bulan, pemandu-pemandu telah diberi peluang memahami sistem tersebut dan pemegang-pemegang lesen memandu kenderaan motor yang melakukan kesalahan hanya telah diberi amaran bertulis sahaja.

Sukalah saya memaklumkan sekali lagi bahawa mata kesalahan hanya diberi kepada pemegang lesen memandu dan direkodkan oleh Urusetia KEJARA setelah pemandu disabitkan kesalahan di Mahkamah dan dikenakan hukuman atau membayar dendanya ataupun telah membayar denda yang dikompaun setelah disabitkan oleh pihak Polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan, sekiranya kesalahan tersebut boleh dikompaun. Pihak-pihak Mahkamah, Polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan yang merekodkan hukuman, denda atau pembayaran kompaun dan jenis kesalahan di bawah Kaedah-kaedah Lalulintas Jalan (Mata Kesalahan) 1984 akan menghantarkan kepada Urusetia KEJARA nama pesalah, nombor kad pengenalan, tarikh dan jenis serta kelas kesalahan untuk direkodkan.

Belumlah dapat ditentukan dalam jangka masa yang singkat sejauh manakah kejayaan dan kesan positif yang diperolehi sejak sistem KEJARA diperkenalkan. Namun begitu, dari tempoh 1hb April, hingga 30hb September, 1984, iaitu dalam tempoh selama 6 bulan, jumlah kemalangan jalan raya yang telah dilaporkan ialah sebanyak 36,292 berbanding dengan 37,014 kes kemalangan dalam jangka masa yang sama pada tahun 1983 dahulu. Perangkaan bagi kemalangan jalan raya selepas bulan September, 1984 belum dapat dikumpulkan lagi.

A.S.N.—PENGLIBATAN

21. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat meminta Perdana Menteri menyatakan bilakah matlamat Kerajaan menghapuskan pelaburan Amanah Saham Nasional dalam syarikat-syarikat yang haram di sisi Islam akan dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Skim Amanah Saham Nasional telah ditubuhkan untuk membolehkan seluruh masyarakat Bumiputera melabur dan turut terlibat dalam kegiatan sektor syarikat. Memandangkan demikian Kerajaan sentiasa berjaga-jaga untuk memastikan pelaburan dalam Skim Amanah Saham Nasional tidak menghalang masyarakat Bumiputera menyertainya. Ke arah itu pihak Amanah Saham Nasional sentiasa membuat kajian mengenai strategi dan perancangan pelaburannya dan dapat dikatakan bahawa pelaburan dalam syarikat-syarikat yang dibuat oleh Amanah Saham Nasional itu dianggap sesuai untuk pelaburan bagi masyarakat Bumiputera. Memandangkan demikian tidaklah perlu Kerajaan mengambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH ALIRAN CINA—MEMBIAYAI

22. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan membiayai atau tidak perbelanjaan Sekolah-sekolah Rendah Aliran Cina seperti Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan seratus seratus, sekiranya tidak, terangkan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah membiayai

sepenuhnya perbelanjaan-perbelanjaan mengurus SRJK (Cina) sama ada seperti Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan yang lain.

**“GAGAK HITAM”—
PENYIASATAN DI
SEKOLAH TERENGGANU**

23. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah hasil penyiasatan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran berhubung dengan murid-murid sekolah di negeri Terengganu yang menjadi ahli kumpulan yang dinamakan “Gagak Hitam”. Siapakah yang menjadi penganjur kumpulan itu dan apa-apakah motifnya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini Kementerian Pelajaran tiada bukti-bukti bagi menentukan ada pelajar-pelajar terlibat dengan kegiatan apa yang dinamakan kumpulan “Gagak Hitam”.

Apa yang ada hanyalah beberapa orang pelajar yang membuat tanda di dagu mereka kerana meniru kawan-kawan.

Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan peraturan-peraturan melarang pelajar-pelajar dari menganggotai sebarang kumpulan atau melakukan kegiatan haram. Tindakan disiplin yang berat boleh dikenakan kepada pelajar-pelajar jika didapati berbuat demikian.

**ASEAN—PENGGALAKAN
PELANCONGAN**

24. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan keutamaan diberikan kepada penggalakan pelancongan di

dalam negara kita, sama ada negara-negara ASEAN khususnya Singapura yang hanya jiran kami telah mempunyai potensi yang kaya membekalkan kita dengan pelancong-pelancong dan untuk memudahkan kemasukan pelancong-pelancong ini, apakah langkah-langkah Kerajaan telah ambil untuk:

- (a) memperbaiki kecekapan cara-cara imijeresen dan kastam khususnya di Tambak Johor;
- (b) menambah bilangan penerbangan antara negara-negara ASEAN khususnya Singapura dan negara kita.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kementerian saya memang sedar bahawa negara-negara ASEAN khususnya Singapura merupakan negara-negara penyumbang utama dalam senarai kemasukan pelancong-pelancong negara asing ke negara ini. Misalnya dari bulan Januari sehingga bulan Jun 1984, negara-negara ASEAN telah menyumbang sebanyak 204,203 atau 80.8 peratus pelancong-pelancong ke negara ini dari jumlah 252,696 keseluruhannya bagi tempoh tersebut. Dari jumlah tersebut negara Singapura telah menyumbangkan sebanyak 182,191 (72.1 peratus) orang pelancong, bagi tempoh yang sama.

Di atas kesedaran tersebut Kerajaan telah mengambil beberapa langkah ke arah memperbaiki sistem keluar-masuk ke negara ini terutamanya di Tambak Johor dan telah mengambil langkah memperbaiki jadual penerbangan antara negara-negara ASEAN khususnya Singapura dan negara kita.

Kerajaan memberi perhatian berat dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan kecekapan

pegawai-pegawai di pintu-pintu masuk dan keluar negara ini supaya semua pemeriksaan Imigeresen dapat dipercepatkan. Sebagai contoh usaha untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan telah menggunakan komputer bagi membantu pemeriksaan Imigeresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Di samping itu, baru-baru ini Kerajaan telah memberi kelonggaran terhadap pemberian Pas Lawatan (Sosial/Bisness) kepada Warganegara Asean dan mulai 13hb Januari, 1985 mereka dibenarkan tinggal di Malaysia selama satu bulan tanpa visa. Kemudahan ini diberikan kepada mereka di semua pintu masuk resmi di Malaysia.

Saya difahamkan bahawa Jabatan Kastam telah menyediakan kemudahan-kemudahan yang cukup untuk menyenangkan pelancong. Di antara persediaan kemudahan yang telah diadakan khasnya di Tambak Johor termasuklah:

- (a) Mulai 1hb Januari 1985, semua pegawai-pegawai Kastam yang bertugas di tempat pemeriksaan pelancong adalah dipilih khas supaya mutu perkhidmatan meningkat dan Imej Negara terpelihara.
- (b) Menyediakan Buku Manual Pemeriksaan Penumpang-penumpang (Pelancong) untuk kemudahan rujukan dan panduan kepada Pegawai-pegawai Kastam yang bertugas termasuk nilai-nilai kesopanan semasa bertugas.
- (c) Menyediakan risalah "Your Customs Guide" dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk panduan Pelancong-pelancong mengenai Pencukaaian Kastam, Pengecualian-pengecualian cukai

yang mereka berhak dan juga barang-barang yang ditegah masuk. Risalah tersebut diberi percuma.

- (d) Pengecualian-pengecualian cukai yang diberikan kepada Pelancong-pelancong adalah liberal. Pendek kata semua barang-barang persendirian yang biasa dibawa oleh Pelancong-pelancong dan juga hadiah atau souvenir kecil tidak dikenakan cukai.
- (e) Bagi barang-barang bercukai pula, Budget tahun lalu telah mewujudkan kadar cukai khas untuk Penumpang-penumpang atau Pelancong dengan mengenakan kadar cukai 50% Flat rate tidak kira apa jenis barang yang dibawa atau cukai spesifik yang dikenakan ke atas barang itu jika diimport secara komersil. Tujuannya ialah supaya senang diingat, cepat dikira, mengelakkan perbalahan dan tidak melambatkan pemeriksaan pelancong.

Kemudahan-kemudahan yang disebutkan itu adalah sama seperti yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan Pulau Pinang.

Sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan industri pelancongan di negara ini, Kerajaan juga mengambil langkah untuk menentukan bahawa penerbangan-penerbangan yang diadakan di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN adalah mencukupi bagi menampung keperluan trafik yang terdapat di pasaran-pasaran tersebut. Dalam hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa tindakan sedang pun diambil untuk mengadakan rundingan-rundingan

dengan negara-negara ASEAN khususnya dengan Indonesia dan Filipina untuk membolehkan MAS menambahkan perkhidmatannya ke negara-negara tersebut dan bagi tujuan "reciprocity", Kerajaan sedia menimbangkan keperluan syarikat-syarikat penerbangan negara-negara tersebut sekiranya mereka memerlukan penerbangan-penerbangan tambahan ke negara kita.

Bagi penerbangan di antara Malaysia dan Singapura pula, MAS pada masa ini mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut iaitu 68 penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur dan Singapura dan sebaliknya; 14 penerbangan seminggu di antara Pulau Pinang dan Singapura; 2 penerbangan seminggu di antara Kuantan dan Singapura dan sebaliknya; 7 penerbangan seminggu di antara Kota Kinabalu dan Singapura dan 14 penerbangan seminggu dari Kuching ke Singapura. Di samping itu Singapura Airlines (SIA) juga mengadakan perkhidmatannya di antara Singapura dan Malaysia iaitu sebanyak 42 penerbangan seminggu di antara Singapura dan Kuala Lumpur dan sebaliknya, 12 penerbangan seminggu di antara Singapura dan Pulau Pinang dan sebaliknya dan 1 penerbangan seminggu di antara Singapura dan Kuantan dan sebaliknya. Perkhidmatan-perkhidmatan di antara Malaysia dan Singapura sentiasa diawasi dan sekiranya diperlukan pihak Malaysia akan mengadakan tindakan untuk mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan.

PEGAWAI BOMBA WANITA

25. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada

beliau mempunyai sebarang cadangan mengambil wanita sebagai ahli dan pegawai Bomba. Jika ada, berapakah jumlahnya sekarang ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Dewan ini, di dalam tahun 1984 yang lalu, seramai sebelas (11) orang Pegawai Wanita dan sebelas (11) orang Ahli Bomba Wanita telah pun dilantik. Pengambilan mereka ini ialah sebagai perintis dan jika mereka menunjukkan kesesuaian, khusus di dalam bidang-bidang tertentu, maka Kementerian saya mungkin akan menimbangkan pengambilan wanita untuk jawatan-jawatan itu mengikut keperluan dan keadaan semasa.

SUKATAN PELAJARAN SAINS KOMPUTER

26. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian akan menimbang mengadakan kursus Sains Komputer sebagai satu sukatan pelajaran untuk sekolah menengah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk memperkenalkan pendidikan komputer di sekolah-sekolah menengah. Dua rancangan pendidikan komputer yang akan diusahakan ialah: Pertama, mengadakan matapelajaran "Pengenalan kepada Komputer". Matapelajaran ini bertujuan untuk melengkapi murid dengan pengetahuan asas mengenai komputer dan penggunaannya. Kedua, melalui aktiviti Kelab Komputer. Kelab Komputer ialah satu kegiatan ko-kurikulum yang boleh memberikan pendedahan awal mengenai komputer kepada pelajar-pelajar di semua peringkat.

PENDATANG HARAM INDONESIA

27. **Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang-pendatang haram Indonesia yang ditahan oleh pihak Polis dalam tahun 1984 dan sehingga 1-3-1985, jumlah yang diusir ke Indonesia dan apakah tindakan Kerajaan bercadang mengambil untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia ke negara ini yang mana kehadiran mereka telah mewajibkan masalah keselamatan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Jumlah pendatang haram Indonesia yang ditangkap dan diusir oleh Kementerian Dalam Negeri 1-1-1984 sehingga 1-3-1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Ditangkap</i>	<i>Diusir</i>
1-1-84—31-12-84 ..	7,331	6,650
1-1-85—1-3-85 ..	1,752	1,539

Kementerian Dalam Negeri telah memperketatkan kawalan di semua pintu-pintu masuk rasmi ke negara ini serta mengadakan pemeriksaan yang lebih rapi terhadap semua warganegara asing yang masuk. Di samping itu, juga telah ditingkatkan rondaan oleh pihak Polis Merin di kawasan perairan Malaysia dengan tujuan mengesan dan mencegah kemasukan secara haram mana-mana warganegara asing melalui laut. Rondaan-rondaan di kawasan pantai dan sempadan daratan telah diperkemas lagi.

Kementerian Dalam Negeri tetap akan mendakwa, menangkap dan mengusir pendatang-pendatang haram yang dikesan.

JAMBATAN MENGHUBUNGI LEBUHRAYA

28. **Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah Kerajaan bercadang akan mendirikan sebuah lagi jambatan di sungai Kelantan untuk menghubungi lebuh raya Timur-Barat. Sekiranya ada, di manakah jambatan itu akan didirikan, dan bilakah masanya. Sekiranya tidak kenapa.

Menteri Kerja Raya (Datuk S. Samy Vellu): Kerajaan telah merancang untuk membina sebuah lagi jambatan yang menyeberangi sungai Kelantan. Jambatan tersebut adalah di bawah projek lebuh raya Timur-Barat—Fasa 2 dan tapak pembinaannya adalah berhampiran tanah merah. Kerja pembinaan dijangka akan bermula pada pertengahan tahun ini dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1987.

LEBUHRAYA—TARAF ANTARABANGSA

29. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada lebuh raya-lebuh raya baru akan dibina mengikut taraf antarabangsa dengan “Road Shoulders” yang sempurna, tanda-tanda isyarat yang cukup, kiosk telefon untuk kecemasan dan stesen-stesen minyak untuk memastikan taraf keselamatan yang tinggi bagi pemandu-pemandu.

Datuk S. Samy Vellu: Lebuh raya tol yang dirancangan dan dilaksanakan oleh Lembaga Lebuh raya Malaysia sememangnya dibina mengikut taraf antarabangsa. Lebuh raya-lebuh raya ini bukan sahaja mempunyai bahu jalan yang sempurna, malah tempat-tempat berhenti atau “Lay-by” akan dibina di sepanjang lebuh raya tersebut. Selain dari itu isyarat-isyarat yang sesuai dan kawasan-kawasan

rawat dan rehat juga dibina lengkap dengan stesen minyak, restoran, surau, pondok polis dan kemudahan telefon, kesemua kemudahan-kemudahan ini akan dibina secara berperingkat.

Mengenai kemudahan telefon kecemasan, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah bercadang untuk memasangnya di sepanjang lebuhraya tol Seremban-Air Hitam. Pemasangan ini adalah sebagai satu percubaan sahaja oleh kerana Lembaga Lebuhraya Malaysia sedar akan kemungkinannya kemudahan ini akan disalahgunakan atau dirosakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jika sekiranya percubaan ini berjaya kelak, maka kemudahan ini akan disediakan di lebuhraya-lebuhraya tol yang lain.

WILAYAH PERSEKUTUAN— PAMPASAN

30. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan Persekutuan ingin menjadikan Janda Baik sebagai Wilayah Persekutuan Ketiga dan sama ada apa-apa pampasan akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Pahang; jika ya, nyatakan amaunnya dan mengapa pampasan tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah apabila Labuan dijadikan sebuah Wilayah Persekutuan tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datok Mohamed Khalil bin Yaakub): Kerajaan telah memilih menjadikan Janda Baik sebagai Wilayah Persekutuan Ketiga oleh sebab untuk menampung pertambahan penduduk yang dijangka bagi Kuala Lumpur supaya penduduk Kuala Lumpur dapat dikeskakan pada jumlah 2 juta sepertimana yang dicadangkan oleh Pelan Induk yang telah dipersetujui oleh Kerajaan. Dengan ini ianya juga dapat mengelakkan Kuala Lumpur

dari menjadi terlalu sesak yang boleh mencetuskan berbagai masalah dari segi kemudahan infrastruktur dan mutu alam sekitar.

Kawasan berhampiran Janda Baik telah dipilih disebabkan kawasan ini sesuai dari segi jaraknya dengan Kuala Lumpur dan juga dari segi iklim. Berhubung dengan pampasan, perkara ini masih lagi dikaji dan dirundingkan dengan Kerajaan Negeri Pahang. Mengenai Wilayah Persekutuan Labuan, Kerajaan Negeri Sabah bersetuju menjadikan Labuan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan dalam usaha memupuk semangat perpaduan ke arah mencapai matlamat integrasi nasional.

MENGETAR JALAN BESAR KUCHING-MIRI

31. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengetarkan jalan besar Kuching-Miri dengan Bintumin supaya dapat memajukan pengangkutan darat di Sarawak dan dengan demikian menggalakkan pembangunan sosio-ekonomi di negeri tersebut.

Datuk S. Samy Vellu: Adalah dimaklumkan jalan raya dari Kuching ke Miri itu adalah sebahagian daripada sistem jalan raya utama di Sarawak. Sistem jalan raya utama ini, iaitu sepanjang lebih kurang 989 km dari Sematan ke Miri, telah dibuka semenjak tahun 1982 lagi. Adalah didapati lebih kurang 525 km jalan raya tersebut perlu dinaikkan taraf manakala lebih kurang 700 km patut ditarkan. Kerja-kerja untuk memperbaiki dan menaikkan taraf jalan raya ini akan melibatkan perbelanjaan lebih kurang \$770 juta.

Adalah dimaklumkan bahawa usaha-usaha menaikkan taraf dan

mengetar sistem jalan raya utama ini diberi keutamaan dalam pembangunan jalan-jalan di Sarawak. Kerajaan Persekutuan sememangnya menumpukan perhatian terhadap perkara ini dan peruntukan bagi projek-projek jalan dan jalan raya di Sarawak telah meningkat dari satu rancangan ke satu rancangan lima tahun negara. Tambahan pula semasa lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Sarawak beliau telah menyatakan mengenai memajukan lagi perhubungan di antara bandar-bandar di Sarawak demi untuk menggalakkan pembangunan sosio-ekonomi di negeri itu.

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih sepanjang 1,217 km jalan-jalan di Sarawak dan di gezetkan sebagai Jalan Persekutuan. Jalan raya utama tersebut adalah di antara jalan-jalan yang akan diambil alih. Dengan adanya Jalan-jalan Persekutuan ini maka Kerajaan Persekutuan boleh menumpukan lebih perhatian dan kewangan untuk meningkatkan lagi jalan-jalan raya di negeri Sarawak.

MEMPERBAIKI JALAN TELUK INTAN/BAGAN DATOH

32. Tuan Yahya bin Haji Zakaria
minta Menteri Kerja Raya

Dato' Dr Neo Yee Pan:

1. Bilangan kebakaran di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 5 tahun ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kebakaran	Nilai Kerugian	Nilai harta yang di- selamatkan
1980	870	\$30.5 juta	\$172.8 juta
1981	1,050	\$23.6 juta	\$156.7 juta
1982	857	\$24.47 juta	\$ 96.2 juta
1983	945	\$23.03 juta	\$112.3 juta
1984	876	\$30.48 juta	\$ 47.1 juta
1985 (bulan Januari sahaja)	163	\$ 2.64 juta	\$ 10.3 juta

menyatakan bilakah jalan raya dari Teluk Intan ke Bagan Datoh akan diperbaiki semula keseluruhannya dan berapakah peruntukan yang disediakan.

Datuk S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang 16.6 km jalan dari Teluk Intan ke Bagan Datoh akan diperbaiki dalam tahun ini. Adalah dianggarkan kerja-kerja ini akan memakan belanja sebanyak \$927,631.

KEBAKARAN— JUMLAH KERUGIAN

33. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan kebakaran yang telah berlaku dalam jangka masa daripada tahun 1980 hingga bulan Februari 1985 di Wilayah Persekutuan khasnya dan di seluruh negara amnya. Apakah sebab-sebab berlaku kebakaran tersebut. Apakah jumlah kerugian. Adakah beliau mempunyai kemampuan untuk mengatasi kebakaran di "pencakar-pencakar langit" yang tumbuh di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan bandar-bandar besar yang lain.

2. Perangkaan kebakaran di Malaysia ialah:

Tahun	Jumlah Kebakaran	Nilai Kerugian	Nilai harta diselamatkan
1980	7,464	\$101.5 juta	\$1,113.0 juta
1981	9,443	\$137.9 juta	\$1,624.0 juta
1982	10,065	\$161.0 juta	\$1,485.4 juta
1983	11,962	\$150.4 juta	\$1,122.3 juta
1984	5,975	\$201.3 juta	\$1,118.0 juta

3. Sebab-sebab kebakaran mengikut perangkaan yang dikumpul oleh Jabatan Bomba bagi tahun 1984 ialah seperti berikut:

Puntung rokok ..	18.5%
Sengaja dibakar ..	15.0%
Kerosakan Elektrik	13.4%
Percikan api	4.9%
Dapor Gas	4.9%
Reaksi spontan ..	2.7%
Mercun/Bunga api	1.1%
Tidak diketahui ..	39.5%

4. Jabatan Bomba telah dilengkapi dengan kereta-kereta bomba seperti Turn-Table Ladder, Sky Lift dan lain-lain, setanding dengan negara-negara lain bagi melawan kebakaran di bangunan-bangunan tinggi.

5. Selain daripada itu, bangunan-bangunan tinggi dilengkapi dengan alat-alat mencegah kebakaran seperti sprinkler system, wet riser atau pengesan asap dan haba mengikut kehendak-kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam bagi memudahkan tindakan secara automatik atau manual oleh penghuni-penghuni bangunan itu sebelum bomba tiba atau api merebak. Di samping itu Bomba berusaha mempertingkatkan sistem mencegah kebakaran di bangunan-bangunan lama.

6. Jabatan Bomba juga telah mengadakan ceramah-ceramah dan pertunjukan-pertunjukan untuk kakitangan dan penduduk-penduduk bangunan untuk menimbulkan tanggungjawab di kalangan penduduk-penduduk.

7. Pada bulan November, 1984, satu Kempen Mencegah Kebakaran telah diadakan dan bersempena dengannya diadakan pertunjukan-pertunjukan alat-alat pencegah kebakaran, seminar dan pertandingan-pertandingan bangunan yang mengamalkan pencegahan kebakaran.

8. Bomba juga mengadakan latihan-latihan dan kemahiran serta lawatan ke bangunan-bangunan tinggi.

9. Kesimpulannya dengan adanya alat-alat pencegahan kebakaran yang dikenakan di bangunan-bangunan tinggi dan jika penghuni-penghuni tidak melanggar peraturan-peraturan pencegahan kebakaran, maka kebakaran di bangunan-bangunan tinggi mudah dikawal jika berlaku.

ANCAMAN KOMUNIS DI VIETNAM

34. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan satu Bala Tentera Asean untuk mencegah ancaman dari luar seperti ancaman dari pihak komunis di Vietnam.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sepertimana yang kita sedia maklum, ASEAN telah ditubuhkan sebagai satu pertubuhan serantau bagi mengadakan kerjasama-kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan di kalangan negara-negara anggota. Oleh yang demikian, ASEAN bukanlah merupakan satu pakatan ketenteraan dan buat masa ini ASEAN tidak bercadang untuk menubuhkan satu bala tentera bagi mencegah ancaman dari luar. Namun demikian, sekiranya keselamatan sesebuah negara anggota ASEAN benar-benar terancam dan terganggu, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam diri dan akan memberi apa jua sokongan dan bantuan kepada negara anggota tersebut yang menghadapi ancaman yang serius itu.

TV—MASA RANCANGAN AGAMA

35. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat beberapa rancangan TV yang ditayangkan adalah tidak sesuai pada masanya terutamanya selepas azan maghrib; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menyiarkan rancangan-rancangan Agama Islam sahaja selepas azan maghrib sehingga siaran berita tiap-tiap hari. Kalau tidak, mengapa.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim):

- (a) Rancangan-rancangan TV yang disiarkan antara waktu maghrib dan berita telah dirombak kembali baru-baru ini. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda menegur rancangan-rancangan komedi seperti "Here's Lucy", "WKRP in Cincinnati", "Mash", "Facts of Life", "The

Jeffersons" dan sebagainya yang disiarkan antara pukul 7.30 dan 8.00 malam. Rancangan-rancangan tersebut telah pun dikeluarkan dari jadual program TV.

- (b) Berhubung dengan soalan apakah Kerajaan bercadang menyiarkan rancangan-rancangan Agama Islam sahaja selepas azan maghrib sehingga siaran berita, sukalah saya menyatakan bahawa antara dua waktu itu telah pun diisikan dengan rancangan-rancangan seperti Nasyid dan maklumat berbentuk dokumentari yang boleh memberi pengetahuan kepada penonton berbagai kaum dari segi sains, alam keliling, kemanusiaan, haiwan dan lain-lain rancangan pengetahuan am. Ini adalah bersesuaian dengan dasar RTM sendiri dalam memberi maklumat dan pengetahuan kepada penonton.

PENCEROBOHAN VIETNAM DI SEMPADAN THAI

36. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang pencerobohan terbaru tentera-tentera Vietnam ke dalam sempadan negara Thai; benarkah berlaku kemasukan tentera Vietnam ke Perairan Malaysia secara menyamar sebagai nelayan. Benarkah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah gagal dalam usaha penyelesaian masalah Kampuchea.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidaklah benar bahawa berlakunya kemasukan tentera Vietnam ke Perairan Malaysia yang menyamar sebagai nelayan. Pihak kami tidak menerima sebarang laporan mengenai perkara tersebut.

Bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah pun saya jawab di Dewan ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 26hb Mac yang lepas.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

37. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri untuk menyatakan sama ada Yang Amat Berhormat telah mengambil keputusan untuk melawat ke negeri China secara rasmi dalam tahun ini dan jika ya, bila dan apakah perkara yang dikemukakan dan dibincangkan di antara Yang Amat Berhormat dengan pemimpin-pemimpin China.

Perdana Menteri: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 8-4-1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

PENSWASTAAN TELEKOM

38. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebabnya skim penswastaan perkhidmatan telekom tidak dilaksanakan mengikut jadual.

[Sila lihat jawapan No. 8 pada 9-4-85].

PENCEN ANGKATAN TENTERA

39. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar dengan terlaksananya Laporan Jawatankuasa Kabinet Pertama mulai 1hb Januari, 1976 berasaskan Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Lain-lain Pemberian) 1979—peraturan 40 menyatakan bahawa

pencen dan ganjaran dikhaskan hanya kepada pegawai-pegawai tauliah tetap sahaja, keputusan ini malangnya telah membawa kesan yang negatif kepada pegawai-pegawai tauliah pendek yang bersara secara paksa di antara tempoh 1976 sehingga Jun, 1980 yang mana mereka hanya layak dibayar ganjaran mengikut peraturan 51 tetapi tidak berpencen.

(a) Tetapi mulai 1hb Julai, 1980, Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah lain) 1982 telah melalui peraturan 27—Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek, telah diberi atau dikurniakan dengan pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan; dan

(b) Memandangkan ini, adakah Kementerian telah mengambil atau akan mengambil sesuatu langkah yang positif untuk memperbaiki kesilapan yang dibuat, oleh pihak Kementerian terhadap Pegawai-pegawai Tauliah Jangka Pendek yang bersara di antara 1976-Jun 1980, terhadap pencen mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Adalah benar bahawa Peraturan 40, Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Lain-lain Pemberian) 1979 yang berkuatkuasa 1hb Januari, 1976 memperuntukkan pemberian Pencen Perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan kepada Pegawai Tauliah Tetap sahaja. Memang benar juga, di bawah Peraturan Pencen 1979 tidak ada peruntukan untuk memberi pencen Perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan kepada Pegawai Tauliah Jangka Pendek. Mereka yang memenuhi syarat-syarat Perkhidmatan Tauliah Jangka Pendek setelah menamatkan perkhidmatan hanya

layak diberi Ganjaran Jangkamasa mengikut kadar 15% daripada gaji sebenar bulanan yang terakhir diterimanya di bawah peraturan 51, peraturan pencen tersebut.

Di bawah Peraturan-peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain) 1982, Peraturan 27 ada memperuntukkan iaitu mulai 1hb Julai, 1980 pencen perkhidmatan dan Ganjaran Perkhidmatan Tauliah Jangka Pendek boleh diberi kepada pegawai tersebut sebanyak $\frac{3}{4}$ daripada pencen dan ganjaran yang diberikan kepada Pegawai Tauliah Tetap sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat pada 9hb April, 1985.

Pemberian pencen dan ganjaran perkhidmatan kepada pegawai Tauliah Jangka Pendek ini dibuat kerana Kerajaan memandangkan bahawa perkhidmatan pegawai Tauliah Jangka Pendek sangat diperlukan oleh Angkatan Tentera jika dipandang dari segi kos dan perkembangan karier bagi Pegawai Tauliah Tetap. Di samping itu Pegawai Tauliah Jangka Pendek juga diberikan tugas-tugas seperti Pegawai Tauliah Tetap dan mereka juga menghadapi risiko dan bahaya seperti juga Pegawai Tauliah Tetap. Tambahan pula Pegawai Tauliah Jangka Pendek sebelum pelaksanaan Laporan Tan Sri Sheikh Abdullah yang dikuatkuasakan mulai 1hb Ogos, 1968 pernah menikmati pemberian pencen dan faedah-faedah tamat perkhidmatan serupa dengan apa yang diberikan kepada Pegawai Tauliah Tetap jika syarat-syarat pemberiannya dipatuhi. Oleh yang demikian, semasa Peraturan Pencen, 1982 dibuat telah dicadangkan supaya pemberian pencen ini diperakukan sekali lagi kepada Pegawai Tauliah Jangka Pendek. Perakuan untuk memberi

pencen kepada Pegawai Tauliah Jangka Pendek juga dibuat kerana ianya ada persamaan dengan pegawai sementara (Kontrak) di dalam perkhidmatan awam yang telah diberi pencen sebanyak $\frac{3}{4}$ jika mereka layak mendapatkannya mengikut seksyen 24, Akta Pencen 1980.

Berkaitan dengan tarikh kuatkuasa 1hb Julai, 1980, tarikh tersebut adalah berdasarkan kepada tarikh pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1980. Dengan penjelasan yang demikian Kementerian ini tidak bercadang untuk meminda atau membelakangkan tarikh kuatkuasa Peraturan 27 tersebut bagi membolehkan pegawai Tauliah Jangka Pendek yang berhenti di antara 1hb Januari, 1976 hingga 30hb Jun, 1980 mendapat apa-apa faedah persaraan.

KEMPEN PILIHANRAYA PADANG TERAP— PERGADUHAN

40. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pergaduhan berlaku semasa Kempen Pilihanraya Padang Terap baru-baru ini. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk memberi laporan lengkap bersabit pergaduhan tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Pergaduhan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai kejadian secara spontan yang berlaku antara penyokong-penyokong Parti Barisan Nasional dan Parti PAS pada 18-1-85 berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan FELDA Lubuk Merbau iaitu ketika Kempen Pilihanraya Kecil Padang Terap.

Punca pergaduhan itu ialah akibat perselisihan faham dan pertenggaran

yang tidak dapat dikawal berhubung dengan masalah menampal poster dan sepanduk.

Dalam kejadian itu 8 orang telah cedera dan seorang daripadanya telah meninggal dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis masih lagi menjalankan siasatan mengenai peristiwa ini. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka yang terlibat sekiranya cukup bukti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah memandang berat ke atas peristiwa yang telah terjadi dan akan mengambil langkah di masa hadapan mengikut lunas undang-undang supaya kejadian seumpama ini tidak berulang lagi.

PAS—BANTUAN NEGARA ASING

41. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah jenis bantuan PAS telah cuba mendapat dari negara-negara asing untuk mengambil alih pentadbiran negara Malaysia, bilangan negara-negara asing yang dihubungi oleh PAS dan respon negara-negara tersebut.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kerajaan sentiasa mengawasi mana-mana golongan atau pertubuhan parti politik yang cuba mendapat bantuan dari negara asing bagi meneruskan perjuangan politik mereka dengan tujuan mengambil alih pentadbiran negara. Tindakan seumpama ini adalah sangat dikesali dan Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya jika ianya didapati berlaku di kalangan mana-mana golongan atau parti politik di tanahair kita.

PASAR BARU JINJANG UTARA

42. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah yang terjadi kepada projek mendirikan pasar baru di Jinjang Utara yang telah dibentangkan lapan tahun dahulu. Apakah sebab-sebabnya projek ini masih belum dilaksanakan dan pasar jenis apakah yang akan didirikan. Bilakah rancangan ini akan menjadi kenyataan memandangkan peruntukan dari pelannya telah diadakan semenjak tahun 1978.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad): Projek 2 tingkat pasar baru di Jinjang Utara untuk menampung kira-kira 317 orang penjaja dijangka dilaksanakan pada akhir tahun 1985 di mana peruntukan \$3 juta telah pun disediakan oleh D.B.K.L. Projek ini telah ditangguhkan kerana Dewan Bandaraya menghadapi masalah penempatan semula setinggian di tapak kawasan tersebut, masalah menentukan konsep pasar yang sesuai untuk menampung jumlah penjaja yang besar berbanding dengan keluasan tapak yang kecil di samping masalah peruntukan kewangan yang tidak mencukupi akibat daripada meningkatnya perbelanjaan untuk membina pasar yang sesuai.

SERANGAN VIETNAM KE ATAS THAILAND

43. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam masalah serangan Vietnam ke atas Thailand dan sama ada usaha-usaha yang dijalankan itu akan menghasilkan kejayaan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia

sebagai jiran kepada Thailand akan sentiasa memberikan sokongan dan solidariti terhadap negara itu dalam menghadapi ancaman daripada Vietnam seperti negara-negara ASEAN yang lain.

Pendirian ini adalah berdasarkan kepada kesedaran kita bahawa Thailand adalah negara barisan hadapan dalam menghadapi masalah Kampuchea.

Malaysia telah pun mengeluarkan beberapa kenyataan mengutuk Vietnam di atas pencerobohan-pencerobohan wilayah Thailand dan menggesa negara tersebut mengeneipkan idea untuk mencari satu penyelesaian ketenteraan dan sebaliknya berusaha mencapai satu penyelesaian politik yang menyeluruh. Kami berharap Vietnam akan dapat menyahut seruan-seruan yang dibuat oleh ASEAN dan masyarakat antarabangsa dan datang ke meja perundingan.

PEKERJA LADANG HARRISON— PAMPASAN

44. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementeriannya untuk menyelesaikan tuntutan wang pampasan seramai 38 pekerja ladang Harrisons Malaysia Plantation Bhd. di Puchong yang diberhentikan kerja sejak Ogos, 1984; sebab-sebab mengapa Kementeriannya mengambil masa yang begitu panjang untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Menteri Buruh (Datuk Mak Hon Kam): Ladang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam pertanyaannya itu ialah Ladang Killinghall yang dahulunya dimiliki oleh Harrisons Malaysia Plantations Bhd. dan sekarang ini telah dijual kepada Promet Bhd. untuk

memajukan kawasan perumahan. Akibat dari penjualan ini, kesemua 46 orang pekerja Ladang tersebut telah dihentikan kerja pada 31-7-1984 dan tindakan ini pula telah menimbulkan satu pertikaian di antara Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) dan Harrisons Malaysian Plantations Bhd.

Kementerian saya telah dimaklumkan mengenai pertikaian ini pada 10-8-1984 dan dengan usaha Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh, rundingan-rundingan damai telah diadakan pada 23-8-1984 dan 24-8-1984 untuk cuba menyelesaikan pertikaian itu. Hasil daripada rundingan-rundingan tersebut persetujuan telah dicapai seperti berikut:

Pekerja-pekerja yang terlibat akan dibayar—

- (1) Faedah mengikut Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980;
- (2) Gaji bagi cuti kelepasan am sehingga 31-7-1984;
- (3) Gaji bagi cuti tahunan yang masih belum diambil; dan
- (4) Wang sebanyak \$200.00 seorang sebagai suguhati.

Lanjutan pada itu, pihak kesatuan telah berhubung dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan pada 24-9-1984 dan memohon agar usaha-usaha pendamaian diteruskan bagi mendapatkan faedah tambahan untuk pekerja-pekerja berkenaan. Usaha-usaha telah diambil tetapi sebarang faedah tambahan telah tidak dapat diperolehi dan seterusnya pihak kesatuan telah dimaklumkan sedemikian pada 3-11-1984.

Pada 8-1-1985, Jabatan Perhubungan Perusahaan telah mendapat maklumat bahawa

Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang merancang untuk berpiket di luar Wisma Kewangan pada 9-1-1985 iaitu di mana terletaknya Ibu Pejabat H.M.P.B. berada. Memandangkan implikasi-implikasi sesuatu tindakan seperti ini, usaha-usaha pendamaian telah diadakan sekali lagi pada 8-1-1985. Mesyuarat ini telah disambung pada 17-1-1985 dan hasil daripada usaha-usaha ini, pihak majikan telah bersetuju membayar \$250.00 kepada setiap pekerja yang menerima tawaran mereka untuk bekerja di lain-lain ladang yang dimiliki oleh syarikat ini di Selangor. Mereka yang menerima tawaran ini akan juga diberi kemudahan perumahan dan pengangkutan percuma kepada ladang yang berkenaan. Tawaran ini telah dikemukakan kepada pihak kesatuan pada 29-1-1985 dan Kementerian saya sedang menunggu jawapan daripada mereka.

MALAYSIA NEGARA PELANCONGAN

45. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) telah mengatur rancangan jangka pendek dan panjang untuk menjadikan negara ini sebagai negara pelancongan sesuai dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengembang dan memajukan industri pelancongan di negara ini sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang utama. Untuk mencapai matlamat ini, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) yang ditugaskan memajukan industri pelancongan

sentiasa mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang selaras dengan perkembangan dan keperluan industri berkenaan.

Memandangkan bahawa sumber utama pelancongan di negara ini adalah dari pasaran serantau ASEAN dan dari jarak pertengahan, maka strategi jangka pendek TDC adalah untuk meningkatkan langkah-langkah penggalakan di pasaran-pasaran berkenaan khususnya di Singapura, Thailand, Negeri Jepun dan Australia. Di samping itu, langkah-langkah telah diambil untuk memajukan pelancongan dalam negeri sesuai dengan matlamat untuk mengurangkan aliran mata wang ringgit Malaysia. Bagi tujuan ini, rancangan lawatan serta "Tour Packages" yang menarik akan disediakan.

Dalam strategi jangka panjang pula, Kerajaan akan meningkatkan langkah penggalakkannya di pasaran-pasaran yang menjadi sasaran jangka pendek dan ditambah dengan pasaran jarak jauh, khususnya, di Eropah dan Amerika Utara. Dari segi pembangunan, Kerajaan akan memaju dan menggalakkan pembangunan fizikal bagi mengukuh dan meningkatkan taraf destinasi-destinasi pelancongan di seluruh negara. Langkah-langkah yang dijalankan termasuklah program pengindahan, baik-pulih tempat-tempat dan bangunan bersejarah, kempen mencegah pencemaran, kempen kebersihan, pembinaan pusat makanan berkumpul dan mengembangkan industri kraftangan selain dari kemudahan tempat penginapan.

Untuk mencapai matlamat ini, kerjasama semua pihak yang terlibat dengan industri pelancongan, khususnya sektor swasta perlu digembeling tidak kira dari segi penggalakan mahupun dari segi

pembangunannya. Dalam perkara ini, sektor swasta, terutamanya agensi-agensi pelancongan mestilah lebih positif dan agresif dalam memperkenalkan destinasi-destinasi pelancongan di negara kita. Mereka hendaklah lebih dinamik, kreatif dan inovatif dalam menyusun "Tour Packages" yang ditawarkan kepada para pelancong.

PEMBELIAN JET SKYHAWK A-4

46. Tuan Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar 10 buah jet pejuang Skyhawk A-4 yang dibekalkan kepada kita itu terdiri dari terpakai dan diperbaiki (recondition). Jika tidak benar apakah tindakan dan penyeliaan yang dilakukan oleh Kerajaan dan Kementerian bagi menentukan tiap-tiap buah sebanyak yang dibeli 43 buah itu terdiri dari benar-benar baharu dan tidak terdapat barang ganti yang lama dijet Skyhawk A-4 itu agar tidak terdengar lagi rungutan yang tidak berasas sampai ketelinga kita.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Memang benar pesawat pejuang A-4 Skyhawk yang dibeli oleh Kerajaan Malaysia untuk kegunaan TUDM adalah pesawat yang terpakai dan telah diperbaiki dan perbaharui (reconditioned/refurbished) sebelum ianya digunakan oleh TUDM. Setelah ujian dibuat, Kementerian saya berpuas hati dengan keadaan pesawat-pesawat tersebut.

SKANDAL BMF—SIASATAN LORRAINE OSMAN

47. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dari rekod-rekod Imigresen tempoh bekas

Pengerusi BMF, Lorraine Osman, berada di Malaysia dalam tahun 1984 dan 1985, sama ada apa-apa tindakan telah diambil oleh Kerajaan termasuk menahan pasportnya untuk memastikan Lorraine Osman akan berada di negara ini apabila dikehendaki berhubung dengan siasatan di dalam skandal BMF, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod seseorang warganegara Malaysia yang berada di luar negeri untuk mana-mana tempoh jua. Sebaliknya, Kementerian menyimpan rekod pelawat-pelawat asing yang memasuki negara ini.

Justru itu, Kementerian tidak dapat menyatakan tempoh masa bekas Pengerusi BMF, Lorraine Osman, berada di Malaysia dalam tahun 1984 dan 1985.

Pada masa ini, Kementerian sedang mengesan kehadiran Lorraine Osman di semua pintu masuk/keluar negara ini.

KADAR JENAYAH— MENURUNKAN

48. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementeriannya untuk menurunkan kadar jenayah kerana menurut statistik awam, jenayah dalam tahun 1984 meningkat kira-kira 10% daripada angka-angka pada tahun 1983, kenaikan 8.95% dalam jenayah kasar, kenaikan 50% dalam jenayah perdagangan dan kenaikan 5.31% dalam jenayah harta benda dan sama ada ini disebabkan oleh kekurangan kakitangan polis.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Dari perangkaan yang ada didapati

peningkatan jenayah petunjuk bagi tahun 1984 ialah sebanyak 5.67% jika dibandingkan dengan perangkaan tahun 1983. Ini menunjukkan peratus peningkatan kejadian jenayah bagi tahun 1984 telah menurun berbanding dengan peratusan tahun 1983.

Peningkatan jenayah keseluruhan bukanlah secara langsung disebabkan oleh kekurangan anggota polis tetapi pada kebiasaannya ia disebabkan oleh peluang-peluang yang didedahkan oleh mangsa itu sendiri. Pihak polis tidak mungkin dapat mengawal setiap saat dan secara menyeluruh di semua tempat kerana ianya akan memerlukan bilangan anggota yang berlipat ganda.

Pihak Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah fizikal dari masa ke semasa untuk membentaras dan mencegah kejadian jenayah sedemikian rupa. Diantara langkah-langkah yang dijalankan untuk membentaras kejadian-kejadian jenayah ialah:

- (i) Menambah bilangan anggota Polis di tempat-tempat yang tertentu untuk mengambil tindakan tegas terhadap penjenayah-penjenayah yang diketahui terlibat di dalam kegiatan tersebut.
- (ii) Mengetatkan kawalan-kawalan sempadan dan perairan untuk mencegah penyeludupan khususnya senjata.

Sebagai langkah jangka panjang pula pihak Polis mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat swasta untuk mengujudkan kesedaran keselamatan harta benda dan keselamatan diri.

Pihak Polis juga telah menambah alat-alat perhubungan ringan dan kenderaan-kenderaan kecil untuk meningkatkan pengawalan

keselamatan di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti kemungkinan berlakunya jenayah-jenayah rompakan.

PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN—PELAKSANAAN

49. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada cadangan projek hidro elektrik Bakun di Sarawak akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, kos yang terlibat dan sama ada pelaksanaan projek tersebut akan memburukkan lagi masalah hutang negara.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Kajian kesesuaian peringkat awal mengenai projek Hidro Elektrik Bakun dan talian penghantaran HVDC ke Semenanjung Malaysia dan HVDC ke Sabah sudahpun dijalankan. Kajian ini menunjukkan bahawa dari segi teknikal projek ini boleh dijalankan.

Dari segi ekonomi, projek ini juga didapati sesuai berbanding dengan projek-projek menjana elektrik cara lain. Sungguhpun projek ini dianggarkan berjumlah \$8.2 billion (Hidro Elektrik Bakun—\$4.3 billion, talian penghantaran HVDC ke Semenanjung Malaysia—\$2 billion; talian HVDC ke Sabah—\$1.9 billion), namun demikian kajian telah menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem menjana elektrik dari punca-punca lain, juga memerlukan kos yang tinggi.

Projek Hidro Elektrik Bakun yang berupaya menjana kuasa elektrik sebanyak 2400 MW dengan sendirinya dapat menggantikan sistem menjana elektrik secara thermal. Ini akan dapat menjimatkan negara dari pertukaran wang asing kerana kadar impot ke atas

bahanapi dan alat-alat menjana elektrik dapat dikurangkan. Ini bermakna 1 juta tan gas asli dan minyak serta 4-5 juta tan arang batu yang perlu diimport tiap-tiap tahun untuk menjana kuasa elektrik yang sama tidak lagi perlu diimport.

Sungguhpun pada masa ini keperluan tenaga maxima bagi seluruh negara hanya berjumlah 2396 MW, akan tetapi dengan hasrat negara untuk terus meningkat ke arah perindustrian, keperluan ini dianggarkan meningkat hampir 4 kali ganda menjelang tahun 2000 menjadi 8200 MW. Tenaga dari Bakun kalau dibangunkan akan dapat membekalkan $\frac{1}{4}$ dari keperluan ini pada tahun 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana juga bagi semua projek lain yang dijalankan, Kerajaan akan mengkaji dan meneliti dengan mendalam sebelum keputusan muktamad di buat. Begitu juga dengan Projek Hidro Elektrik Bakun ini, sungguhpun kajian kesesuaian peringkat awal telahpun selesai dijalankan, namun demikian, Kerajaan akan terus mengkaji dan meneliti dengan mendalam segala aspek bersabit dengan projek ini sebelum keputusan muktamad dibuat. Di antara kajian yang akan dijalankan termasuklah kedudukan kewangan negara dan hutang luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya maklumkan bahawa sebahagian besar dari kos untuk melaksanakan projek hidro adalah kos tempatan yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan awam. Kerja-kerja ini tidak langsung membawa implikasi kepada pertukaran wang asing.

Dengan demikian, saya percaya jika sekiranya projek ini dijalankan, ianya tidaklah akan memudaratkan kedudukan hutang negara.

RUMAH ORANG TUA—TENDER MAKANAN

50. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar mutu makanan yang dibekalkan kepada "South Indians" Old Folk Home' di Jalan Bukit Pancur, Nibong Tebal, adalah kurang memuaskan, dan sejak penubuhan rumah orang tua ini, mengapakah tender membekalkan makanan kepada rumah orang tua itu cuma diberi kepada 2 orang pembekal tertentu secara berselang-selang dan mengapakah tender membekal makanan tidak diiklankan.

Datuk Mak Hon Kam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, penghuni-penghuni Rumah Orang-orang Tua India di Nibong Tebal, dibekalkan dengan makanan yang bermutu mengikut menu makanan yang ditetapkan. Bekalan makanan mentah yang diterima setiap hari diperiksa untuk memastikan bahawa jenis, kualiti dan kuantitinya yang dibekalkan mematuhi pesanan. Bekalan yang tidak menepati jenis atau kualiti yang dipesan akan ditolak.

Urusan tender untuk membekal makanan mentah untuk penghuni-penghuni Rumah Orang-orang Tua India biasanya diiklankan kecuali bagi tahun 1984/1985 dimana untuk menjimatkan perbelanjaan, notis-notis tender itu telah diedarkan terus kepada lima orang penender yang pernah memohon pada tahun-tahun yang lalu dan seorang penender yang baru. Dalam urusan ini, hanya satu permohonan telah diterima iaitu daripada pembekal yang telah juga dipilih sebagai pembekal sejak tahun 1981. Jawatankuasa Tender telah mengkaji permohonan itu dan telah bersetuju menerimanya berasaskan perkhidmatan dahulu yang baik, harga yang berpatutan dan mutu bekalan makanan yang baik.

5
h

ILLEGAL 4-DIGIT DEALER/PIMPS

51. Tuan Justine anak Temenggong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah beliau sedar bahawa di Sarawak kebanyakan penjenayah-penjenayah seperti "illegal 4-digit dealer", "pimps" (ibu ayam), setelah didapati salah, dihantar ke kawasan bandar-bandar kecil seperti bandar Belaga, di Bahagian Ketujuh Sarawak. Adakah ini memandangkan bahawa kawasan seperti ini adalah "a place for criminals". Ini adalah memandangkan bahawa kawasan seperti ini penuh dengan penduduk-penduduk yang senang sahaja dipengaruhi dan oleh sebab ini, adakah Kementerian bertanggungjawab bercadang untuk menubuhkan "rehabilitation centre", di mana penjenayah ini dapat ditempatkan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Suka dimaklumkan bahawa sekarang ini terdapat empat orang sekatan di bawah Enakmen Kediaman Terhad di negeri Sarawak termasuk dua orang di daerah Belaga, Bahagian Ketujuh. Mereka dikenakan tindakan di bawah undang-undang tersebut kerana terdapat bukti-bukti menunjukkan mereka terlibat dalam kegiatan menganjur judi ekor dan rumah urut/pelacuran secara haram.

Tujuan menghadkan mereka di bandar-bandar kecil ialah untuk menjauhkan mereka dari tempat kegiatan asal dan sekaligus menghindarkan mereka dari meneruskan kegiatan haram tersebut. Oleh yang demikian langkah untuk menubuhkan Pusat Pemulihan khusus untuk orang yang dikenakan tindakan di bawah undang-undang ini tidak timbul.

USUL**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini selepas menimbangkan Perkara 1 dan 2 di bawah tajuk Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini akan terus menimbangkan Perkara 4 iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1984 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Diputuskan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini selepas menimbangkan Perkara 1 dan 2 di bawah tajuk Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini akan terus menimbangkan Perkara 4 iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1984 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang."

(9hb April, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, minta teruskan dan minta pendekkan sedikit.

3.36 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambung ucapan saya semalam mengenai Akta Perikanan, di sini saya banyak hendak menyentuh perkara-perkara dalam Akta ini, akan tetapi saya hormati sebutan Tuan Yang di-Pertua supaya saya pendekkan maka saya akan pendekkan seberapa yang boleh.

Ingin saya bercakap pada permulaan sambilan saya ini dalam Seksyen 41 Taman Larut dan Rizab Laut. Taman Laut ataupun Rizab Laut ini pada pandangan saya adalah satu perkara yang amat rumit, bagaimana hendak mengatur sempadan-sempadannya itu, pasang lampukah, buat tembokkah, rentang talikah, semuanya tidak. Pasang lampu pun tidak sebab kalau pasang lampu siang hari bagaimana hendak nampak, lampu pun tidak akan dipasang, tali pun tidak akan direntang, tembok pun tidak akan dibuat. Oleh itu, bagaimana sekatan-sekatan, perenggan-perenggan (boundary) itu, tentu sulit. Apabila tidak ada batasan-batasan yang

nampak dipandang oleh mata bagaimana pula nelayan mahu tahu.

Adakah bagi pihak Kerajaan akan beri tiap-tiap nelayan pegang peta, tiap-tiap seorang pegang peta belaka, ini tidak boleh masuk, di sini boleh masuk, tidak juga, akan tidak itu. Oleh itu, ini semata-mata untuk menjadi perangkap supaya kita hendak menangkap nelayan-nelayan untuk kita denda.

Oleh itu, rasa saya Seksyen 41 ini patut dikaji semula dan dipertimbangkan dengan sehalus-halusnya.

Seksyen 43, ceraihan (c). Ini mengenai sesuatu perkara di mana-mana tempat misalnya dalam sungai dan sebagainya, saya tengok di sini kalau ada batu kelikir pun kena ambil kebenaran, ambil lesen. Rasa saya orang-orang yang pikul batu yang mengangkut batu kelikir akan ketawa tengok ini. Kalaulah ini dipersetujui dalam Parlimen, orang-orang yang pikul pasir akan ketawa ke Parlimen kita. Ini tidak munasabah. Ini patut difikir semula dan dipinda.

Saya bercakap dalam Perkara belat ikan yang hendak kita lesenkan. Orang-orang Malaysia ini bukan macam orang Jepun. Orang Jepun sawah mereka payah hendak cari ikan darat, orang Korea pun bagitu. Di Malaysia ini sawah-sawah mereka, sungai-sungai banyak ikan darat, mereka geram tengok ikan darat itu, orang-orang kampung, orang-orang ulu, saya sendiri masa kecil inilah kerjanya, kerja buat belat ikan darat, suka sangat, maka kalau ini pun diperlesenkan adalah rumit. Rasa saya dalam perkara-perkara ikan darat ini hanya kita boleh menyelenggarakan, menggalakkan supaya rakyat atau orang kampung memelihara ikan darat, tetapi jangan menyekat mereka hendak cari ikan darat, menggalakkan

mereka buat kubang besar, pelihara ikan darat banyak-banyak tetapi jangan sekat mereka hendak mencari ikan darat, sebab sawah padi kita sama ada di Kedah, di Terengganu, Kelantan, ikan darat ini banyak. Kadang-kadang kalau kita tak ambil ikan itu, sawah itu kering, ikan itu mati sahaja, membazir. Oleh itu tak usahlah kita kenakan apa-apa satu lesen ataupun kebenaran mengenai perkara ikan darat ini.

Seksyen 5 perikanan darat dalam perkara memukat ikan di dalam sungai. Ini pun rasa saya tak usah kita lesenkan perkara-perkara ikan sungai ini. Biarkanlah bebas tak usahlah kita tuliskan dalam sesuatu undang-undang kita dalam perkara ikan darat, hendak memukat di sungai dan sebagainya. Dan juga seperti di kolam, di tasik, bebaskanlah dengan tak payah sebarang lesen. Ini pun patut dipinda dan diubahsuai.

Seksyen 7 tiap-tiap orang hendak menangkap ikan umumnya laut ataupun darat maknanya tiap-tiap orang, ini perkataan tiap-tiap orang hendak menangkap ikan hendaklah mengambil lesen. Begitulah maksudnya begitu. Jadi ertinya kalau orang hendak memancing, hendak mengail, hendak menimba, kena ambil lesen. Itu pun rasa saya patut dipinda. Kita lesenkanlah kepada orang-orang yang hendak menangkap ikan secara besar-besaran sahaja tetapi cara kecil-kecilan hendak pergi memancing, hendak pergi cari lauk untuk makan di rumah, tak usahlah lesenkan. Kalau kita lesenkan ini, kita orang-orang dalam Dewan ini cerdik-cerdik belaka, tetapi orang-orang kampung fikir apa pula kita ini. Jadi fikiran orang kampung susah kita hendak mengendalikan, fikiran orang bijak pandai mudah. Harap dipinda.

Seksyen 9, tiap-tiap orang hendak membina bot mesti kena ambil ke-

benaran. Ini pun dipinda ataupun tak usah langsung, kecuali binaan-binaan bot besar-besar sahaja. Kalau kita buat begini, di kawasan saya ada kawasan Duyung, kerja orang di situ memang bina bot sahaja, kecil dan besar. Kalau kita berlesen macam ini akan mematikan kepandaian mereka. Mereka tidak akan mahu ambil lesen, sebab lesen itu kena bayar pula dan sebagainya. Jadi mereka sudah jadi bingung dengan lesen ini, ini lesen, ini lesen, pukut lesen, mata kail lesen, buat bot lesen, pengayuh lesen, ini lesen. Rakyat Malaysia akan bosan dengan lesen-lesen yang begini banyak. Oleh itu ini semua perkara kecil-kecil semacam ini tak usah. Kita hendak berlesen ini benda yang besar-besar sahaja. Kecil-kecil itu apa hendak lesenkan, rumit. Inilah dikatakan remeh-temeh. Jadi kalau remeh-temeh begini, menjadi bukan sahaja rakyat susah, Kerajaan pun susah. Sebab apa, Kerajaan akan hantar orang pergi menyiasat siapa ada pukut yang tak ada lesen, pergi mengintai rumah orang, intai-intai pula kena terpendang pula mata anak dara orang. Sudah dicucuk orang mata dia. Jadi banyak perkara yang mendatangkan bahaya. Banyak mahkamah akan bekerja kuat dan polis-polis begitu juga. Ini remeh-temeh. Rasa saya ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Ubah-ubahkan, sila teruskan. Lampu sudah menyala balik, jangan gawang-gawang, tangan itu terempuh. Padam pula lampu itu tadi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Masih tertutup, Tuan Yang di-Pertua, tak hidup lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ubah-ubah sedikit boleh, jangan gawang sangat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 23 keputusan Ketua Pengarah

di bawah seksyen 21 ataupun 22 tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Amboi! Besarnya kuasa Ketua Pengarah ini sampai tak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mahkamah. Ini namanya kuasa veto. Ini pun tak boleh dan ini dipinda dan diubahsuai semula. Ini cadangan saya.

Seksyen 27 (1) tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap ataupun mengambil ikan atau sebagainya.

Jadi ertinya kalau tengok ikan di tepi-tepi perahu kita ataupun tengok ikan kena patuk betis kita, tak boleh ambil. Ini pun ganjil.

Tuan Yang di-Pertua: Ikan gulai boleh ambil.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Untuk hendak gulai boleh agaknya.

Dan seksyen 27 juga, ceraihan 4 iaitu denda \$5,000 kalau ambil ikankah, ikan itu patuk betis, kita tangkap, kita pegang, bawa balik, dapat tahu kepada pihak perikanan, denda \$5,000. Ikan keli itu berapa seekor. Ikan keli harganya 20 sen seekor. Denda \$5,000. Eh, ini pun.....

Tuan Yang di-Pertua: Ikan Sepilai. (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Kalau ikan Sepilai boleh, ikan Sepilai lagi pula kecil, tak sangka dengan denda \$5,000. Eh! Bagaimana ini?

Seksyen 38, ceraihan (c), (e) dan (h) untuk menentukan kawasan-kawasan di larang menangkap ikan sungai. Inipun saya mencadangkan bahawa tangkap ikan di sungai tak usahlah buat larangan, kecuali menangkap ikan dengan racun atau dengan bom ataupun dengan elektrik sahaja. Yang lain tak usahlah kita larang. Inilah

kesukaan-kesukaan, penghibur-penghibur orang kampung. Mereka tak pandai main badminton, mana pandai main badminton macam kita ini. Mana pandai main pingpong macam kita ini. Tak pandai. Inilah kesukaan mereka di kampung-kampung, cara mencari ikan. Maka kita lesenkan pula, mengamuk nanti.

Kita mahukan jadi negara kita sebagaimana Sudan. Hari ini contoh besar di Sudan. Presidennya tak boleh pulang ke negerinya sendiri. Kita mahukan macam itu? Tentu sekali Malaysia tak mahu tengok macam itu. Kita tak mahu tengok perkara-perkara macam ini, apa-apa yang ada dalam seksyen-seksyen ini mestilah diubah. Insy Allah selamat. Ini ikhlas daripada hati saya, daripada hati saya yang putih, ikhlas. Dan demikian.....

Tuan Bujang bin Haji. Ulis: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Silakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tadi Yang Berhormat kata kecuali racun, tetapi selepas itu dikatakan mengenai keseronokan. Jadi kepada saya keseronokan ini termasuklah menuba ikan dengan tuba, itu keseronokan. Adakah Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa tuba itu bukan racun?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, tuba itu racun, racun ikan dan racun orang-orang. Tuba itu boleh matikan orang dan boleh mati ikan. Oleh itu kecuali racun tuba memang patut kita sekatkan. Selain daripada itu kesukaan orang kampung, itu ada menuba bukan

kesukaan, itu kemewahan. Fasal apa tuba itu, ikan dapat banyak, bukan seekor dua, itu kemewahan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya baca Bil ini, lama saya memikir. Apa saya fikir. Saya teringat, siapa yang deraf Bil ini. Itu pokok sekali. Orang yang deraf Bil ini rasa saya semangatnya semangat parti Pembangkang (*Ketawa*) (*Tepok*).

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada minta apa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Kalau parti Pembangkang yang memerintah tidak akan wujudkan Rang Undang-undang seperti ini. Itulah hakikatnya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, kalau parti Pembangkang memerintah, dia akan bawa masuk ke Parlimen ini Bil yang lebih teruk daripada yang ada ini (*Ketawa*).

Saya buat kesimpulan hati saya sendiri, orang yang menderaf Bil ini walaupun dia lawyer tetapi dia hendak test Menteri-menteri Kabinet. Menteri-menteri Kabinet pula mahu test backbencher pula. Ini rasa saya. Oleh yang demikian, kesimpulan cakap saya ini, saya mengharapkan dengan penuh kemaafan dalam Dewan yang mulia ini supaya Bil ini saya mencadangkan diluluskan hari ini dengan syarat dipinda seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi dan yang disebutkan oleh kawan-kawan, rakan-rakan saya yang bercakap semalam. Itulah saya mencadangkan. Sekian, saya sokong dengan syarat dipinda. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.54 ptg.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan membuat beberapa cadangan dan teguran terhadap Rang Undang-undang Perikanan 1984 ini.

Perlulah saya jelaskan bahawa inilah di antara Rang Undang-undang yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam tempoh yang agak panjang sejak bulan Disember, 1984 dan telah mendapat feedback dan pandangan yang agak lama dan oleh yang demikian saya kira munasabahlah sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan suatu penelitian dan teguran yang agak terperinci.

Selain daripada menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang berhormat yang telah memberikan pandangan tersebut, perlulah saya memberi penjelasan, pertamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Sibu yang telah memberikan satu teguran dan kritikan yang hangat terhadap Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, kalau tidak salah saya bercakap bagi pihak nelayan atas Bukit Bendera. Kerana kalau beliau faham masalah nelayan sebenarnya, beliau tentunya tidak akan bercakap sepertimana yang telah beliau lafazkan. Yang menjadi perhatian, Tuan Yang di-Pertua, kepada Jabatan dan Kementerian dan Kerajaan tatkala merangka Rang Undang-undang ini ialah nelayan-nelayan kecil, nelayan pantai yang sentiasa dizalimi, ditindas oleh nelayan-nelayan besar dengan pukut-pukat besar, menceroboh ke kawasan-kawasan mereka, merosakkan jala dan perahu-perahu

kecil mereka dan pendapatan mereka tergugat dan terjejas. Sebab itulah kita merangka suatu peraturan dan mencadangkan suatu hukuman yang ketat supaya dapat mengelakkan pelayan-pelayan dengan pukut-pukat yang besar ini daripada sentiasa dan terus menceroboh dan menganiaya dan menzalimi nelayan-nelayan pantai ini.

Dalam rekod kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh nelayan pada dua tiga tahun yang lalu lebih daripada 70% kesalahan dilakukan oleh bot pukut tunda yang begitu agresif dan kesalahan-kesalahan mereka itu bukan sekadar melangar satu, dua batu yang ditetapkan tetapi telah merosakkan sebahagian kecil atau besar daripada harta bot dan barangan-barangan yang diperolehi oleh nelayan-nelayan pantai. Jadi saya haraplah mudah-mudahan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Bukit Bendera dan Sibu cuba faham juga masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan miskin pantai dan bukan sahaja mewakili dan menjadi jurubicara dan jurucakap nelayan-nelayan yang bertindak seperti lanun, mengganas sebegitu rupa sehingga menganiayai dan merosakkan kehidupan dan pendapatan nelayan-nelayan pantai yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih terhadap pandangan Ahli Yang Berhormat dan rakan-rakan saya yang telah memberikan pandangan dan teguran. Saya ingin memberi jaminan, insya Allah, bahawa tindakan dengan kuasa yang ada, tidak akan diambil terhadap nelayan-nelayan yang membuat kesalahan teknikal yang kecil. Tindakan tidak akan diambil ke atas nelayan-nelayan miskin yang mengharung lautan, menggadai nyawa semata-mata untuk mendapatkan pendapatan yang sedikit. Kerana ini tentu bertentangan dengan dasar Kerajaan dan hasrat kita semua untuk membela nasib dan kepentingan

mereka. Apa yang dapat dilakukan ialah mewujudkan peraturan pentadbiran, mengenakan kompaun-kompaun yang kecil dan mengelakkan daripada nelayan-nelayan kecil ini dan nelayan-nelayan miskin ini diheret ke mahkamah.

Suatu perkara yang harus diingati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah bahawa kita dalam Kerajaan dan negara Malaysia terikat dengan perjanjian, resolusi, Konvensyen UNCLOS yang telah saya sebutkan tatkala membentangkan Rang Undang-undang ini dan juga Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 yang telah sama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat bincangkan dan luluskan dan beberapa peraturan dan peruntukan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang Perikanan ini tidak boleh lari dan tidak boleh bertentangan dengan beberapa peruntukan yang telah pun kita luluskan dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 itu.

Kebimbangan dan dakwaan itu telah juga dikemukakan oleh ahli Yang Berhormat mengenai kuasa yang nampaknya begitu luas yang telah diberikan kepada Ketua Pengarah Perikanan. Cuma kalau kita teliti Rang Undang-undang 1984 dengan Akta Perikanan 1963 sebenarnya tidak banyak kuasa tambahan yang diberikan. Selain daripada istilah-istilah, umpamanya, pegawai yang berlesen, pembantu penguatkuasa, semua digantikan dengan Ketua Pengarah perikanan untuk memudahkan kita memahaminya dan kerana semua pegawai-pegawai ini juga adalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Perikanan.

Sepertimana dimaklumi bersama, tidak benar kenyataan dan andaian bahawa kuasa Ketua Pengarah itu muktamat dalam semua perkara kerana dalam Bahagian II Rang

Undang-undang ini dan bahagian-bahagian lain; Bahagian III umpamanya memperuntukan bahawa kuasa ini walaupun luas masih membolehkan nelayan-nelayan merayu untuk diberikan pertimbangan oleh Menteri berkenaan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum selalunya Menteri berkenaan boleh menimbang dan meluluskan rayuan-rayuan apatah lagi kalau disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk mententeramkan dan menambahkan keyakinan dan kepercayaan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap bidangkuasa yang nampaknya luas ini yang sebenarnya adalah sama dengan Akta Perikanan yang wujud sekarang—Akta Perikanan 63. Bolehlah saya berikan pengakuan di sini bahawa peraturan-peraturan yang ketat akan dikenakan untuk memastikan supaya pegawai-pegawai penguatkuasa menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh amanah dan bertanggungjawab dan sekiranya kita dapat sebagaimana yang berulang kali disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ada pegawai yang curang atau rasuah atau menyeleweng atau tidak bertanggungjawab, saya ingin memberi jaminan insya Allah kita tidak akan bertolak ansur dengan kelakuan tersebut. Cuma tentunya kita tidak dapat membuat apa-apa tindakan dengan semata-mata kenyataan sindiran (insinuation) kalau tidak didukung dengan fakta-fakta dan bukti-bukti yang nyata.

Seksyen 10 (1) (c) yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan juga 19 (4) (t) tentang kuasa Ketua Pengarah memberikan kebenaran atau lesen kepada nelayan-nelayan asing menangkap ikan di Zon Ekonomi Eksklusif, saya ingin jelaskan bahawa kuasa ini tentunya tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya dan saya tidak dapat menjangka bahawa kuasa ini akan

digunakan untuk memberikan sebanyak mungkin nelayan-nelayan asing menangkap ikan di Zon ini. Ini hanya satu peruntukan yang kita persetujui dalam semangat UNCLOS dan juga mengikut Akta ZEE 84.

Mengenai masalah yang dibangkitkan berhubung dengan pemegang kad pengenalan merah (permanent resident) menangkap ikan di perairan Malaysia, saya ingin juga memberikan jaminan bahawa 135 orang yang kini memiliki lesen dari kalangan pemegang kad pengenalan merah akan diberikan kebenaran dan semua kes-kes lain boleh dipertimbangkan mengikut peruntukan yang ada dengan syarat mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah. Tentunya dalam mana-mana negara yang merdeka peruntukan ini perlu, tidak mungkin kita beri kelonggaran dan menganggap bahawa warganegara dengan bukan warganegara itu sebagai sama, tetapi oleh kerana kita telah berjanji untuk memberi pertimbangan yang adil dan saksama, kita insya Allah akan dapat menilai satu per satu permohonan-permohonan tersebut.

Seksyen 6 (1) menyebut tentang tanggungjawab pemeliharaan dan pengurusan sumber-sumber perikanan tanpa menjejaskan sumber-sumber berikut, dan ini sepertimana yang saya sebutkan tadi juga adalah berhubung atau perlu dirujuk kepada UNCLOS yang telah kita luluskan dan persetujui bersama.

Ahli-ahli Yang Berhormat begitu ramai sekali di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal denda yang bertambah, kerana denda maksima di bawah Akta Perikanan 63 adalah \$1,000 sahaja tetapi sekarang sudah tahun 1985, Tuan Yang di-Pertua, bot-bot yang dahulunya berharga \$15,000 maksima, sekarang berharga setengah juta

ringgit atau satu juta ringgit untuk bot 70 g.r.t. dan 100 g.r.t. sehingga 200 g.r.t. masing-masing. Sebenarnya denda maksima sebanyak \$50,000 itu sangat munasabah kerana ada pandangan yang dikemukakan yang menganggap denda \$50,000 itu masih rendah. Cuma masalahnya ialah apakah \$50,000 denda maksima akan dikenakan kepada bot-bot kecil. sepanjang kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah majistret sehinggalah kes-kes yang diangkat peringkat atas, belum pernah mahkamah memberikan satu keputusan mengenakan denda maksima kepada bot-bot yang kecil, yang harganya \$5,000. Tidak munasabah kita harus mempersoalkan kewibawaan mahkamah untuk mengenakan denda maksima terhadap bot-bot kecil ini.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu minta jalan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Boleh.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tadi Yang Berhormat ada sebut iaitu mahkamah tidak pernah mendenda sampai \$50,000 atau \$5,000. Oleh itu kita tuliskan denda \$50,000 atau \$5,000 tetapi kita tidak mahu dendakan itu, apa guna kita tuliskan. Ini Undang-undang, bukan permainan, Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis cakap?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit lagi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya hendak bertanya. Oleh yang demikian, saya hendak minta

penjelasan kepada Yang Berhormat, Undang-undang dituliskan \$5,000 ini untuk apa. Kalau kita misalnya di mahkamah kita tidak akan didenda sebanyak itu. Adakah ini tidak merumitkan, menggerunkan. Apakah hikmat-hikmat yang kita hendak tulis begitu, itu satu. Yang kedua, adakah penjelasannya ukuran bot-bot Yang Berhormat kata tadi kerana bot besar harganya mahal kerana itu kita kena buat denda mahal. Ini fasal soal mahu membangkitkan atau menghidupkan rakyat supaya dia hidup baik. Bagaimana kita hendak memikirkan supaya dia boleh hidup kemiskinannya, itu pokok sekali. Kalau hendak ikut cara bot besar

Tuan Yang di-Pertua: Apa penjelasan itu. Itu sudah buat syarahan. Hendak minta penjelasan tentang mana?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi, saya hendak minta penjelasan, adakah tiap-tiap denda kena ikut besar bot, itu satu. Adakah denda \$50,000 ataupun \$5,000 itu semata-mata untuk apa? Kita tuliskan begitu, mahkamah kita tidak mahu denda sebanyak itu.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu faham procedure mahkamah; sebenarnya mahkamah itu dia tidak denda begitu sahaja, ada pendakwanya, ada fakta-faktanya dan mahkamah memberikan semua pertimbangan. Sebab itulah saya katakan berdasarkan kes-kes, ratusan kes yang dibawa ke mahkamah selama ini belum pernah mahkamah mengenakan denda yang maksima. Denda maksima saya katakan kerana kalau kita mempertahankan jumlah \$1,000 tidak adillah bagi bot-bot yang harga setengah juta ringgit dikenakan denda maksima \$1,000. Jadi, dalam hal ini kita mestilah menaruh keyakinan dan percaya bahawa mahkamah

mempunyai kebijaksanaan dan budibicara untuk tidak mengenakan denda. Kerana dalam semua hukuman—Tuan Yang di-Pertua—yang lebih arif dan bijaksana dalam bidang ini daripada saya, semua hukum yang diputuskan oleh mahkamah ada minimanya dan ada maksimumnya dan tidaklah munasabah bagi kita memikirkan bahawa dalam semua kes, ada hakim-hakim yang tidak berhati perut sehingga hendak mengenakan denda maksima. Ada peluang sahaja dia hendak hentam sampai maksima, tentunya perkara ini tidak berlaku tetapi undang-undang tetap. Saya hendak buat macam mana. Kerana kalau botnya itu berharga setengah juta, hendak denda \$1,000 tiap-tiap hari dia boleh langgar. Apa susahnya, langgar, bawa ke mahkamah, kena \$1,000. Jadi sebab itu peraturan undang-undang itu dibuat sedemikian rupa. Minta maaflah, Tuan Yang di-Pertua, saya pun bukan peguam, tetapi daripada yang kita faham begitulah.

Saya lihat, Tuan Yang di-Pertua angguk, saya pun rasa senang hati sedikit (*Ketawa*). Tetapi saya beri jaminan kepada Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, tidak akan dibawa kes terus ke mahkamah sebelum ditapis dan ini peraturan yang saya akan tandatangani mengikut kuatkuasa yang diberikan kepada Menteri yang berkenaan. Tidak akan dibenarkan kes-kes kecil yang melibatkan nelayan-nelayan kecil dibawa ke mahkamah; cuma memadai dengan kompaun sahaja. Ini adalah untuk mengelakkan daripada nelayan-nelayan kecil iaitu nelayan pantai itu diheret ke mahkamah dengan mudah. Tetapi saya tidak mahulah, umpamanya, satu undang-undang yang bertujuan untuk membela kepentingan nasib nelayan-nelayan kecil tetapi disalahgunakan pula oleh nelayan-nelayan besar yang bukan sahaja melanggar tetapi sebagaimana yang disebutkan tadi, mencero boh dan saya terima puluhan

complaints tentang perkara-perkara ini dan bila didenda, dendanya \$1,000; \$500, yang mana dianggap perkara ini boleh dilakukan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang-undang ini juga terkena kepada vesel asing yang datang daripada negeri asing.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga mengikut Akta ZEE 1984, ada peruntukan kerana kes-kes yang hendak dibawa ini mestilah dirujuk kepada Pendakwa Raya dan ini juga sebagai satu "saving clause" untuk membolehkan kita meneliti kes-kes itu dan tidaklah membawa kes-kes ini melainkan, saya menjelaskan sekali lagi, kalau yang melibatkan kepada vesel-vesel asing.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan tentang Seksyen 55 (1) dan (2) iaitu tentang penguatkuasaan di laut dan perlindungan yang diperolehi oleh Pegawai Penguatkuasa melakukan penguatkuasaan dengan suci hati tetapi saya ingin juga menjelaskan bahawa sekiranya pegawai tersebut didapati menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan peraturan dan terdapat keterangan *prima facie* tentang tindakan dan kecuaiian yang melampau oleh pegawai tersebut, kes ini boleh dihadapkan ke mahkamah. Jadi kerisauan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai-pegawai sebenarnya memang diperuntukkan dalam Fasal 55 (2) itu. Tetapi saya ingin menjelaskan juga bahawa penguatkuasaan di laut dan seperti saranan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar di laut tidak sama di darat dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa itu juga sama-sama menyambung nyawa kerana ada

kalanya menghadapi beberapa keadaan yang cemas. Kalau hendak tunggu, hendak ambil waran hendak tangkap, ini juga sama dengan peruntukan Akta 1963, kalau hendak tunggu umpamanya ada satu kes, kemudian dia kata: Nanti sekejap, kamu tunggu di sini, saya hendak balik ambil waran. Saya ingat masa itu hilanglah bot itu dan kalau ada ikan yang ditangkap pun, dilempar ke dalam laut dan satu-satu kesalahan itu dapat dibetulkan kerana tidak payah sorok-sorok, dia pakai lempar ke dalam laut sahaja.

Saya ingin juga merujuk kepada beberapa persoalan khusus yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Sibu saya telah sentuh awal-awal tadi. Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan soal kemungkinan menubuhkan penubuhan atau pembentukan Majlis Penasihat Pembangunan Sektor Perikanan supaya terdapat satu perbincangan yang lebih teliti di kalangan pegawai-pegawai dan juga nelayan yang terlibat. Saya rasa cadangan itu adalah baik dan kita bersedia menimbang cadangan itu supaya Jabatan Perikanan, pihak LKIM dan Kementerian umumnya, dapat segera menubuhkan atau membentuk Majlis Penasihat tersebut.

Ahli Yang Berhormat mempersoalkan tentang kedudukan sumber yang mengikut beliau, beliau mempertikaikan penyelidikan dan kajian yang dibuat oleh Jabatan. Tetapi kita harus sedar mengapakah begitu banyak sekali pencerobohan oleh bot-bot nelayan asing seperti dari negeri Thailand. Sebabnya ialah kerana di Teluk Siam sudah tidak ada ikan lagi kerana exploitation sumber-sumber kehidupan laut itu tidak terkawal, siapa pun boleh ambil dan tidak ada terkawal, tidak perlu ada

pengawasan yang teliti. Akhirnya kehidupan laut sudah kehilangan ataupun sedikit sekali dan mereka menggunakan bot-bot mereka itu melanggar ke kawasan kita. Ini membuktikan bahawa perlulah ada suatu penelitian dan pengawasan yang rapi oleh pihak Jabatan ini.

Begitu juga nelayan di kawasan Ahli Yang Berhormat dari Lumut dan Parit Buntar, umpamanya, yang menggunakan sama ada pukut tunda, pukut jerut, pukut Appollo dan sebagainya dan sekarang ini merayu kepada Kementerian atau Kerajaan, bahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana ikan-ikan di kawasan itu berkurangan dan oleh yang demikian hendak melanggar ke kawasan Negeri Pulau Pinang yang sebenarnya bukanlah bidangkuasa kami untuk meluluskan tetapi sebabnya ialah kerana kawalan di negeri Pulau Pinang, saya tidak bercakap sebagai Ahli dari Permatang Pauh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak dahulu lagi adalah di antara Kerajaan Negeri yang paling teliti dan strict mengawal kawasan perairannya dan supaya tidak disalahguna dan tidak membenarkan bot-bot tanpa lesen ini mengganas di kawasan berkenaan oleh yang demikian merosakkan kehidupan laut dan merosakkan kepentingan kehidupan nelayan-nelayan di negeri Pulau Pinang.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dari Permatang ini bukan dari Bukit, bolehkah Yang Berhormat

memberi jaminan bahawa Kementeriannya mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menghadapi segala pencerobohan sama ada daripada utara ataupun daripada selatan serta lanun-lanun yang seringkali kita dengar dari surat khabar. Adakah keupayaan dan kemampuan terutamanya dari segi tentera laut negara kita?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kalau Ahli Yang Berhormat itu baca surat khabar dalam beberapa bulan yang lalu ini, Yang Berhormat akan dapati bahawa laporan kes-kes pencerobohan oleh nelayan asing sama ada utara atau selatan berjaya dikepong oleh Jabatan Perikanan, Polis Marin dan juga TLDM dan oleh yang demikian kita optimis akan kemampuan Kerajaan untuk mengawal kawasan mereka, lebih-lebih lagi dengan Akta ZEE dan Rang Undang-undang yang akan disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar lagi.

Mengenai penyelidikan, sebenarnya saya hendak membetulkan sedikit kesilapan kerana break through mengenai undang galah itu dilakukan oleh penyelidikan Jabatan Perikanan dan sekarang ini ada satu usaha yang dijalankan secara besar-besaran sama ada di Gelugor ataupun di Pulau Sayak dengan kerjasama pakar-pakar Perancis dan insya Allah, pada tahun akan datang ini dengan pakar-pakar Jepun pula akan dapat meningkatkan usaha penetasan anak udang harimau semi-intensive dan intensive dan latihan akan diberikan.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit yang telah memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang ini dan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang yang telah membantu memberikan penjelasan tentang bahaya daripada ancaman bot-bot

pukat tunda dan sebagainya yang telah menggugat kehidupan dan kepentingan nelayan-nelayan kecil.

Mengenai lesen memungut benih dan kerang dewasa dalam kawasan semula jadi, keutamaan adalah diberikan kepada nelayan tempatan yang menjadi ahli Syarikat Kerjasama Nelayan dan Persatuan Nelayan dan pengeluaran TOL untuk menternak kerang dan sebagainya diluluskan kepada PN dan LKIM dengan persetujuan dan kerjasama Kerajaan Negeri masing-masing.

Saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda membincangkan dengan panjang lebar tentang menangkap ikan dengan kail dan jala yang kata beliau memerlukan lesen. Sebenarnya jala ini berapa puluh pun jalalah, tidak payah lesen. Saya hendak khabarkan sekali lagi kerana dalam Rang Undang-undang yang mungkin diedarkan bulan Disember itu dibetulkan sedikit dan Rang Undang-undang yang diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya telah menyebut bahawa tidak diperlukan lesen untuk jala. Ini untuk tidak membebaskan nelayan-nelayan atau petani-petani kita terutamanya di Ulu Muda.

Begitu juga tentang seluruh kegiatan menangkap ikan di mana tempat pun melainkan kawasan itu kawasan larangan tertentu, kepunyaan orang-orang tertentu, boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, saya tidak tahu bahagian mana yang dia baca, yang tidak boleh menangkap ikan seekor pun, ini tidak benar. Boleh. Yang tidak boleh itu kalau orang punya, haram, kerana hukumnya mencuri. Tetapi kalau yang tidak dipunyai itu boleh tangkap. Yang memerlukan lesen itu seperti mana dijelaskan dalam tafsiran dalam Rang Undang-undang ini, ialah bagi keadaan-keadaan tertentu dan

dijelaskan apa yang diperlukan. Tetapi peruntukan ini perlu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, kerana Kerajaan Negeri tentunya berhak menentukan kawasan yang perlu diawasi atau dijaga atau dilease kepada orang-orang tertentu dan oleh yang demikian kawasan-kawasan ini diperlukan lesen. Tetapi kalau hendak menangkap ikan di kawasan sawah padi dan sebagainya, saya rasa boleh diteruskan tanpa apa-apa masalah. Cuma dalam peruntukan itu disebutkan "may", maknanya membolehkan Kerajaan Negeri mengenakan peraturan.....

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Boleh.

Tuan Othman bin Abdul: Di dalam Seksyen 38 (1) diperuntukkan bahawa pihak berkuasa negeri walaupun pihak berkuasa negeri belum lagi memperuntukkan dengan perkara ini, tetapi di dalam peruntukan 38 (1) (d)— untuk mengawal selia atau melarang apa-apa cara menangkap ikan di perairan sungai. Jadi tafsiran mungkin akan menjadi kabur bila pihak berkuasa negeri menetapkan. Ini bermakna Pihak Berkuasa untuk menetapkan mengikut peruntukan 38 (1) (d) seperti yang tercatat di dalam Rang Undang-undang Perikanan yang telah dibentangkan itu.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, 38 (1) (d) ini, kuasa yang diberikan kepada negeri tidaklah boleh override, dengan izin, kuasa dalam peruntukan-peruntukan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: 38 (1) (d)

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Ya, 38 (1) (d) ini, sebenarnya mestilah tertakluk kepada semua peraturan-peraturan yang ada lainnya dan ini pun seperti mana yang telah saya jelaskan, seluruh peruntukan 38 (1) ini memberi kuasa kepada negeri membuat peraturan dan peraturan ini tentunya setelah Kerajaan Negeri berpuas hati akan keperluan mengadakan peraturan-peraturan itu, dan saya sebutkan umpamanya mungkin diberikan kawasan itu kepada satu persatuan nelayan atau diberi kawasan itu kepada satu syarikat dan sebab itulah peruntukan ini dirasakan perlu diadakan atas permintaan wakil-wakil Kerajaan Negeri yang berunding dengan pihak Kementerian dalam menggubal Rang Undang-undang ini.

Kaedah mengenai perikanan darat ini yang telah dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat dari Ulu Muda, sebenarnya tidak ada sama sekali daripada Akta Perikanan 1963. Cuma dalam Rang Undang-undang ini soal perikanan darat dan akuakultur ini diberi perhatian yang lebih kerana sejak Rancangan Malaysia Keempat dan juga Dasar Pertanian Negara sekarang, perikanan darat dan akuakultur diberikan penekanan yang lebih daripada dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar umpamanya memberi pandangan tentang kemungkinan diperbanyakkan peluang-peluang pinjaman dan pemerosesan. Saya hendak beri penjelasan di sini bahawa walaupun saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini perlu ditingkatkan tetapi sebagai contoh, Persatuan Nelayan Sebuyau telah pun diberi latihan dan bantuan oleh Jabatan Perikanan dan juga oleh LKTM.

Ahli Yang Berhormat dari Beruas menimbulkan masalah nelayan Malaysia yang ditangkap di perairan Indonesia. Apa yang boleh kita

lakukan ialah memberi nasihat sahaja bahawa nelayan-nelayan kita tidak boleh menceroboh kawasan lain. Kalau kita tidak mahu nelayan-nelayan lain menceroboh kawasan kita, kita tidak boleh menceroboh kawasan lain kerana ia akan tetakluk kepada undang-undang dan peraturan Kerajaan asing.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggara menimbulkan tentang kemungkinan memberikan lebih daripada satu lesen kepada nelayan tradisi. Saya ingin memberi penjelasan bahawa kita bersetuju dengan cadangan ini dan perkara ini memang dilakukan kecuali nelayan pukut tunda dan pukut jerut, ini hanya satu lesen sahaja diberikan.

Mengenai soal penangkapan ikan di sempadan negeri, ini telah saya jelaskan tadi dan mengenai bot-bot yang ditahan sementara menunggu perbicaraan, tuan punya bot tidak payah menunggu sehingga habis dan tamat kes di mahkamah, tetapi setelah tuan punya bot itu membayar bond, beliau bolehlah menggunakan botnya balik.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar membangkitkan masalah bahawa kuasa Ketua Pengarah itu muktamad, tidak boleh dibuat rayuan kepada Menteri. Sebenarnya tafsiran itu adalah salah, kerana mengikut seksyen 13 (4) adalah jelas bahawa rayuan boleh dibuat dan dilakukan kepada Menteri. Mengenai pencemaran terutamanya di sungai-sungai, saya ingin menjelaskan bahawa kita sedang dan sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengawasi masalah tersebut.

Ahli Yang Berhormat membangkitkan masalah nelayan-nelayan di laut ini oleh kerana tidak sama dengan di darat, maka kadang-kadang mereka tidak tahu kerana

tiada papan tanda. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, kalau berkawan rapat dengan nelayan-nelayan, akan tahu bahawa nelayan-nelayan daripada satu dua batu di laut mereka boleh agak jaraknya. Sebab itu dalam penguatkuasaan, kita beri kesempatan, kita tidaklah begitu "rigid" sehinggakan kalau mereka keluar 100 ela terus di tangkap, tidak. Tetapi kalau mereka langgar sampai satu setengah batu, katanya mereka tidak tahu, kadang-kadang setengah batu daripada pantai, maknanya mereka langgar sampai lima batu. Bila tanya mengapa buat begitu, katanya ini bukan ada papan tanda, oleh yang demikian, tolonglah bagi pertimbangan kepada kita.

Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa orang-orang ini berkerja 20 tahun, bekerja 30 tahun, kerja mereka masuk laut, mereka tahulah tentang cara-cara untuk memastikan kawasan dan jauh daripada pantai. Walau bagaimanapun saya bersetuju dengan rayuan beliau itu supaya kalau menguatkuasakan undang-undang ini, kita haruslah teliti dan gunakan kebijaksanaan dan tidak terlalu gopoh untuk mengambil tindakan kalau kesalahannya itu sekadar setengah batu, atau satu batu atau lebih sedikit daripada itu. Tetapi apa yang berlaku ialah mereka langgar sampai ke sepuluh batu masuk ke kawasan perairan Pulau Pinang. Jadi bila tindakan diambil atas desakan Kerajaan Negeri dan nelayan Pulau Pinang, mereka kata kerana ikan itu sudah lari masuk ke sempadan Pulau Pinang. Ikan itu memanglah tidak tahu tetapi yang kita tangkap itu bukan ikan, nelayan. Jadi nelayan sepatutnya tahu sepuluh batu masuk ke daerah orang lain tentulah kita mesti mengambil tindakan.

Masalah nylon dengan polyethylene ini, sebenarnya ada hubungan dengan penggunaan jenis pukut nylon terbatas dan polyethylene ini boleh digunakan

untuk diheret oleh pukut kenka ini. Mengikut Ahli Yang Berhormat, perkara ini harus digalakkan kerana kita menggalakkan innovative spirit, dengan izin, pemikiran baru dan sebagainya. Kita tidak melarang nelayan-nelayan kita untuk memikirkan cara begitu tetapi kalau lesen yang diberikan untuk teksi, kemudian dia buat bas, tidak bolehlah dibenarkan. Kalau tidak, kita seolah-olah mempermain-mainkan undang-undang. Lesen itu kalau diberikan untuk pukut jenis A, jenis "A"lah.

Kerana kalau kita benarkan, apa akan berlaku seperti apa yang berlaku sekarang ini kadang-kadang salah guna tentang kenka 2 bot dan juga pukut apollo dia merosakkan. Tuan Yang di-Pertua, yang kita tidak boleh tolak ansur ini kerana tindakan mereka itu merosakkan seluruh barang-barang, bot kecil dan seluruh kepentingan nelayan-nelayan kecil pantai. Dan kalau kita tidak menggunakan kuasa yang ada untuk membela nasib mereka siapa hendak kita harapkan untuk membela nasib nelayan-nelayan miskin yang kecil ini.

Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat menyebut sepertimana yang disebut semalam tentang pegawai-pegawai penguatkuasa yang tidak pergi tangkap oleh kerana minyak tidak ada misalnya, sepatutnya lapor segeralah boleh kita hantar peruntukan tambahan dan sebagainya. Dan kalau ada pegawai-pegawai yang cuai atau rasuah saya sekali lagilah mengulangi jaminan bahawa kita tidak mungkin bertolak ansur terhadap pegawai-pegawai tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus dengan rasa dukacita membangkitkan soal keperluan musyawarah dan saya ingin menjelaskan selama yang saya ingat, pegawai-pegawai di semua peringkat termasuk di peringkat serendah-rendahnya memang dipanggil

berunding dan beberapa tindakan ini kita ambil setelah mendengar rayuan, bantahan dalam dailog demi dailog dengan nelayan-nelayan terutama nelayan-nelayan kecil. Saya sehingga tidak terlarat hendak dengar keluhan, rayuan, kesugulan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan pantai yang miskin ini kerana mereka mengatakan peruntukan undang-undang ini tidak memberikan pembelaan yang cukup kepada mereka. Sebab itulah bentuk hukuman ini dianggap tegas dan keras untuk mengelak kecuai, kecurangan dilakukan terhadap mereka.

Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal 41 (1) tentang Taman dan Rezab Laut. Sebenarnya Taman dan Rezab Laut ini untuk mengawal kawasan tertentu dan kehidupan laut semula jadi. Kawasan Rezab Laut akan diberitahu, diiklankan dan kalau terdapatlah kes-kes tertentu nelayan-nelayan kecil termasuk sedikit, saya percaya tindakan tidak akan diambil terhadap mereka. Tetapi kalau dianggap umpamanya tujuannya semata-mata untuk mendenda saya rasa kurang adillah. Apakah faedahnya dan keuntungannya kita untuk mendenda dan mempersulitkan kehidupan nelayan-nelayan kita? Tetapi ini untuk kepentingan mereka juga, untuk menjamin pengeluaran, pembiakan. Ini semua dilakukan. Semua negara-negara sekarang memikirkan kawasan-kawasan tertentu menjadi kawasan pembiakan ikan. Kalau kita faham, kita akan rasakan dan kita akan merasakan perlunya beberapa kawasan tertentu dikawal. Kerana kalau semua kawasan di negara itu dibiarkan untuk nelayan menangkap ikan, tidak ada kawasan-kawasan tertentu yang dijadikan kawasan-kawasan yang boleh dijadikan sebagai kawasan pembiakan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:
(Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya ada yang bangun

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah lama bangun! Saya minta penjelasan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Silakan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tadi Yang Berhormat kata bahawa kawalan-kawalan yang cukup, ertinya bagi pihak Kerajaan tidak mendendakan orang-orang yang termasuk dalam kawasan Taman Negara itu dan sebagainya. Yang sebenarnya perasaan orang-orang Kerajaan sendiri seperti Menteri-menteri dan sebagainya memanglah sebagaimana hasrat yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Akan tetapi pegawai-pegawai ataupun orang-orang yang bertugas di laut tidaklah sebagaimana hati dan jiwa kita. Mereka akan mengambil kesempatan dan itu akan membawa pergaduhan dan sebagainya. Kerana ini pernah dialami pada saya sendiri oleh orang-orang kawasan Duyung iaitu nelayan-nelayan di Duyung yang selalu mengadu atas gangguan-gangguan Polis Merin sehingga susah dia hendak tebar pukat dan sebagainya. Jadi, yang saya sentuh atau saya sebutkan ini demi untuk muslihat dan kepentingan yang baik

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta beri penjelasan jangan beri penerangan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian penjelasan saya, saya minta kepada Yang terhormat Menteri kawalan-kawalan yang Kerajaan hendak beri itu, Yang Berhormat sanggup. Sekarang Yang Berhormat sebagai Menteri Pertanian

esok tidak lagi Yang Berhormat Menteri Pertanian naik Menteri lain pula jadi Menteri Pertanian adakah kesanggupan itu mengalir kepada mereka atau bagaimana?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Nerus dan saya memberi jaminan bahawa keputusan yang telah saya buat ini bukanlah atas nama peribadi tetapi atas nama Menteri dan juga atas nama Jemaah Menteri. Dan oleh kerana pihak Jemaah Menteri sendiri merasakan perkara ini perlu diberikan perhatian maka arahan tentang perkara yang saya maklumkan tadi adalah arahan Jemaah Menteri keseluruhannya.

Jadi, ini sebagai satu jaminan yang tegas supaya bidang kuatkuasa itu diteliti dan diawasi supaya tidak mempersulitkan bahkan membantu membela nasib nelayan dan kepentingan sektor perikanan seluruhnya dan kepentingan Taman dan Rezab Laut tidak lebih daripada menjamin dan mengawal kepentingan sektor perikanan masa ini dan, insya Allah, masa akan datang.

Saya telah menyentuh soal kebebasan untuk petani di darat dan nelayan-nelayan kecil untuk meneruskan dengan kegiatan mereka seperti yang ada sekarang tanpa diganggu atau disekat dengan peraturan-peraturan baru ini. Tidak ada kena mengena sama sekali. Cuma masalah lesen ini tadi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus ini; lesen ini kalau membina bot mestilah diperolehi terlebih dahulu. Dan saya ingin memberi jaminan sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat bahawa semua kegiatan-kegiatan oleh orang-orang kampung terutama yang miskin

yang sedang menjalankan kerja ini yang membina bot-bot kecil untuk pendapatan mereka akan diberikan kelonggaran yang semaksimum mungkin supaya mereka memperoleh lesen-lesen ini dengan semudah mungkin dan secepat mungkin. Itu saya memberi jaminan dengan setegas-tegasnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan; saya tidak dapat dengan waktu yang terbatas ini memberikan komen terhadap semua teguran-teguran yang diberikan. Umumnya saya bersetuju bahawa bidang kuatkuasa mestilah diteliti, mestilah diawasi, mestilah ditentukan supaya dijalankan dengan semangat dan spirit Rang Undang-undang ini iaitu yang pertama—untuk membela nasib nelayan-nelayan kita; yang kedua—untuk mengawal kepentingan pembiakan ikan masa ini dan masa akan datang. Sekian, kerima kasih.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah! Sudah ditutup, tidak boleh buka balik (*Ketawa*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 24

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan pengerusi, saya suka hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan Fasal 13 (5) yang berbunyi:

“Menteri boleh, selepas mendengar rayuan itu, membuat apa-apa perintah terhadapnya sebagaimana yang difikirkannya patut, dan perintah itu adalah muktamad.”

Saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada muktamad itu bermaksud tidak boleh dibuat ke mahkamah, maknanya final, dengan izin, atau adakah boleh keputusan Yang Berhormat Menteri, sungguhpun ada dinyatakan di sini “muktamad”, bolehkah ia di bawa ke mahkamah?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, keputusan muktamad itu masih boleh dicabar atau dibawa ke mahkamah.

Fasal 1 hingga 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 25 hingga 45

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya mengulangi pandangan dan pendapat saya dalam seksyen 38 (1) yang begitu banyak pecahan-pecahannya.

Saya memohon kepada Kementerian, memohon kepada Menteri dalam seksyen ini supaya dipinda beberapa perkara yang tertentu supaya ianya tidak membabitkan soal masyarakat yang

umum. Saya telah baca tadi (*d*), saya hendak sebutkan sekali lagi bahawa tafsiran saya dalam soal (*d*) ini yang menyebutkan di perairan sungai, bila kita rujuk kepada Perkara (2), tafsirannya perairan sungai itu termasuklah sungai, tasik, anak sungai, kolam dan mana-mana perairan lain di Malaysia, selain daripada perairan ke lautan, sama ada semula jadi atau buatan manusia, milikan sendiri atau selainnya. Inilah perkara yang saya sebutkan supaya kalau boleh kita minta pindaan dalam perkara ini dan saya telah pun menyebutnya. Saya telah mendengar bahawa sebarang pindaan itu tidak boleh dibuat mungkin kita sebutkan perlu mendapat pandangan daripada Peguam Negara, jadi sudah bertelingkah soal kuasa Parlimen dengan kuasa Peguam Negara mengikut Perlembagaan dalam Perkara 66 (1) dan di mana ianya hanya terletak di bawah Perkara 61 (2) untuk tugas-tugas sebagai Peguam Negara yang hanya dia boleh dilantik sebagai ahli bagi sesuatu Jawatankuasa. Jadi tugas Parlimen untuk meminda bila Ahli-ahli Parlimen meminta untuk dipinda, maka kemungkinannya untuk dipertimbangkan. Saya bangkitkan soal seksyen 38 dipertimbangkan sama ada boleh ataupun tidak, urusan pentadbiran itu siapa pun boleh buat, Tuan Pengerusi, ini soalnya yang saya minta supaya diringan perkara-perkara tertentu di dalam peruntukan-peruntukan sekatan-sekatan yang ada ini. Terima kasih.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, soal ini tidak ada hubungan dengan Peguam Negara. Fasal 38 (1) ini dimasukkan setelah menimbang cadangan dan usul daripada Pihak Berkuasa Negeri yang mempunyai kuasa dalam soal kawasan daratan ini, dan ini hanya memberikan kesempatan, kemungkinan mengadakan beberapa peruntukan tertentu sekiranya difikirkan perlu oleh Kerajaan Negeri berkenaan setelah

berunding dan mendapat persetujuan bersama dengan Kementerian Pertanian.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai seksyen 41 (1) yang berbunyi:

“Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, menubuhkan mana-mana kawasan atau sebahagian daripada suatu kawasan di perairan perikanan Malaysia sebagai taman laut atau rizab laut.”.

Dan mengikut penjelasan kalau tidak silap saya, penjelasan Yang Berhormat Menteri semalam termasuklah kawasan-kawasan pulau. Saya kira kawasan-kawasan pulau ini memanglah pada kebiasaannya tempat-tempat ikan membiak, tempat-tempat batu karang yang banyak, tempat yang boleh didapati batu-batu yang cantik, kulit-kulit siput yang cantik dan oleh kerana beberapa keistimewaan seperti yang saya sebutkan itu terdapat di kawasan-kawasan pulau, maka kemungkinan besar keghairahan Jabatan Perikanan untuk merizabkan,ewartakan kawasan-kawasan ini sebagai kawasan hidupan laut adalah besar kemungkinan untuk diwartakan sebagai kawasan taman hidupan laut, taman laut dan rizab laut. Jadi saya ingin mendapat penjelasan adakah juga berkemungkinan Kementerian ini melalui Ketua Pengarah Perikanan merizabkan kawasan-kawasan yang seumpama ini di pulau-pulau ini di mana pulau-pulau tersebut berpenghuni, kerana selama ini banyak pulau-pulau terutamanya di kawasan pilihanraya saya, pulau-pulau yang berpenghuni, berpenduduk dan penduduk-penduduk di pulau itu hanyalah bergantung kepada sumber laut sebagai mata pencarian mereka

untuk menyambung hidup mereka sekeluarga. Jika sekiranya kawasan-kawasan ini kemungkinan besarnya dirizabkan, diwartakan sebagai kawasan taman laut dan rizab laut, adakah kelonggaran-kelonggaran perlu diberikan kepada pulau-pulau yang berpenghuni ini ataupun pulau-pulau yang tidak berpenghuni, tetapi tanah-tanah di pulau-pulau tersebut bermilik?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya ingin memberi jaminanlah bahawa tidak ada sesuatu kehairahan yang berlebihan untuk menentukan semua kawasan sebagai kawasan taman laut dan rizab laut, cuma beberapa kawasan yang tertentu yang terhad demi kepentingan pemeliharaan, pembiakan, keindahan, itu sahaja yang akan ditetapkan dan ini tentunya kawasan-kawasan yang sekecil mungkin, yang insya Allah tidak akan menjejaskan kepentingan nelayan-nelayan tempatan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, seksyen 23.....

Tuan Pengerusi: Seksyen berapa?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: 23, keputusan

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, 23 sudah habis, kita sedang memasuki kepada seksyen 25 hingga 45, 23 itu sudah selesai.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Seksyen 43.

Tuan Pengerusi: 43.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya minta sedikit penjelasan, mana-mana orang yang berada dalam taman laut atau rizab laut di perairan perikanan Malaysia tanpa mendapat

kebenaran secara bertulis daripada Ketua Pengarah, jadi ini bagaimana? Saya ingin mendapat penjelasan sedikit secara lanjut. Terima kasih.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, mengikut peraturan mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai taman laut atau rizab laut mestilah mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri yang berkenaan setelah mendapat kebenaran Kerajaan Negeri barulah kita boleh wartakan dan setelah kita wartakan mestilah dikuatkuasakan dan dalam penguatkuasaan itu, inilah seksyen 43 diperuntukkan, tetapi saya dapat faham keberatan Ahli Yang Berhormat itu kerana takut-takut ada beberapa nelayan yang terlibat di kawasan itu tentunya kita tidak akan membuat apa-apa keputusan sebelum memikirkan kepentingan nelayan-nelayan yang ada di situ.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih lagi, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat belas ehsan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai Perkara 43 (2) kebenaran untuk melakukan mana-mana perkara yang tersebut di dalam subseksyen (1). Kebenaran untuk, misalnya memancing ikan di kawasan-kawasan taman laut dan rizab laut. Jadi, saya biasa melawat kawasan pilihanraya saya di pulau-pulau sana dan suatu hiburan bagi rombongan kami ke pulau-pulau itu pada waktu malam biasanya melabuhkan tali-tali pancing di kawasan-kawasan batu karang. Ini merupakan suatu hiburan. Jadi, adakah perkara ini juga kami perlu mendapatkan kebenaran kerana kami telah menceroboh kawasan rizab laut ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, kalau sekadar hendak pergi memancing untuk satu, dua malam sepertimana yang disebutkan oleh Ahli

Yang Berhormat, saya akan beri belas kasihan (*Ketawa*).

Fasal 25 hingga 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 46 hingga 62

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan berhubung dengan Fasal 55 (2) yang menyatakan bahawa tiada apa-apa tindakan boleh dibuat terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai berkuasa bagi apa-apa kerosakan yang berlaku terhadap mana-mana vesel dan seterusnya, melainkan jika terdapat keterangan *prima facie* tentang kecuaiian yang melampau. Yang saya hendak tanya itu tentang *prima facie*, siapa hendak memutuskan tentang *prima facie* case itu. Lazimnya bagi membuat kes *prima facie* ini ialah, dengan izin, Preliminary Inquiry. Katalah satu-satu kes itu hendak pergi ke Mahkamah Tinggi, maka sebelum kes itu boleh pergi ke Mahkamah Tinggi mesti diadakan satu kes *prima facie* dan ada suatu perbicaraan bagi menentukan sama ada atau tidak kes *prima facie* untuk perkara itu dibawa atau diangkat ke mahkamah yang lebih tinggi.

Soal saya sekarang keterangan *prima facie* tentang kecuaiian yang melampau ini, siapa hendak menentukannya, adakah Peguam Negara? Saya hendak mendapat penjelasan tentang itu.

Yang kedua, pada pendapat saya *prima facie* ini bertentangan sedikit dengan "kecuaiian yang melampau". Kalau kecuaiian itu melampau, dia tidak lagi *prima facie*, maknanya sudah "gross negligence". Apa yang hendak diprovekan *prima facie* lagi, benda itu sudah satu kecuaiian yang melampau. Tetapi yang pokok saya hendak

bertanya ialah siapa yang menentukan sama ada kes itu ada *prima facie* atau tak ada *prima facie*. Terima kasih.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, yang akan menentukan ini ialah pegawai penyiasat yang berkenaan setelah menerima aduan atau laporan dan sekiranya ia dapati ada kes, tentunya perkara ini akan dibawa ke tengah.

Tentang soal istilah "kecuaiian yang melampau" ini dalam merangka Rang Undang-undang ini, itu difikirkan supaya membezakan di antara kesilapan-kesilapan terlalu kecil dan teknikal dengan kesilapan-kesilapan yang dianggap cuai, yang lebih besar daripada itu.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, sekiranya pegawai yang menentukan sama ada soal *prima facie* ada atau tidak, saya fikir tak perlu lagi dinyatakan perkara ini di sini, tak perlu langsung, Kalau pegawai-pegawai yang diberi kuasa ini saya fikir mungkin tak kena pada tempatnya kerana ini adalah suatu "judicial process" dan tidaklah kena pada tempatnya kita mempertaruhkan pegawai-pegawai bagi menentukan sama ada satu-satu kes itu ada *prima facie* atau tidak. Sebaik-baiknya inilah satu function mahkamah (judiciary) dan bukannya function pegawai-pegawai. Kalau kita beri kuasa ini, kuasa membawa satu-satu kes itu kepada pegawai, saya fikir ini berat akibatnya. Saya fikir eloklah ditimbang balik, kalau difikirkan sudah membuat keputusan untuk ditimbang balik supaya jangan diberi kuasa ini kepada pegawai-pegawai, sama ada perkara ini boleh dibawa ke mahkamah

atau tidak kerana soal sekarang ini ialah sama ada kita hendak membawa tindakan terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai berkuasa bagi apa-apa kerosakan.

Jadi, kalau pegawai itu diberi kuasa untuk menentukan *prima facie* case, macam mana kita hendak mendakwa pegawai itu? Katalah seorang pegawai itu membuat suatu kesilapan sesuatu tindakan ataupun sesuatu yang boleh kita bawa, seseorang pegawai yang berkuasa melakukan sesuatu kerosakan, katalah terhadap satu-satu vesel sedangkan dia yang menentukan sama ada kes itu boleh dibawa atau tidak, sudah pasti dia akan kata jangan bawa. Jadi, kalau begitu tidak akan ada apa-apa kes yang dibawa terhadap mana-mana pegawai di dalam tindakan-tanduknya yang boleh membawa kepada kerosakan yang berlaku terhadap mana-mana vesel, termasuk kelengkapan, perabot, alat bersangkutan storan, kargo dan peralatan menangkap ikan, kenderaan, benda atau barang yang disita di bawah Akta ini. Kalau itu tafsirannya, saya fikir pegawai-pegawai langsung tidak boleh dibuat apa-apa, dia boleh membuat sesuka hati sahaja, apa yang dia buat boleh kerana yang menentukan *prima facie* case ialah dia.

Saya khuatir ini akan menjadi suatu keadaan yang memberi kuasa yang terlampau tinggi, terlampau banyak kepada pegawai itu. Pihak-pihak nelayan yang saya takut ini nelayan-nelayan kecil yang banyak, sahabat-sahabat saya bimbang, takut-takut kalau ada penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai terhadap nelayan-nelayan kecil. Jadi kalau nelayan-nelayan kecil ini, katalah berlaku sesuatu tindakan pegawai ini yang membawa kepada kesulitan, kesusahan kepada nelayan kecil ataupun kepada orang individu yang hendak menangkap ikan secara hobi

dan dia merosakkan peralatannya, katalah dalam tindakan pegawai itu, nelayan kecil ini ataupun orang swasta yang mempunyai hobi ini tak boleh hendak membawa tindakan terhadap pegawai itu kerana yang menentukan sama ada boleh atau tak boleh dia dibawa ke tindakan mahkamah apabila berlaku kerosakan "gross negligence", dengan izin, ialah dia sendiri, pegawai itu. Jadi, sudah pastilah ini tidak akan membawa kepada satu keadilan dan tidak boleh menghilangkan, melenyapkan kebimbangan Wakil-wakil Rakyat yang sudah pun menyuarakan kebimbangannya di dalam perbahasan Bil ini. Terima kasih.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, peruntukan 55 (1) itu memberi perlindungan kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dengan suci hati dan 55 (2) itu memperkuatkan dengan jelasnya bahawa sekiranya mana-mana nelayan atau pihak yang berkenaan merasakan bahawa tindakan yang diambil itu ialah satu kecuaiian melampau, mereka boleh merujuk perkara ini kepada pegawai penyiasat. Tentunya Jabatan tidak akan menamakan pegawai yang terlibat atau ada hubungan dengan pegawai yang terlibat sebagai pegawai penyiasat. Saya yakinlah bahawa pegawai penyiasat itu akan menjalankan tindakan mereka dengan adil dan bijaksana dan sepertimana yang berlaku dalam semua Jabatan-jabatan Kerajaan seringkali, walaupun tidak dalam bentuk ini, ada pegawai-pegawai yang diberi tugas khas untuk menyiasat dan sekiranya ada kes, keputusan untuk menetapkan kes dan kemudiannya menghukum ialah keputusan mahkamah.

Fasal 46 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) (NO. 3) 1984

5.00 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawasanya mengikut Fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan Undang-undang yang sedia ada di Negeri Terengganu berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga diperuntukkan selainnya oleh Enakmen Badan Perundangan Negeri itu yang diluluskan dan dipersetujui seperti yang diperlihatkan dalam Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan;

Dan bahawasanya Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984 bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Undang-undang Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Bilangan 17 Tahun 1360) iaitu undang-undang yang ada sekarang berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu di Negeri Terengganu telah diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri itu mengikut perenggan (a) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan pada 29hb November, 1984; dan

Maka, oleh yang demikian, menurut Fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan, Dewan ini menetapkan, mengikut perenggan (b) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, bahawa Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984 yang tersebut di atas itu, yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Statut No. ST. 56 tahun 1985, diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya memohon mencadangkan bahawa Dewan ini menimbang dan meluluskan usul mengenai pindaan-pindaan kepada Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu, Negeri Terengganu.

Menurut Fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang yang ada di Terengganu mengenai tanah-tanah pegangan orang Melayu hendaklah terus menerus berkuatkuasa sehingga selainnya diperuntukkan oleh Badan Perundangan Negeri itu dengan suatu Enakmen yang diluluskan dan dipersetujui seperti tersebut dalam Fasal (1) Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Undang-undang Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu (Bil. 17 Tahun 1360) berkenaan telah pun di bawa ke persidangan kali kedua pada 26hb hingga 29hb November, 1984 Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Terengganu Keenam dan diluluskan pada 29hb November, 1984. Undang-undang pindaan berkenaan itu dikehendaki di bawa ke persidangan Parlimen bagi dipersetujui mengikut kehendak Perkara 89 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan ini telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Status No. 56 Tahun 1985.

Pindaan-pindaan Undang-undang Tanah Simpan Bagi Orang-orang

Melayu adalah bertujuan untuk mengadakan kawalan yang berkesan dan membangunkan tanah-tanah orang Melayu di Terengganu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah mengenai takrif baru bagi "lease" dan "Malay holding company". Skop pajakan diperluas supaya meliputi tenansi mengikut minggu, bulan, tahun atau mengikut apa-apa asas berkala yang lain atau mengikut kehendak.

Dalam pindaan ini konsep syarikat pegangan Melayu adalah konsep baru. Ini kerana pada masa ini sesuatu tanah orang Melayu boleh diurusniagakan hanya oleh orang Melayu sebagai orang semula jadi atau "natural person", dengan izin. Sebaliknya dengan pindaan-pindaan ini sesuatu tanah orang Melayu boleh diurusniagakan juga oleh sesuatu syarikat yang mana ahli-ahlinya hendaklah 100% terdiri dari orang-orang Melayu yang Artikel-artikel persatuannya melarang pemindahan saham-sahamnya kepada orang bukan Melayu dan satu daripada tujuan-tujuannya ialah untuk mengurusniagakan tanah-tanah orang Melayu. Akibat daripada memasukkan syarikat-syarikat pegangan Melayu di dalamnya, Undang-undang itu dipinda untuk memasukkan juga syarikat yang sedemikian di dalam berbagai-bagai peruntukan Undang-undang itu di mana sehingga kini hanya perkataan "Malay" sahaja terdapat.

Pindaan-pindaan bagi Fasal 3 adalah bagi memperolehi rujukan-rujukan kepada Undang-undang Tanah dengan menggantikan perkataan "Land Enactment" dengan perkataan "National Land Code or any previous land laws".

Bagi pindaan fasal 3 dan 4 adalah membezakan orang-orang semula jadi atau the natural person, dengan izin, dengan pertubuhan perbadanan dari

segi hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah syarat 4 dan 5 fasal 6 dan syarat 3 fasal 7 Undang-undang itu atau meningkatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan itu. Manakala fasal 6 pindaan dibuat bagi membuat peruntukan-peruntukan supaya daftar dan catatan surat keterangan milik mengenai tanah-tanah orang Melayu dicatatera dengan perkataan "Tanah Orang Melayu" untuk memudahkan kawalan tanah-tanah orang Melayu.

Bagi fasal 8 cadangan pindaan ini adalah bertujuan bagi meminda fasal 9 Undang-undang itu dengan menambahkan kepada 4 syarat baru yang membolehkan tanah orang Melayu dipindah milik, digadai, dipajak atau dilupuskan dengan cara lain itu akan terus kekal tarafnya sebagai tanah orang Melayu.

Bagi fasal 12 cadangan pindaan Undang-undang ini bertujuan memasukkan fasal 21A sehingga 21F baru. Fasal-fasal baru ini menetapkan prosedur bagi melucut hak sesuatu tanah orang Melayu yang dipunyai, digadai atau dipajak kepada, atau yang dipegang dengan cara lain dalam nama, sesuatu syarikat yang telah terhenti menjadi syarikat pegangan Melayu. Bagi fasal 21E (ii) memperuntukkan bahawa mana-mana tanah sedemikian yang kembali kepada Pihak Berkuasa Negeri atas sebab lucut hak akan kekal sebagai tanah orang Melayu dan tidak boleh diberi milik atau dilupuskan selainnya kecuali kepada orang Melayu atau syarikat pegangan Melayu. Kedudukan yang sama ini akan dipakai di bawah fasal 21F dan kesan-kesan di mana tanah pegangan Melayu diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah berpendapat Undang-undang

ini adalah model nanti kepada penyelesaian tanah-tanah Melayu yang hendak dipegang oleh syarikat-syarikat atau corporate holding. Dan pada fasal 12 dan 14 adalah membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Borang B dan menambahkan Borang D, E dan F yang baru kepada Jadual Pertama. Borang-borang B, E dan F adalah perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan mengenai lucut hak dalam Fasal 21A hingga 21E baru yang dicadangkan.

Dengan adanya pindaan-pindaan kepada Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu, Negeri Terengganu, yang saya sebutkan tadi, tanah-tanah orang Melayu di Terengganu dapat dibangunkan lebih bebas dan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masalah ini terbuka untuk dibahas.

5.09 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama membincangkan satu Enakmen untuk meminda Undang-undang Tanah Simpanan Orang Melayu (Bil. 17 Tahun 1360).

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang ini kita tidak dapat nafi demi untuk kepentingan menjaga tanah-tanah orang Melayu dan juga untuk menjaga tanah-tanah ini kekal di tangan orang-orang Melayu maka pindaan undang-undang ini adalah amat baik dan wajar di saat pembangunan yang begitu pesat

sekarang ini, lebih-lebih lagi bagi menjaga nilai tanah itu supaya boleh diurusniagakan oleh beberapa syarikat-syarikat kemajuan, syarikat-syarikat yang dipunyai oleh orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi yang timbul dari tanah-tanah rizab Melayu ialah dari segi nilai yang rendah juga tidak dapat dicagarkan untuk mendapat sebarang pinjaman dengan nilai yang lebih tinggi kalau kita bandingkan dengan tanah di kawasan bukan tanah orang Melayu. Dengan perlaksanaan Undang-undang ini mungkin pihak Kerajaan akan dapat mengatasi perkara ini dengan membantu pemilik-pemilik tanah orang-orang Melayu ini supaya dapat dimajukan dan juga dapat menolong syarikat-syarikat bumiputera apabila tanah itu dimajukan. Misalnya terdapat banyak rumah-rumah yang didirikan yang tidak dapat dijual atau dipasarkan. Ini Kerajaan dan juga Badan-badan Berkanun boleh membantu supaya membeli rumah-rumah ini untuk kegunaan Kerajaan atau kegunaan Badan-badan Berkanun yang berkenaan supaya Badan-badan Berkanun tidak berlawanan untuk mendirikan bangunan-bangunannya sendiri bagi berlawanan dengan hasrat bagi memajukan syarikat-syarikat bumiputera di dalam memajukan tanah-tanah orang Melayu yang telah mempunyai sekatan seperti ini.

Selain daripada itu sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi ini merupakan satu model bagi tanah-tanah milik orang Melayu yang ada dalam negara ini. Apa yang saya hendak menyebutkan di sini bahawa pihak Kementerian seharusnya mengadakan satu Jawatankuasa untuk menseragamkan semua tanah-tanah milik Melayu dengan menyamakan sebarang undang-undang yang ada supaya tidak begitu berbeza di antara negeri dengan negeri yang lain.

Walaupun perancangan ini di dalam tanggungjawab negeri masing-masing tetapi perkara ini boleh dibuat, boleh dilakukan dengan cara penyelarasan yang harus kita lakukan. Misalnya di Terengganu terdapat semua tanah-tanah Melayu yang hanya di bawah 10 ekar ke bawah sahaja yang mempunyai sekatan-sekatan seperti ini tetapi tanah-tanah Melayu yang lebih daripada 10 ekar tidak tertakluk kepada tanah kepunyaan orang Melayu.

Saya tidak tahu sama ada peraturan ini telah dipinda atau tidak tetapi setakat ini tanah-tanah luas yang lebih daripada 10 ekar dimajukan oleh syarikat-syarikat bukan Melayu atau syarikat-syarikat yang tidak milik orang Melayu sebagaimana yang berlaku di setengah-setengah tempat di negeri Terengganu.

Undang-undang ini harus dipinda supaya semua tanah milik orang Melayu seharusnya tertakluk kepada peraturan ini, tidak hanya mengkelaskan tanah 10 ekar ke bawah ataupun 10 ekar ke atas. Perkara-perkara ini patut diperbetulkan supaya kita dapat menseragamkan semua hak milik tanah orang-orang Melayu ini supaya tidak menyusahkan pihak-pihak tertentu atau pihak-pihak syarikat bagi memajukan tanah tersebut.

Selain daripada itu walau apa cara yang dilakukan oleh Kerajaan ataupun diberi kuasa kepada Malay Holdings Company, dengan izin, keadaan pertukaran tangan ini akan tetap berlaku selagi adanya cara-cara pemikiran untuk menggunakan nama kerana menggunakan nama ini, kadang-kadang diberi dengan harga atau nilai yang paling murah sebagaimana disebut oleh setengah-setengah pihak ialah Company Ali-baba yang namanya dimiliki 100%

oleh orang Melayu tetapi di belakangnya adalah dimiliki oleh modal orang-orang asing dengan tujuan untuk memiliki tanah dan memajukan tanah itu dan orang-orang Melayu yang di belakang ini adalah bukan orang-orang yang begitu aktif yang tidak berkuasa langsung di atas tanah tersebut ataupun di atas syarikat tersebut.

Keadaan ini berlaku di mana-mana sahaja, ini untuk menghindarkan dari undang-undang yang kita adakan ini. Selain daripada itu juga nama diberi pinjam, nama Melayu tetapi kepunyaan bukan Melayu, ini juga Ali-baba yang dilakukan oleh pihak tertentu bagi mendapat wang dengan mudah tanpa berfikir panjang. Pihak Kerajaan seharusnya mengambil perhatian dan membuat penyiasatan supaya undang-undang yang kita bentangkan ini dapat benar-benar dilaksanakan, dapat benar-benar dipergunakan supaya kepentingan-kepentingan dan juga hasrat Kerajaan yang sebenarnya demi untuk menjaga tanah-tanah orang Melayu yang semakin hari semakin pupus sebagaimana berlaku sekarang demi untuk mendapatkan wang dengan secepat mungkin oleh pihak-pihak tertentu.

Selain daripada itu juga tanah-tanah bukan Melayu ini untuk kemudahan tanah-tanah dapat diurusniagakan, kadang-kadang tanah ini terhad kepada bank-bank tertentu sahaja, boleh dibuat cagaran atau boleh dibuat apa-apa pinjaman dengan menggunakan tanah hak milik Melayu pada hal walaupun tanah dalam kawasan Melayu tetapi tidak semestinya semua bank dapat memiliki tanah itu walaupun dicagarkan kepada bank tersebut kerana banyak lagi prosedur ataupun banyak lagi peraturan-peraturan yang harus dilakukan sebelum tanah itu dapat dimiliki selain dari sekatan yang

diberi Kerajaan maka pihak berkuasa boleh melelong tanah tersebut, menjual dengan mendapat wang balik.

Sekatan-sekatan tanah bukan Melayu ini tidak harus dikenakan begitu ketat bagi mendapat pinjaman kerana undang-undang yang ada ini sudah cukup ketat bagi kita mencegah tanah itu berpindah ke tangan orang lain. Oleh itu demi untuk menjaga kepentingan tanah-tanah orang Melayu dan juga setidak-tidaknya memperbanyak dan memperluaskan lagi dengan mengisytiharkan semua tanah-tanah yang dimiliki orang Melayu hendaklah dijadikan tanah milik Melayu atau hak milik orang Melayu supaya tanah ini tidak sewenang-wenangnya terlepas ke tangan orang lain walaupun beberapa kemudahan yang kita beri tetapi undang-undang yang ada hari ini sudah mencukupi bagi kita untuk mencegah perkara itu berlaku.

Dengan ini saya menyokong pindaan ini dan berharap pindaan ini akan benar-benar dilaksanakan dijalankan demi kepentingan tanah-tanah hak milik orang-orang Melayu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda, diminta jangan panjang sangat.

5.19 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya pun memang pendek sahaja, dalam sepuluh minit. Dalam membahaskan Enakmen Tanah Simpanan bagi orang Melayu terutama sekali saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang telah pun berjaya bagi mengadakan satu peruntukan pengawalan tanah-tanah rizab Melayu.

Cuma saya mempunyai beberapa pandangan terutamanya mengenai

proses yang telah pun berlalu. Soal pemindahan tanah-tanah rizab Melayu ke tangan orang bukan Melayu bukanlah dibuat oleh orang awam, tetapi Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri yang bersalah, kawasan-kawasan tanah rizab Melayu dicabut keluar untuk kawasan perumahan dan dibahagikan dengan 70:30%. Bagi kawasan rizab Melayu dicabut keluar 70% bumiputera dan 30% bukan bumiputera. Ini dibuat oleh Kerajaan sendiri bukan orang-orang perseorangan yang menjual tanah mereka atau memindah milik tanah mereka.

Ini perkara yang berlaku, hakikat yang sebenarnya, inilah soalnya. Baru-baru ini keluar berita bahawa masih banyak tanah-tanah rizab Melayu yang dicabut keluar ini tidak diganti semula dengan tanah, satu kawasan yang baru walaupun ada janji dalam Dewan yang mulia ini bahawa tanah-tanah rizab Melayu yang dicabut keluar akan diganti semula, masih terdapat berpuluh-puluh ribu ekar (mungkin) yang belum diganti yang dicabut keluar terutama dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah mengenai Malay holding company seratus peratus Melayu. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh, kita tidak perlu menyekat tanah itu terlampau kuat kerana pada pandangan saya bila kita menyebut Malay holding company seratus peratus, jadi apabila tanah saya yang saya bertujuan untuk memajukan itu tanah rizab Melayu ke mana tempat saya hendak cagarkan tanah itu, ke mana tempat? Boleh jadi Bank Pertanian, boleh jadi Bank Pembangunan, boleh jadi Bank Syarikat Kerjasama, boleh jadi. Sebab milik Kerajaan. Bagi bank-bank yang lain ada "participation" bukan Bumiputera sudah pastilah tidak dapat kita mencagarkan tanah itu, sebab

tercatat di dalam undang-undang mestilah seratus peratus bumiputera dan di dalam Articles of Associationnya tidak boleh menjual sahamnya kepada orang bukan bumiputera. Itu sekatan.

Di samping kita mengadakan satu peruntukan yang baik untuk mengawal pemindahan tanah rizab Melayu ini kepada bukan Melayu, tetapi kita juga mengadakan sekatan yang begitu kuat, halangan yang begitu kukuh untuk kita majukan tanah-tanah rizab Melayu ini. Jadi dalam satu pindaan Rang Undang-undang yang mempunyai dua "contents" yang berbeza ini bertentangan di antara satu sama lain. Ini saya berharaplah pandangan saya, jika boleh Kerajaan Negeri, kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi takrif kepada satu syarikat itu sebagai satu syarikat bumiputera takrifnya mesti diluluskan oleh Kerajaan Negeri bahawa satu syarikat ini adalah diterima sebagai syarikat bumiputera di dalam pentakrifannya.

Begitu juga syarikat pada peringkat Persekutuan Kerajaan ini, Kabinet meluluskan bahawa syarikat ini adalah ditakrifkan sebagai syarikat bumiputera yang boleh memegang tanah rizab Melayu, barulah boleh syarikat itu mengendalikan perniagaan dan orang-orang yang ingin memajukan tanah mereka, tanah yang mempunyai hak pegangan milik bumiputera ini boleh membuat cagaran, gadaian untuk memajukan tanahnya.

Jadi soal yang perlu difikirkan, soal untuk menghadkan atau mengawal tanah ini, saya sokong seratus peratus. Itu memanglah satu usaha yang baik dan kita telah pun meluluskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tanah Simpanan Melayu akan dinilai setaraf, setanding dengan tanah-tanah freehold, dengan izin.

Ini satu perkembangan yang baik apabila kita telah meluluskannya sebagai satu tanah bebas, freehold, maka kita telah mengadakan sekatan semula. Ini saya berharap supaya apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, peraturan-peraturan di sampingnya itu perlu dibuat oleh pihak Kerajaan atau lain-lain Kerajaan Negeri yang berkehendakkan supaya tanah negeri itu dimajukan supaya kita tidak boleh beranggapan bahawa sesebuah negeri yang mempunyai majoriti penduduk Melayu, tanah rizab Melayu tinggi, maka tidak dapat dimajukan kerana sekatan undang-undang yang kita sendiri buat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan panjang sangat.

5.23 ptg.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, minta kuat sedikit bercakap fasal apa di sini saya lihat ada Ahli yang menjengok, tak berapa dengar.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri, cuma saya berasa bimbang, takut-takut kalau tujuan yang begini murni yang terkandung dalam Undang-undang ini boleh lari daripada sasarannya.

Saya cuma hendak membawa Huraian yang ada di Statut ini mengatakan Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Undang-undang Tanah Simpanan Bagi Orang-orang Melayu untuk mengadakan kawalan yang lebih berkesan ke atas tanah

orang-orang Melayu di Terengganu. Bermakna tujuan Undang-undang ini, kalau tak silap saya, bukanlah untuk hendak meninggikan nilai tanah rizab Melayu; bukan hendak meninggikan nilainya tetapi cuma hendak mengadakan kawalan yang lebih berkesan di atas tanah-tanah orang Melayu.

Kalau itulah tujuannya, maka saya bimbang kalau-kalau tujuan itu tidak menepati sasarannya. Oleh sebab tafsiran Malay holding company di bawah Fasal 2 (d) mengatakan bahawa "Malay holding", suatu takrif baru seperti berikut:

"Malay holding company" means a company incorporated pursuant to any written law for the time being in force relating to companies—

- (a) all members of which are Malays;
- (b) the articles of association of which prohibit the transfer of its shares to any person who is not a Malay; and
- (c) one of the objects of which is to deal in Malay holdings.

Apa yang saya kuarir, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya boleh menubuhkan satu syarikat milik ramai Melayu dan juga bukan Melayu, kemudian syarikat ini menubuhkan satu syarikat Malay holding company yang mematuhi segala definisi yang saya bacakan tadi, dia ikut betul-betul, tetapi syarikat Malay holding ini ditaja dan diwujudkan oleh company yang bercampur itu. Dan mengikut definisi Malay holding company syarikat yang diwujudkan tadi adalah takrifnya Melayu dan boleh mengusahakan tanah itu, sedangkan keuntungan yang dibuat oleh Malay holding company itu kemungkinan boleh diangkat kepada company yang memiliki Malay holding company itu dan company

yang principal itu tidak dimiliki sepenuhnya oleh orang Melayu. Jadi dengan cara yang sedemikian boleh kita membuka satu lubang yang besar di mana syarikat Melayu dan bukan Melayu boleh mengusahakan tanah rizab Melayu melalui cara mewujudkan Malay holding company sepertimana yang ditakrifkan dalam undang-undang ini. Jadi saya kuarir kalau-kalau dan takut-takut target kita, sasaran kita tidak menepati sasarannya, lain yang kita tuju, lain pula yang berlaku.

Dan yang kedua sepertimana yang saya telah katakan tadi apa yang kita harapkan ialah supaya nilai tanah Melayu itu dipertingkatkan dan dengan cara yang dibentangkan ini, yang dicadangkan ini mungkin tidak membawa ke arah itu. Saya pun rasanya, bukan itu tujuannya kerana saya telah membacakan Huraianya tadi, Undang-undang ini bukan bertujuan untuk meningkatkan nilai tanah rizab Melayu, yang saya fikir itulah yang sepatutnya salah satu menjadi sasaran meningkatkan nilainya di samping menjaga dan mengawal ianya tidak lari dan tidak keluar daripada menjadi tanah rizab Melayu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.28 ptg.

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai usul ini. Usul ini lebih merupakan "procedural" yang memerlukan Dewan ini meluluskannya dengan undi tertentu mengikut peraturan tetapi yang penting semangat Enakmen ini ialah bagaimana tanah-tanah Melayu yang

pada masa ini hanya boleh dimiliki oleh orang perseorangan atau "natural person" sekarang boleh juga dimiliki oleh "other legal person" seperti "corporate person" dengan izin.

Dan tentu sekali dengan peruntukan ini akan bermakna tanah-tanah Melayu boleh dimajukan dengan secara berkelompok iaitu dengan menyatukan tanah-tanah di bawah orang perseorangan dan kemudian diletakkan di bawah satu Malay holding company dan selaras dengan itu "the economy of scale", dengan izin, dengan penambahan dan "merger" itu, nilai tanah itu akan meningkat dari segi nilai ekonominya.

Dan menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan atau pertanyaan dan juga cadangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh, tentu sekali saya rasa nilai itu dapat kita tingkatkan dengan cara tidak langsung di mana tanah-tanah kepunyaan orang Melayu sekarang boleh dimiliki oleh "corporate person".

Masalah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan untuk menyelaraskan tanah-tanah Melayu di negara-negara lain, seperti saya katakan tadi, ini adalah model yang kita akan perhatikan perkembangannya di mana dengan adanya pindaan ini dan kalau terbukti berjaya dengan mengadakan peruntukan ini, Kementerian akan menggalakkan pindaan kepada enakmen-enakmen tanah ataupun kepada perundangan-perundangan tanah yang ada di peringkat negeri untuk diselaraskan.

Yang Berhormat daripada Pasir Puteh juga telah bimbang mengenai kemungkinan ada front companies ataupun syarikat-syarikat yang menjadi dalang ataupun menjadi front

untuk mengambil alih tanah-tanah Melayu dan seperti peruntukan yang diwujudkan dalam 21A iaitu dalam Fasal 12 adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal 21A, b dan sebagainya berbunyi demikian:

"If at any time whilst a Malay holding is owned by, charged or leased to, or is otherwise held in the name of, a Malay holding company pursuant to section 9 (4) such company ceases to be a Malay holding company as defined in section 2—

(a) the land shall become liable to forfeiture."

Maknanya apabila sesuatu-sesuatu Kompeni itu tidak lagi dimiliki oleh 100% oleh orang Melayu, dengan sendirinya undang-undang ini membatalkan syarikat itu sebagai having good title, dengan izin, ataupun memiliki tanah itu. Jadi, ini sebenarnya peruntukan yang cukup bijaksana diadakan supaya sesuatu syarikat yang dahulunya syarikat bumiputera 100% dan apabila sesuatu masalah pindaan kepada M.N.A. dan sebagainya dan tidak lagi menjadi 100% bumiputera atau Melayu maka dengan sendiri peruntukan ini menghalang syarikat itu memiliki tanah itu dan 21A itulah bertujuan. Jadi ini akan mengelakkan kemungkinan kompeni-kompeni digunakan oleh orang bukan Melayu kerana dengan sendirinya peruntukan itu amat luas.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda bimbang mengenai Tanah Rizab Melayu yang dicabut dan kemudian dijadikan atau dibangunkan perumahan di mana 30% daripadanya diberi kepada bukan bumiputera dan 70% bumiputera atau sebaliknya. Ini yang telah Yang Berhormat sendiri menyatakan bahawa peruntukan dalam Kanun Tanah Negara memastikan supaya tanah-tanah yang

diambil, Tanah Rizab Melayu yang diambil perlu digantikan dan Majlis Tanah Negara sentiasa mengawasi perkara-perkara ini. Dan dengan adanya peruntukan yang ini kemungkinan syarikat-syarikat bumiputra kini boleh membangunkan tanah-tanah Rizab Melayu dan dijual kepada orang Melayu.

Begitu juga dengan masalah pembiayaan dari segi membangunkan tanah-tanah Melayu yang dipegang dan dimiliki oleh Malay holding company ini yang sepatutnya 100%. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pemilikan tanah secara corporate berbeza dengan masalah pembiayaan kepada holding company ini. Kerana mengikut Jadual Kedua dalam Kanun Tanah Negara telah memperuntukkan bahawa ada institusi-institusi kewangan yang dianggap sebagai institusi bumiputra seperti Bank Pembangunan, Bank Bumiputra dan lain-lain ditakrif dalam undang-undang itu sebagai institusi bumiputra yang mana pembiayaan tanah-tanah yang dimiliki oleh Malay holding company ini boleh dibiayai kalau itu menjadi masalah dari segi pemegang cagaran dan sebagainya oleh institusi-institusi itu.

Dan seterusnya Yang Berhormat dari Sepang, masalah tujuan ini tidak akan sampai ke matlamat sarannya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita teliti Rang Undang-undang atau enakmen yang telah pun diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu ini untuk meluaskan lagi pegangan tanah-tanah Melayu. Kalau dahulu boleh hanya dipegang oleh individu-individu Melayu, kini boleh dipegang oleh Malay holding company. Dengan itu bermakna bahawa mereka ataupun personalities, bukan sahaja kepada natural person tetapi juga kepada corporate person boleh memegang

dan menambahkan kemungkinan tanah-tanah Melayu ini dibangunkan dengan lebih luas lagi dengan menubuhkan company di mana pemilik-pemilik tanah Melayu tadi boleh bercantum di bawah satu syarikat dan memiliki tanah-tanah itu di bawah Malay holding company. Dan masalah kemungkinan parent companynya atau syarikat induknya terdiri daripada bukan Melayu dan masalah menubuhkan satu anak syarikat subsidiary yang 100% Melayu tidak mungkin kerana apabila parent companynya bukan Melayu tentu sekalilah anaknya, kalau pun ada Melayu dia jadi kacukan. Jadi tidak Melayu 100% maka *ab initio* telah gagal ataupun dikecualikan daripada pemilikan ini. Dan saya percaya bahawa

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta apa Yang Berhormat? Minta penjelasan?

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Silakan.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa sebuah, katalah, public company tidak boleh menubuhkan suatu syarikat holding company sepertimana yang ditakrifkan di dalam undang-undang ini?

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Boleh, tetapi dengan syarat seperti peraturan yang disebutkan tadi, Fasal 2 definisi Malay holding company itu ialah mesti 100%. Jadi kalau misalnya parentnya tidak 100% Melayu maka anaknya pun tidak 100% Melayu. Jadi dengan sendiri dia tidak qualify di bawah ini.

"Malay holding company" means a company incorporated pursuant to any written law for the time being in force relating to companies—

- (a) all members of which are Malays;
- (b) the articles of association of which prohibit the transfer of its shares to any person who is not a Malay; and
- (c) one of the objects of which is to deal in Malay holdings.

Jadi masalah yang pertama (a) sudah disqualified kalau misalnya parent companynya atau ibunya bukan Melayu dan—

"(b) the articles of association of which prohibit the transfer of its shares"

Jadi dengan sendiri dia tidak terkeluar daripada definisi ini.

Jadi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, minat dan perhatian-perhatian yang bernas untuk usul ini dan atas segala sokongan saya ucapkan terima kasih dan mana-mana pandangan yang tidak dapat saya jawab, saya yakin bahawa perkara ini akan dapat dihalusi lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai peruntukan Fasal 89 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, usul ini hendaklah dipersetujui oleh Majlis dengan ketetapan yang diluluskan oleh sebilangan besar daripada bilangan semua Ahli Majlis Dewan Rakyat dan dengan undi tidak kurang daripada 2/3 daripada Ahli-ahli yang mengundi.

Bagi maksud pengundian, saya mengarahkan Majlis hendaklah mengadakan belahbahagian. Oleh itu, mengikut Peraturan Mesyuarat 46 (4) saya meminta lebih daripada 15 orang Ahli berdiri untuk meminta diadakan belahbahagian.

(Lebih daripada 15 Ahli berdiri).

Lebih daripada 15 Ahli yang berdiri. Saya arahkan supaya diadakan belahbahagian. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibunyikan.

Tuan Yang di-Pertua: Penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing dan undi dijalankan sekarang.

Dewan berbelah-bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan pengundian ialah Yang Bersetuju, 108 orang (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, Tiada (*Tepuk*); Yang Tidak Mengundi, 1 orang (*Ketawa*).

YANG BERSETUJU

YANG TIDAK BERSETUJU

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI

Satu

Yang demikian, Ahli-ahli yang bersetuju seramai 108 orang adalah lebih daripada separuh daripada bilangan semua Ahli Majlis Dewan Rakyat dan bilangan ini juga lebih

daripada dua pertiga daripada Ahli-ahli yang mengundi. Oleh itu, usul ini diluluskan (*Tepuk*).

Diputuskan.

Bahawasanya mengikut Fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan undang-undang yang sedia ada di Negeri Terengganu berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga diperuntukkan selainnya oleh Enakmen Badan Perundangan Negeri itu yang diluluskan dan dipersetujui seperti yang diperihalkan dalam Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan.

Dan bahawasanya Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984 bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Undang-undang Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Bilangan 17 Tahun 1960) iaitu undang-undang yang ada sekarang berkenaan dengan tanah pegangan orang Melayu di Negeri Terengganu telah diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri itu mengikut perenggan (a) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan pada 29hb November, 1984;

Maka, oleh yang demikian, menurut Fasal (2) Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan, Dewan ini menetapkan, mengikut perenggan (b) Fasal (1) Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, bahawa Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 3) 1984 yang tersebut di atas itu, yang telah dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Statut No. ST. 56 Tahun 1985, diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN(1984)

Bacaan Kali Yang Kedua

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$1,374,800,110 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1984. Keperluan bagi membentangkan Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan di samping untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1984

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1984 adalah berjumlah \$1,591,727,910 tetapi sebanyak \$1,374,800,110 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$216,927,800 adalah

merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, 1984 yang asal dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1984. Dari jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki di bawah perbelanjaan Bekalan, sebanyak \$16,843,664 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai Emolumen dan bakinya sebanyak \$1,357,956,446 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai lain-lain perbelanjaan yang diperlukan oleh beberapa buah Kementerian dan Jabatan.

Tambahan terbesar sebanyak \$1,300,000,000 adalah dikehendaki di bawah peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Dengan tambahan ini juga peruntukan bagi pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 1984 ialah \$2,300,000,000 iaitu termasuk \$1,000,000,000 yang telah diluluskan dalam Tambahan Pertama.

Di samping itu, tambahan sebanyak \$30.8 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menampung kekurangan peruntukan bagi menyelesaikan tuntutan subsidi yang dibuat oleh Lembaga Letrik Negara sehingga akhir tahun 1984 ke atas kerugian

stesen diesel dan stesen elektrik luar bandar, bayaran discount 20% ke atas penggunaan elektrik oleh industri-industri besar dan subsidi kepada pelesen-pelesen awam.

Selain dari itu, tambahan sebanyak \$20.3 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Kehakiman untuk membiayai Emolumen, perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan serta Pemilikan Harta Modal berikutan dengan pengwujudan Kementerian ini pada 17hb Julai, 1984. Dengan pengwujudan Kementerian tersebut, semua Program dan Aktiviti di bawah Jabatan Kehakiman, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh, Jabatan Pemegang Harta dan aktiviti Perkhidmatan Bantuan Guaman di bawah Jabatan Peguam Negara adalah diletakkan di bawah Kementerian baru ini. Yang lain-lain adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1984 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1985 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1985.

Dengan tambahan sebanyak \$1,374,800,110 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1984 berjumlah \$14,895,147,215. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$6,868,775,393 maka jumlah besar

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1984 menjadi \$21,763,922,608.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1984 berjumlah \$818,690,850. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$17,700,850 adalah perbelanjaan secara langsung dan bakinya sebanyak \$800,990,000 adalah perbelanjaan pinjaman. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1984 yang asal dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1984.

Dengan cadangan tambahan ini, maka jumlah besar peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 menjadi \$10,659,578,664. Tambahan tersebut adalah dikehendak di bawah sektor sosial iaitu berjumlah \$799,000,000 atau 97.6% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan ini. Tambahan tersebut adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek di bawah perumahan iaitu sebanyak \$767,000,000 adalah peruntukan pinjaman bagi membiayai Skim Pinjaman Perumahan kepada kakitangan Kerajaan dan sebanyak \$32,000,000 adalah peruntukan pinjaman bagi membiayai projek perumahan awam Wilayah Persekutuan.

Di samping itu tambahan sebanyak \$13.9 juta atau 1.7% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk sektor ekonomi. Dari jumlah tersebut sebanyak \$5.9 juta adalah untuk

membiayai projek pembangunan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail. Sebanyak \$5.5 juta adalah untuk membiayai projek Jalan Raya Timur-Barat (Fasa II) dan sebanyak \$2 juta adalah peruntukan pinjaman kepada Bank Pertanian Malaysia bagi membolehkan Bank tersebut menyalurkan Skim Kemudahan Kewangan Perikanan Negeri Sarawak kepada nelayan-nelayan secara pinjaman iaitu menggantikan bantuan subsidi yang telah ditamatkan.

Selain dari itu, sebanyak \$5.8 juta atau 0.7% daripada peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk sektor pentadbiran am. Di bawah sektor ini, tambahan terbesar sebanyak \$4.2 juta ialah untuk membiayai bangunan-bangunan mahkamah dan rumah-rumah kediaman bagi Hakim berikutan dari pemindahan projek-projek tersebut dari Jabatan Kehakiman kepada Kementerian Kehakiman. Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil termasuk peruntukan tanda \$10 bagi membiayai beberapa butiran di bawah berbagai sektor. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1984 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7/1985 dan juga dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8/1985. Saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1984 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Hajjah Rahman binti Othman:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1984

6.01 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$818,690,850 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$818,690,850 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Buritan-butiran (Projek-projek) dalam ruangan kesebelas dan kedua belas penyata tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu

dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi beberapa komen saya terhadap Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1984/1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang berkenaan. Oleh kerana kita perlu membahaskan Rang Undang-undang ini pada peringkat dasar, izinkan saya untuk menghuraikan beberapa perkara yang ada bersabit dengan kewangan negara kita dan di samping ini suka saya juga mengambil kesempatan untuk menghuraikan satu dua masalah pokok yang dialami oleh negara kita dari aspek kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa adalah sangat perlu bagi Rang Undang-undang ini diluluskan memandangkan bahawa Kementerian yang berkenaan memerlukan mendapat kelulusan daripada Dewan ini untuk meluluskan sejumlah \$1,374,800,110 daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam jadual bagi perkhidmatan tahun 1984 yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 1984 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1984 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama tahun 1984 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan 1983 dan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan negara kita pada hari ini di mana kita semua menghadapi kemelesetan ekonomi, saya suka menggunakan kesempatan ini untuk menegaskan betapa pentingnya supaya Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan yang berkenaan dan juga agensi-agensi yang berkenaan sentiasa mengambil sikap berwaspada dan juga sikap berjaga-jaga dalam menggunakan perbelanjaan awam.

Di sini saya suka menghuraikan dua masalah utama yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini. Yang pertama ialah mengenai masalah hutang awam dan kedua masalah imbangan pembayaran. Masalah masalah ini boleh menjadi semakin teruk jika harga minyak turun, kadar faedah Euro market semakin tinggi dan keadaan ekonomi dunia membawa kepada kemelesetan.

Melihatkan keadaan dan kedudukan hutang awam dan masalah imbangan pembayaran yang dihadapi oleh negara kita, dan ketidak tentuan yang dihadapi oleh harga tenaga dan bahan api, kadar faedah Euro market dan keadaan ekonomi dunia, saya suka menggesa Kerajaan supaya memperkenalkan dan melaksanakan satu rangkaian langkah-langkah komprehensif dalam cara yang segera, dalam cara yang berpadu untuk mengatasi masalah ini.

Dengan hanya penglibatan ini sahajalah negara ini akan berupaya mencapai objektif yang bercita-cita bagi mengekalkan kedudukannya dalam soal fiskal dan pembayaran ke luar negeri. Jika imbangan yang baik tidak dikekalkan ke atas keadaan ini, maka akan bertambah teruk dan tenatlah ekonomi negara. Hutang awam telah muncul sebagai satu masalah besar, sebagai akibat dari perbelanjaan sektor awam yang

bertambah tahun-tahun akhir 70an dan awal tahun 80an ini. Perbelanjaan yang semakin bertambah ini adalah kerana keghairahan Kerajaan untuk mewujudkan kestabilan objektif ekonomi dalam menghadapi zaman kemelesetan seluruh dunia di samping penglibatannya yang tetap untuk menyejajarkan pertumbuhan ekonomi dan dasar kebangsaan mengenai pembahagian semula kemakmuran menerusi pemilikan atau pengambilan alih harta-harta asing dan pembasmian kemiskinan. Dengan bertambahnya defisit akaun semasa imbangan pembayaran telah muncul sebagai masalah ekonomi negara nombor satu. Jika masalah ini tidak diselesaikan hutang luar negara akan bertambah buruk oleh kerana penyakit ekonomi negara akan semakin parah dalam sedikit masa lagi. Jika defisit dalam akaun semasa tidak diselesaikan hutang luar negara bertambah. Jika hutang luar bertambah faedah pembayaran ke atas sesuatu hutang akan juga bertambah dan ini akan memburukkan defisit akaun semasa dalam satu pusingan yang tidak berhenti. Untuk menghentikan pusingan yang buruk ini dan untuk mendapatkan penyelesaian tetap kepada masalah imbangan pembayaran dan untuk mencegah hutang luar dari menjadi semakin buruk sebagai penyakit ekonomi negara yang utama satu rangkaian tindakan yang comprehensive mestilah dilakukan atau di buat dalam cara tindakan bersama. Hanya dengan itu sahaja negara akan berupaya mencapai matlamat untuk mengekalkan keadaan baik fiskal dan pembayaran luar negara kita. Di antara tindakan-tindakan yang boleh dipertimbangkan untuk mengatasi masalah ini adalah seperti yang berikut:

- (1) penekanan yang lebih ke atas pelaburan asing dan mengurangkan pergantungan ke

atas pinjaman luar bagi menyelesaikan defisit akaun semasa;

- (2) mencari jalan dan cara meninggikan lebih dalam akaun perdagangan dan mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan menerusi pertambahan pengeluaran eksport, menghadkan pengimportan disamping kadar faedah, kadar pertukaran dan menyelaraskan fizikal;
- (3) menyemak semula matlamat kadar pertumbuhan dan objektif pengagihan supaya pemotongan ke atas perbelanjaan boleh menghasilkan dalam mengurangkan defisit fizikal dan pengurangan perbelanjaan import;
- (4) melambatkan program berat oleh kerana defisit imbalan pembayaran agak besar; dan
- (5) satu kawalan ke atas perkembangan agensi-agensi luar belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memberi modal yang besar dan memperhebatkan kegiatan impot projek-projek industri berat di samping jangka masa atau life-span yang begitu panjang untuk mengekalkan industri-industri berat ini pengurangan dalam melaksanakan projek industri berat boleh mengurangkan tekanan atau pressure, dengan izin, dalam bahasa Inggeris baik ke atas fizikal serta juga akaun luar.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini walaupun pinjaman Kerajaan Persekutuan diawasi menerusi pengurangan perbelanjaan awam dalam pemberian dan pinjaman kepada agensi-agensi di peringkat

negeri tetapi mereka dibenarkan mendapatkan pinjaman sendiri baik di dalam negeri disamping pasaran kewangan luar negeri. Ini hanya merupakan pemindahan hutang dari Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Federal kepada agensi-agensi Kerajaan biasanya di atas dasar jaminan dari Kerajaan Federal. Apa yang perlu diperiksa tidak sahaja kadar pertumbuhan hutang Persekutuan tetapi juga hutang awam dan hutang luar sebagai implikasi pertumbuhan tanpa had untuk kewangan sektor kewangan di samping imbalan pembayaran. Usaha-usaha bersama ke atas pemotongan perbelanjaan Kerajaan hendaklah juga dipakai kepada perbelanjaan Pihak Berkuasa Negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahajalah sedikit pandangan daripada saya terhadap perbahasan atas Rang Undang-undang ini di peringkat dasar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab serta menggulung ke atas kedua-dua masalah.

6.14 ptg.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah mengambil bahagian membincangkan usul ini.

Saya juga berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar kerana seperti di masa-masa yang lepas pandangan beliau walaupun dari parti pembangkang tetapi sentiasa konstruktif. Saya inginlah memaklumkan bahawa cadangan-cadangan seperti yang dikemukakan

oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan tindakan-tindakan yang mungkin diambil untuk bukan sahaja memperkukuhkan akaun semasa serta mengurangkan pinjaman luar negeri ini seperti yang disebutkan tetapi sebenarnya Kerajaan sendiri telah pun mengambil tindakan-tindakan.

Sebagai misalan, menambahkan eksport dan mengurangkan import adalah satu cara memperkukuhkan akaun semasa kita selain dari mengurangkan aliran keluar daripada wang kita dari dalam negara.

Kita telah lama menggalakkan rakyat kita menggunakan barang-barang buatan Malaysia, tetapi baru-baru ini secara official diadakan kempen "buy Malaysia" dengan izin. Begitu juga dengan cadangan-cadangan lain seperti mengawal perbelanjaan OBA ataupun Off-Budget Agencies, sebenarnya kita sentiasa memberi kawalan malah sejak baru-baru ini pengeluaran tender bagi OBA ini pun dikawal oleh Perbendaharaan.

Tetapi mengenai soal melambatkan penglibatan industri berat, ini mungkin ada sedikit perbezaan. Pertamanya kita tidak begitu faham apa yang dimaksudkan dengan lambat; sama ada lambat sedikit, lambat sangat ataupun terlalu lambat. Jadi perkataan lambat ataupun pengertian perkataan ini mungkin subjektif. Walau bagaimanapun Kerajaan akan memastikan bahawa apa juga prestasi atau progress yang dilakukan oleh Kerajaan di dalam bidang ini, sudah tentunya sejajar dengan keupayaan kewangan kita.

Perkara pemotongan perbelanjaan Kerajaan telah beberapa kali dipersoalkan di dalam Dewan yang mulia ini dan Kementerian Kewangan telah memberi jawapan-jawapan yang

menunjukkan bahawa kita sendiri memang serius dari segi pemotongan perbelanjaan-perbelanjaan yang difikirkan tidak begitu mustahak termasuklah misalnya membekukan jawatan-jawatan yang difikirkan tidak perlu dan tidak mengisikan jawatan-jawatan yang tidak perlu dan sebagainya.

Jadi, secara umumnya, Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu baik. Mana yang telah kita lakukan itu barangkali Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar hanya hendak menegaskan, ertinya dia bersetuju dengan Kerajaan, bersetuju dengan cadangan-cadangan kita. Dan bagi yang lain-lain itu rasa saya tidak perlu diulas. Cuma dari segi hutang negara yang terlupa saya hendak sebutkan tadi.

Sebenarnya kita sentiasa mengawasi hutang negara. Maka oleh sebab kesedaran kita terhadap hutang yang bertambah, kini kira-kira hampir \$60,000 juta ataupun \$60 billion sebahagian daripadanya dari luar negeri. Kerajaan telah memperketatkan lagi syarat-syarat untuk warganegara mendapatkan pinjaman dari sumber-sumber luar daripada negara ini. Walaupun kadangkala ini menyukarkan sedikit setengah mereka yang memerlukan wang untuk menjalankan projek masing-masing, tetapi menyedari hakikat bahawa kalau sekiranya kita membuat pinjaman luar, ertinya negara membuat pinjaman daripada luar dengan kadar yang kita buat 2-3 tahun yang sudah, barangkali satu ketika nanti kita hanya meminjam untuk hendak membayar hutang sahaja. Maka itu kita telah memperketatkan lagi undang-undang atau syarat-syarat membenarkan pinjaman "off-shore", dengan izin, sumber luar daripada negara.

Begitu juga Kerajaan sendiri akan mengurangkan hutang sejajar dengan

keupayaan, kemampuan kita. Maka itulah segala projek-projek yang difikirkan boleh ditangguhkan terutama sekali projek-projek yang memakan belanja yang besar dan belum lagi dibuat commitment, maka projek-projek ini disusun semula atau ditangguhkan dahulu, kecuali projek-projek yang melibatkan pembangunan sosio-ekonomi khususnya projek-projek yang akan membabitkan dengan perkara-perkara pembasmian kemiskinan ataupun projek-projek yang menguntungkan mereka di luar bandar, projek-projek tersebut akan terus dijalankan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan tadi.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1984 dibacakan kali yang kedua dan Usul Pembangunan Tambahan dipersetujui.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya kemukakan

masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Diputuskan.

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1984 dibacakan kali yang kedua dan Usul Pembangunan Tambahan dipersetujui.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1984)

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1984

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui. Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini sekarang bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui. Diputuskan.

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$818,690,850 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$818,690,850 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1985 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusi Jawatankuasa*).

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$1,374,800,110 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1984 bagi Maksud-maksud Bekalan B.2, B.7, B.22, B.29, B.30, B.32, B.35, B.40, B.41, B.50, B.59, B.64 dan B.67 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$818,690,850 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bil. 2 1984 bagi Maksud-maksud Pembangunan, P.7, P.19, P.21, P.26, P.30, P.37, P.50, P.63 dan P.67 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 1985 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah menerangkan tentang keperluan bagi

mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 1984 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1984. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Perintah 5 tahun 1985 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1984 dan Kertas Perintah 8 tahun 1985 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1984. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan lanjut mengenai perkara ini.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Maksud B. 2 dan B. 7 (Jadual)—

Maksud P. 7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 2 dan B. 7 dan Kepala Pembangunan P. 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$60,000 untuk Maksud B. 2 dan \$3,391,200 untuk Maksud B. 7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$60,000 untuk Maksud B. 2 dan \$3,391,200 untuk Maksud B. 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak

\$7,518,600 yang disebutkan dalam Maksud P. 7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,518,600 untuk Maksud P. 7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan P. 19 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$32,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,000,000 untuk Maksud P. 19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Maksud P. 21 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan P. 21 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,990,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 21 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,990,000 untuk Maksud P. 21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1984.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.